



PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT

HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEENAM

Sixth Parliament

PENGGAL KETIGA

Third Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 4181]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perkhidmatan Telekomunikasi (Syarikat Pengganti)
[Ruangan 4242]

Rang Undang-undang Kanun Tanah Negara (Pindaan) (No. 2)
[Ruangan 4271]

Rang Undang-undang Pencen (Pindaan) 1985 [Ruangan 4294]

USUL-USUL:

Akta Kastam 1967—

- (i) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 12) 1985
- (ii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 13) 1985
- (iii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 14) 1985
- (iv) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 15) 1985
- (v) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 16) 1985
- (vi) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 17) 1985
- (vii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 18) 1985
- (viii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 19) 1985

[Ruangan 4260]

KANDUNGANNYA—(samb.)

- (ix) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 20) 1985
 - (x) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 21) 1985
 - (xi) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 22) 1985
 - (xii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 23) 1985
 - (xiii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 24) 1985
 - (xiv) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 25) 1985
 - (xv) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 26) 1985
 - (xvi) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 27) 1985
 - (xvii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 28) 1985
 - (xviii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 29) 1985
 - (xix) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 30) 1985
 - (xx) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 31) 1985
 - (xxi) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 32) 1985
 - (xxii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 33) 1985
 - (xxiii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 34) 1985
- } [Ruangan 4260]

Akta Eksais 1976—

- (i) Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 2) 1984
 - (ii) Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 2) 1985
 - (iii) Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 3) 1985
 - (iv) Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 4) 1985
 - (v) Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 5) 1985
- } [Ruangan 4268]

Akta Cukai Jualan 1972—

Perintah Cukai Jualan (Kadar Cukai) (Pindaan) (No. 2) [Ruangan 4270]

Penangguhan Mesyuarat [Ruangan 4298]

Ucapan Penangguhan—

Rumah Setingan Memasang Paip Air Persendirian [Ruangan 4298]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEENAM

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KETIGA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Mohamed Zahir bin Haji Ismail, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M. (Kubang Pasu)

” Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato Musa Hitam, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Panti)

Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Dr Neo Yee Pan, S.P.M.J., B.S.I. (Muar)

” Menteri Kerjaraya, Dato' S. Samy Vellu, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungei Siput)

” Menteri Luar Negeri, Y.B.M. Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj bin Tengku Ismail, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu)

” Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Y.B.M. Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Ulu Kelantan)

” Menteri Pengangkutan, Tan Sri Chong Hon Nyan, P.S.M., D.G.S.M., J.M.N. (Batu Berendam)

” Menteri Perusahaan Utama, Dato' Paul Leong Khee Seong, D.P.C.M. (Taiping)

” Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Datuk Leo Moggie anak Irok, P.N.B.S. (Kanowit)

” Menteri Perusahaan Awam, Datin Paduka Rafidah Aziz, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)

” Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud, P.N.B.S., J.B.S. (Santubong)

” Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, Datuk Seri Sanusi bin Junid. D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi)

” Menteri Pelajaran, Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas)

- Yang Berhormat Menteri Penerangan, Dato' Rais Yatim, D.S.N.S. (Jelebu)
- „ Menteri Buruh, Dato' Mak Hon Kam, D.P.M.P., J.M.N. (Tanjong Malim)
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, Datuk Seri Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam, D.G.S.M. (Alor Gajah)
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Amar Stephen Yong Kuet Tze, D.A., P.N.B.S. (Padawan)
- „ Menteri Kesihatan, Dato Chin Hon Ngian, D.S.I.J., S.M.J. (Rengam)
- „ Menteri Wilayah Persekutuan, Dato Shahrir bin Abdul Samad, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru)
- „ Menteri Pertanian, Tuan Anwar bin Haji Ibrahim (Permatang Pauh)
- „ Menteri Kehakiman dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. James P. Ongkili, S.P.D.K., D.I.M.P. (Tuaran)
- „ Menteri Kebajikan Masyarakat, Dato' Abu Hassan bin Haji Omar, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor)
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato Mohamed Khalil bin Yaakob, D.S.A.P., J.S.M. (Maran)
- „ Menteri Kewangan, Tuan Daim Zainuddin (Kuala Muda)
- „ Timbalan Menteri Penerangan, Dato' Chan Siang Sun, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong)
- „ Timbalan Menteri Pertanian, Dr Goh Cheng Teik (Nibong Tebal)
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, Dato' K. Pathmanaban, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang)
- „ Timbalan Menteri Buruh, Dato' Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut)
- „ Timbalan Menteri Buruh, Datuk William Lye Chee Hien, P.G.D.K. (Gaya)
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, Tuan Bujang bin Haji Ulis (Simunjan)
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha, D.S.A.P., J.M.N. (Paloh)
- „ Timbalan Menteri Pertanian, Tuan Luhath Wan (Baram)
- „ Timbalan Menteri Penerangan, Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed (Machang)
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Datin Paduka Chow Poh Kheng @ Rosemary Chong, D.P.M.S. (Ulu Langat)
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Puan Shariffah Dorah binti Dato' Syed Mohammed, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Semerah)

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh)
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato S. Subramaniam, D.S.N.S., S.M.J. (Segamat)
- „ Timbalan Menteri Kewangan, Dato Dr. Tan Tiong Hong, D.S.A.P. (Raub)
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, Puan Hajjah Rahmah binti Othman, J.S.M., S.M.S., A.M.N., P.J.K. (Selayang)
- „ Timbalan Menteri Kewangan, Dato Sabbaruddin Chik, D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh)
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Puan Napsiah binti Omar (Kuala Pilah)
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, A.M.K. (Kulim-Bandar Baru)
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad (Kangar)
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Dato' Oo Gin Sun, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar)
- „ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Tuan Ahmad Shah bin Datuk Hussein Tambakau, B.S.K. (Keningau)
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, Dato Zainal Abidin bin Zin, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai)
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Tuan Megat Junid bin Megat Ayob, A.M.P., A.M.K. (Hilir Perak)
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Tuan Haji Abdul Rahim bin Abu Bakar, S.M.P., A.M.N., (Kuantan)
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, Dato' Dr. Ling Liong Sik, D.P.M.P. (Mata Kuching)
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Lee Kim Sai, D.P.M.S., P.P.N. (Ulu Selangor)
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha (Batu Pahat)
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, Tuan Abdillah bin Haji Abdul Hamid (Silam)
- „ Timbalan Yang di-Pertua, Dr. Abdul Hamid bin Pawanteh (Arau)
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Tuan Law Hieng Ding, P.B.S. (Sarikei)
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, Tuan Jawan anak Empaling, K.M.N. (Rajang)
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, Tuan Hussein bin Mahmud (Tanah Merah)

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos,
Tuan Au How Cheong, K.M.N., A.M.P. (Telok Anson)
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan
Luar Bandar, Tuan Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali,
A.M.P. (Gerik)
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan,
Tuan Awang bin Jabar, A.M.N., P.J.K. (Dungun)
- „ Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri, Tuan Mustaffa
bin Mohammad, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading)
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Tuan Yeoh Poh
San (Petaling)
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemaju-
an Wilayah, Tuan Haji Dusuki bin Haji Ahmad (Tumpat)
- „ Tuan Abdul Ghafar bin Baba (Jasin)
- „ Tuan Abdul Ghani bin Misbah, P.P.N., B.S.K., A.S.D.K. (Kina-
batangan)
- „ Dato Abdul Manan bin Othman, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Treng-
ganu)
- „ Tuan Abdul Rahman bin Suliman (Parit Buntar)
- „ Datuk Patinggi Haji Abdul Taib bin Mahmud, D.P., D.A.,
S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan)
- „ Datuk Haji Abu Bakar bin Umar, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar)
- „ Tuan Haji Affandy bin Tun Haji Mohd. Fuad Stephens (Marudu)
- „ Tuan Ahmed Hambal bin Yeop Majlis, P.P.T. (Parit)
- „ Tan Sri Datin Paduka Hajjah Aishah binti Haji Abdul Ghani,
P.M.N., D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat)
- „ Datuk Alfred Jabu Anak Numpang, P.N.B.S., K.M.N. (Betong)
- „ Tuan Alias bin Md. Ali, P.J.K. (Ulu Trengganu)
- „ Tuan Andrew Janggi Muyang (Lubok Antu)
- „ Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim, A.M.P. (Ba-
tang Padang)
- „ Tuan Bahari bin Haron (Labis)
- „ Tuan Baharom bin Haji Bakar (Padang Terap)
- „ Tuan Ban Hon Keong (Batu Gajah)
- „ Dr. George Chan Hong Nam (Lambir)
- „ Tuan Chan Kok Kit (Sungai Besi)
- „ Dr. Chen Man Hin (Seremban)
- „ Dato Michael Chen Wing Sum, D.P.M.S. (Beruas)
- „ Tuan Peter Chin Gan Oon, P.M.P. (Ipoh)

Yang Berhormat Datuk Clarence E. Mansul, P.G.D.K. (Penampang)

- „ Datuk Edmund Langgu Anak Saga, P.N.B.S., P.B.S. (Saratok)
- „ Datuk Edwin Anak Tangkun, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S. (Batang Lupar)
- „ Tuan Fung Ket Wing (Sandakan)
- „ Tuan Newman Gaban (Bandau)
- „ Tuan Gooi Hock Seng (Bukit Bendera)
- „ Tuan V. Govindaraj, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang)
- „ Datuk Harris bin Mohd. Salleh, S.P.D.K., S.P.M.J. (Ulu Padas)
- „ Tuan Hassan bin Haji Mohamed, K.M.N., A.M.N. (Rantau Panjang)
- „ Tuan Hassan Alban bin Haji Sandukong, J.P. (Labuk Sugut)
- „ Dato Dr. Hee Tien Lai, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Ayer Hitam)
- „ Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan (Kuala Nerus)
- „ Tuan Ismail bin Arshad, A.M.K. (Jerai)
- „ Tuan Ismail @ Mansor bin Said, A.M.N. (Kemaman)
- „ Dato Jamaluddin bin Haji Suhaimi, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam)
- „ Tuan Justine Anak Jinggut (Ulu Rajang)
- „ Dato' Sri Haji Kamaruddin bin Haji Mohd. Isa, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut)
- „ Tuan Kan Yau Fa, A.S.D.K. (Tawau)
- „ Tuan Karpal Singh (Jelutong)
- „ Tuan Khadri bin Sabran (Tenggaroh)
- „ Tuan Mark Koding (Kinabalu)
- „ Dr. Koh Tsu Koon (Tanjong)
- „ Dato Lee Boon Peng, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin)
- „ Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar)
- „ Dr Leo Michael Toyad (Mukah)
- „ Datuk Leonard Linggi anak Jugah, P.N.B.S., P.B.S. (Kapit)
- „ Dato Lew Sip Hon, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam)
- „ Tuan Lim Kit Siang (Kota Melaka)
- „ Tuan Lim Liang Seng, P.P.T. (Kinta)
- „ Tuan Ling Sie Ming (Sibu)

- Yang Berhormat Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman, S.M.T., P.J.K.
(Ulu Nerus)
- „ Dato' Haji Mohamed bin Haji Ali, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N.,
P.B. (Nilam Puri)
- „ Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud, A.M.N. (Pekan)
- „ Dato' Mohamed bin Rahmat, S.P.M.J., S.S.I.J., P.N.B.S.,
K.M.N. (Pulau)
- „ Tuan Mohamed Razlan bin Haji Abdul Hamid, P.P.N., P.P.T.
(Matang)
- „ Dato Haji Mohamed Suhaimi bin Dato Haji Kamaruddin,
D.P.M.S., A.M.N. (Sepang)
- „ Dato' Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim,
D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah)
- „ Tuan Mohammad Idris bin Mohammad Basri (Setapak)
- „ Dato Mohammad Yahya bin Lampong, A.S.D.K. (Kota Belud)
- „ Tuan Mohammed Yussof bin Haji Yakob (Hilir Padas)
- „ Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah, S.M.K. (Bachok)
- „ Tuan Mokhtaram bin Rabidin, A.M.N., P.P.N., P.I.S. (Pontian)
- „ Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie, P.M.N., S.S.A.P.,
S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis)
- „ Tuan Mutang Tagal (Bukit Mas)
- „ Tuan Ng Cheng Kuai (Lumut)
- „ Dato' Haji Ngah bin Haji Abdul Rahman, S.P.M.J., S.S.I.J.,
P.I.S., B.S.I., A.M.N., J.P. (Ledang)
- „ Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat, K.M.N., J.P. (Pengkalan
Chepa)
- „ Dato' Dr. Nik Hussain bin Abdul Rahman, D.P.M.K., K.M.N.
(Kuala Krai)
- „ Tuan Omar bin Abdullah (Tampin)
- „ Tuan Othman bin Abdul (Ulu Muda)
- „ Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf, P.G.D.K.,
A.D.K. (Kimanis)
- „ Tuan Patrick Anek Uren (Mas Gading)
- „ Tuan Quah Wee Liam, P.I.S., B.S.I. (Kluang)
- „ Tuan Richard Dampeng Anak Laki (Serian)
- „ Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah, D.P.M.P., P.M.P.,
A.M.N., P.J.K. (Padang Rengas)
- „ Tuan Seow Hun Khim (Bukit Mertajam)

- Yang Berhormat Tuan Haji Seroji bin Haji Haron, A.M.N., P.P.N., B.K.M.
(Baling)
- „ Tuan Shamsuri bin Md. Saleh, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik Pulau)
- „ Tuan Sim Kwang Yang (Bandar Kuching)
- „ Tuan Tan Koon Swan, A.M.P., J.P. (Damansara)
- „ Tuan Tan Kok Hooi (Padang Serai)
- „ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
- „ Tuan Thomas Salang Siden (Julau)
- „ Tuan Ting Ling Kiew (Bintulu)
- „ Wan Abu Bakar bin Wan Mohamad (Jerantut)
- „ Wan Ibrahim bin Wan Abdullah (Pasir Mas)
- „ Tuan Haji Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad (Pasir Puteh)
- „ Wan Zainab binti M. A. Bakar, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani)
- „ Tuan Yahya bin Haji Zakaria, P.P.T. (Bagan Datok)
- „ Tuan Yew Foo Weng (Menglembu)
- „ Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S.,
K.M.N. (Tanjong Karang)

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Yahya Manap

Penyunting Kanan: P. B. Menon

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad

Pemberita-Pemberita

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Khamis, 25hb Julai, 1985

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-PERTANYAANPENEMPATAN PEGAWAI-PEGAWAI
PTD — KEMENTERIAN PELAJARAN

1. Tuan Khadri bin Sabran minta Perdana Menteri menyatakan bilangan pegawai-pegawai PTD yang ditempatkan oleh JPA di Baha-

gian-bahagian tertentu di Kementerian Pelajaran dan Jabatan Penuntut Malaysia di luar negeri. Senaraikan juga bilangan mereka yang memegang jawatan peringkat Staf, Tingkatan-tertinggi A,B,C,D,E, F,G, kanan dan Tingkatan-biasa.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato Mohamed Khalil bin Yaakob: Tuan Yang di-Pertua, bilangan pegawai-pegawai PTD yang ditempatkan oleh JPA di bahagian-bahagian tertentu di Kementerian Pelajaran dan Jabatan-jabatan Penuntut Malaysia di luar Negeri mengikut jawatan peringkat Staf dan sebagainya adalah seperti berikut:

	Kementerian Pelajaran	Jabatan Penuntut Malaysia di Luar Negeri
Jawatan Turus III	1	-
Tingkatan-tertinggi B	1	-
Tingkatan-tertinggi D	2	-
Tingkatan-tertinggi E	3	-
Tingkatan-tertinggi F	3	-
Tingkatan-tertinggi G	15	1
Tingkatan-kanan	13	1
Tingkatan-biasa	32	14

Tuan Mokhtaram bin Rabidin: Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri sedar bahawa Pegawai Perkhidmatan Pelajaran juga layak membuat kerja-kerja pentadbiran dan pengurusan di peringkat Kementerian Pelajaran dan juga di bahagian-bahagian yang lain kerana mereka juga telah mempunyai kelulusan akademik, mempunyai latihan iktisas dan juga kursus

pentadbiran dimesti. Jika sedar, apakah rasionalnya JPA menempatkan sebegitu ramai PTD di Kementerian Pelajaran?

Yang kedua, adakah Yang Berhormat Menteri berkenaan sedar bahawa pegawai-pegawai PTD di Kementerian Pelajaran, kadar nisbah Tingkatan-tertinggi dan Tingkatan-kanan adalah 1:2, sedangkan Pegawai-pegawai Perkhid-

matan Pelajaran, atau saya lebih suka menggelarkan pegawai 3P yang sesuai dengan 3M, ialah kadar 1:10. Jika sedar, apakah langkah-langkah positif yang akan dilaksanakan untuk membetulkan keadaan yang tidak seimbang itu?

Dato Mohamed Khalil bin Yaakob: Tuan Yang di-Pertua, soalan pertama sama ada sedar bahawa Pegawai-pegawai Pelajaran juga mempunyai kelulusan yang membolehkan mereka mentadbir. Jawabnya memang benar Pegawai-pegawai Pelajaran juga boleh mentadbir dan sebagainya. Tetapi mengikut sistem kita yang ada, kita mempunyai beberapa perkhidmatan dan hal-hal pentadbiran dan pengurusan adalah dikhususkan bagi pegawai-pegawai di dalam kalangan PTD dan merekalah juga yang mengendalikan Kementerian dari banyak hal seperti masalah kewangan, masalah co-ordination, kordinasi, dengan izin, dan sebagainya. Dan ini merupakan bidang yang khusus. Dan kita memahami bahawa Pegawai-pegawai Pelajaran merupakan golongan profesional di dalam bidang pelajaran dan pendidikan. Jadi, hal ini tidak dapat dibahaskan.

Mengenai sama ada saya sedar atau tidak mengenai nisbah yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi dari segi ruang naik pangkat, kalau tidak silap saya dan ruang jawatan dan sebagainya, memang kita sedar nisbah yang berbeza ini. Dan seperti yang akhir-akhir ini diberitahu, kita juga telah meminta Kementerian Pelajaran mengkaji kedudukan ini dan bagi mereka umpamanya yang sedang memangku jawatan, kita juga telah mengarahkan supaya Kementerian Pelajaran juga melaksanakan perakuan membolehkan Pegawai-pegawai Pelajaran dapat jawatan tetapi di dalam tingkatan masing-masing.

Tuan Khadri bin Sabran: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Adakah pegawai-pegawai PTD ataupun pegawai-pegawai perkhidmatan Pelajaran sendiri di Kementerian Pelajaran ini yang menjalankan urusan-urusan yang berkaitan dengan kenaikan pangkat bagi pegawai dan kakitangan di dalam Kementerian Pelajaran, jika urusan tersebut dilaksanakan oleh pegawai-pegawai PTD, mengapa ramai pegawai perkhidmatan Pelajaran yang sudah bertahun-tahun lamanya tidak disahkan

di dalam jawatan dan pemangkuan serta kenaikan pangkat mereka padahal urusan-urusan tersebut boleh ataupun sepatutnya diselesaikan dalam masa enam bulan. Bukankah ianya lebih baik jika urusan-urusan tersebut diserahkan sahaja kepada pegawai perkhidmatan pelajaran itu sendiri sepertimana yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri di dalam jawapan tadi bahawa pegawai perkhidmatan Pelajaran ini juga mempunyai kebolehan, keupayaan di dalam melaksanakan peranan, tugas dan tanggungjawab masing-masing di dalam Kementerian tersebut?

Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menjelaskan sedikit di sini mengenai perkara kenaikan pangkat khususnya bagi Kementerian Pelajaran. Seperti kita ketahui mereka mempunyai Suruhanjaya sendiri dan kuasa ini diturunkan juga di peringkat Kementerian yang mana ada jawatankuasa-jawatankuasa yang mengendalikan perkara-perkara kenaikan pangkat dan walaupun pegawai-pegawai PTD mengendalikan Bahagian Kenaikan Pangkat itu, ini setakat memproses. Mereka tidak mempunyai kuasa di dalam hal ini oleh kerana kuasa sebenarnya berada kepada Jawatankuasa Kenaikan Pangkat yang juga mengandungi pegawai-pegawai profesional daripada kalangan guru-guru ataupun kalangan pegawai-pegawai pelajaran.

Mengenai kenapa setengah daripada mereka sudah lebih daripada 6 bulan memangku jawatan tetapi tidak disahkan, saya ingin menjelaskan sama ada mereka boleh disahkan atau tidak bergantung kepada perakuan yang dibuat. Mengikut kajian saya satu daripada masalah di dalam hal ini ialah perakuan-perakuan untuk membolehkan pegawai-pegawai ini naik pangkat tidak sampai kepada pihak tertentu, dengan itu tidak membolehkan kita mengesahkan mereka naik pangkat. Dan seperti juga saya perkatakan tadi perkara ini sedang diperbetulkan yang mana semua Kementerian-kementerian termasuk Kementerian Pelajaran sudahpun diminta oleh Jawatankuasa Perjawatan yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk melaksanakan arahan supaya perakuan-perakuan tidak dilewatkan bagi membolehkan badan-badan tertentu melaksanakan pengesahan jawatan bagi pegawai-pegawai termasuk pegawai-pegawai pelajaran yang sedang memangku jawatan.

PETRONAS — USAHASAMA PERUSAHAAN MINYAK MALAYSIA

2. Tuan Mutang Tagal minta Perdana Menteri menyatakan apakah langkah-langkah yang sedang diambil oleh PETRONAS untuk memastikan Kontraktor dari luar negeri yang ingin mengambil bahagian di dalam perusahaan minyak dan gas di dalam Malaysia harus diwajibkan untuk bekerjasama dengan syarikat tempatan. Senaraikan semua Syarikat yang bekerjasama (joint venture) dan yang sedang berjalan di dalam Malaysia di dalam perusahaan minyak dan gas. Nyatakan sama ada kerjasama tersebut berjaya dalam meminda teknologi kepada Syarikat ataupun orang tempatan. Adakah Syarikat minyak dari luar negeri di dalam Malaysia seperti Shell, EPMI, BP, Caltex, Exxon mengikut syarat peraturan dan panduan yang telah dan sedang dibuat oleh PETRONAS dari masa ke semasa.

Menteri Kehakiman dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Dr. James P. Ongkili): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, syarikat-syarikat yang menyertai sektor 'upstream' (hulu) industri petroleum Malaysia boleh dibahagikan kepada 2 kategori iaitu:

- (a) Syarikat-syarikat yang telah memeterai Perjanjian Perkongsian Pengeluaran atau Production Sharing Contract (PSC) dengan PETRONAS; dan
- (b) Syarikat-syarikat lain yang membekalkan perkhidmatan dan peralatan dalam operasi-operasi 'upstream'.

Perbezaan di antara syarikat-syarikat dalam kategori-kategori tersebut ialah syarikat-syarikat yang telah memeterai Perjanjian Perkongsian Pengeluaran tidak lagi diwajibkan untuk memperolehi lesen dari PETRONAS bagi menyertai sektor 'upstream', seperti yang disyaratkan kepada syarikat-syarikat lain di bawah Akta Kemajuan Petroleum 1974 dan Peraturan-Peraturan Petroleum 1974.

Setakat akhir bulan Jun 1985 hanya 5 buah syarikat, iaitu Sarawak Shell Berhad, Sabah Shell Petroleum Company, Esso Production Malaysia Inc. atau EPMI, Overseas Petroleum

Investment Corporation (OPIC) dari Taiwan, dan Elf Aquitaine, telah menandatangani Perjanjian Perkongsian Pengeluaran dengan PETRONAS. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, PETRONAS hanya mempunyai kuasa untuk mengawal operasi-operasi 'upstream' Kontraktor-kontraktor Perkongsian Pengeluarannya sahaja. Setakat ini, PETRONAS belum lagi mengalami sebarang masalah besar dengan Kontraktor-kontraktornya ini.

Bagi syarikat-syarikat lain yang ingin menyertai sektor 'upstream' industri petroleum Malaysia, mereka boleh berbuat demikian sama ada dengan memperolehi lesen dari PETRONAS, yang telah diberi kuasa untuk memproses dan meluluskan permohonan-permohonan bagi lesen-lesen tersebut, atau mendapatkan kerjasama syarikat-syarikat tempatan dan seterusnya melantik syarikat-syarikat ini sebagai wakil tempatan mereka. Bagi syarikat-syarikat yang memohon lesen tersebut mereka dikehendaki berdaftar di Malaysia dan mempunyai sekurang-kurangnya 30% daripada equitinya dimiliki oleh Bumiputera. Dengan demikian, walau dengan apa carapun syarikat-syarikat asing tidak boleh mengelak dari sama ada menubuhkan syarikat usahasama dengan syarikat-syarikat tempatan, terutama syarikat-syarikat yang dimiliki oleh Bumiputera, atau menggunakan perkhidmatan-perkhidmatan syarikat-syarikat tersebut.

Setakat 30hb Jun, 1985, terdapat sejumlah 155 buah syarikat usahasama yang berdaftar dengan PETRONAS. Syarikat-syarikat ini boleh dibahagikan kepada dua kategori iaitu:

- (a) Usahasama di antara syarikat-syarikat asing dengan syarikat-syarikat tempatan seperti yang disenaraikan di lampiran I jawapan ini; dan
- (b) Usahasama di antara syarikat asing dengan individu atau beberapa orang tempatan, seperti yang disenaraikan di lampiran II pada jawapan ini.

Bidang-bidang utama di mana usahasama telah berjaya menghasilkan pemindahan teknologi kepada pihak tempatan secara berperingkat-peringkat adalah termasuk: bidang fabrikasi 'living quarters', jacket dan module-module; rekabentuk kejuruteraan kelengkapan

luar pantai; dan pembekalan pengangkutan laut dan udara.

Dalam pada itu, usahasama juga telah menghasilkan rakyat Malaysia memperolehi kemahiran tertentu untuk menyandang jawatan-jawatan kanan yang di antaranya termasuk penyelia kumpulan rekabentuk projek (project group design supervisor), penyelia pengecru-dian, pakar kanan pengeluaran, pakar kanan penyelenggaraan dan pengelola kanan loji.

Tuan Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Menteri menjelaskan di dalam Dewan ini berapa peratuskah barangan-barangan dan peralatan-peralatan yang digunakan di dalam perusahaan petroleum di negara ini dikeluarkan sendiri oleh negara ini dan sama ada pihak Kerajaan membuat perancangan jangka panjang iaitu pada suatu ketika nanti, satu masa ke hadapan sebilangan besar kalau tidak pun keseluruhan barangan-barangan dan peralatan-peralatan yang digunakan dalam perusahaan minyak baik mencarigali ataupun menapis diperbuat di negeri ini sendiri sesuai dengan pemindahan teknologi kepada rakyat Malaysia.

Datuk Dr. James P. Ongkili: Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan pertama iaitu peratus barangan atau alatan-alatan yang dibuat di negara ini, saya minta menjawab secara bertulis kepada Yang Berhormat kerana saya tidak mempunyai butir-butir tersebut pada ketika ini.

Kedua, dalam jangka panjang sama ada kita akan membuat alat-alat dan barangan-barangan itu sendiri di negara ini, itu memang menjadi matlamat negara kita supaya bukan sahaja pemindahan teknologi dari segi kakitangan dan kemahiran akan tetapi dari segi sebenarnya butir-butir dan jenis-jenis alat-alat itu dibuat dengan mahirnya oleh rakyat Malaysia sendiri.

Tuan Mutang Tagal: Tuan Yang di-Pertua, saya mempunyai tiga soalan. Pertama, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri mengenai dengan telaga minyak yang terdapat di kawasan Kuala Berang iaitu telaga

minyak yang dipanggil Rasau dan Adung Kecil. Baru-baru ini PETRONAS Carigali telah membuat keputusan bahawa PETRONAS Carigali tidak akan mencarigali telaga minyak ini oleh kerana masalah kewangan yang dihadapi oleh negara kita dan oleh kerana itu PETRONAS Carigali sedang dalam kajian sama ada untuk menswastakan kedua telaga minyak yang terdapat di Rasau dan Adung Kecil di Kuala Berang.

Soalan saya ialah sama ada sekiranya Kerajaan membuat keputusan bahawa telaga minyak ini dicarigali oleh syarikat swasta sama ada syarikat swasta daripada Sarawak dipertimbangkan dalam usahasama ini memandangkan satu telaga minyak yang terdapat di Balingian telahpun dikerjakan oleh satu syarikat minyak iaitu Elf Aquitaine bersama dengan satu syarikat tempatan Delcom Services yang mempunyai satu subsidiary kepada syarikat Promet. Oleh kerana itu, sama ada Kerajaan bercadang supaya syarikat tempatan di Sarawak ataupun di Sabah dipertimbangkan dalam usahasama untuk mencarigali telaga minyak Rasau dan Adung Kecil.

Kedua, mengenai subkontraktor yang dijalankan beberapa pekerjaan ataupun tugas kepada main contractor dengan PETRONAS seperti Shell, EPMI, Elf Aquitaine sama ada sub-kontraktor tertentu diwajibkan oleh PETRONAS untuk melaksanakan pekerjaan mereka mengikut arahan-arahan yang dibuat oleh PETRONAS dari masa ke semasa memandangkan production sharing contract adalah di antara PETRONAS dan main contractor tetapi bukan dengan sub-kontraktor Slumburger. Slumburger merupakan satu kompi yang membuat monopoli dalam pekerjaan perforation work, dengan izin. Jadi, oleh kerana Slumburger merupakan satu kompi, satu syarikat di seluruh dunia yang mempunyai teknologi yang khusus dalam perforation dan oleh kerana itu mereka menggunakan alasan ini untuk tidak mengikut arahan-arahan daripada PETRONAS.

Timbalan Yang di-Pertua: Kita belum menimbang Rang Undang-undang lagi. Pukul 3.30 petang baharu kita mula timbangkan Rang Undang-undang.

Tuan Mutang Tagal: Mengenai soalan yang kedua, sama ada Kerajaan bercadang supaya subkontraktor ini diwajibkan untuk mematuhi arahan-arahan dari PETRONAS dari semasa ke semasa.

Yang ketiga, Tuan Yang di-Pertua, Malaysia akan menjadi tuan rumah kepada satu konferensi yang dinamakan ASCOP (Asean Council on Petroleum) pada hujung tahun ini dari tanggal 2hb hingga tanggal 5hb Disember. Dan oleh kerana itu memang konferensi ini akan mendedahkan negara kita ataupun industri minyak kita kepada syarikat-syarikat asing dan oleh kerana itu apabila ASCOP ini diadakan jikalau aktiviti dalam minyak kita akan meningkat oleh kerana pendedahan ini, apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan supaya kepentingan dasar Kerajaan mengenai dengan eksploitasi minyak dan gas di negara ini dapat kita pertahankan supaya kita dapat capai dalam masa yang tertentu.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya minta sebelum Yang Berhormat menjawabnya, soalan pertama adalah terkeluar daripada konteks dan mempunyai ciri-ciri andaian maka saya tidak membenarkan soalan itu.

Soal yang kedua dan ketiga bolehlah dijawab sekiranya Yang Berhormat hendak menjawab, sila Yang Berhormat.

Datuk Dr. James P. Ongkili: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Jawapan untuk soalan yang kedua, memang benar bahawa dalam usaha PETRONAS bekerjasama dengan syarikat-syarikat asing yang memajukan penggerudian dan pengeluaran minyak di negara kita seperti lima syarikat Pengkongsian Pengeluaran (PSC Contractors) yang disebut di jawapan asal saya itu. Syarikat-syarikat yang mempunyai PSC dengan PETRONAS juga secara tidak langsung tertakluk kepada syor-syor dan juga syarat-syarat yang dibuat oleh PETRONAS keatas mereka berpandu kepada Akta Pembangunan Petroleum 1974 dan sekiranya Ahli Yang Berhormat mempunyai sebarang maklumat ataupun pengaduan bahawa sesuatu daripada lima PSC contractors dengan PETRONAS ini tidak mematuhi ataupun telah menyeleweng daripada jalan-jalan ataupun langkah-langkah yang sepatutnya, maka bolehlah senti-

asa berhubung dengan pengurusan PETRONAS, membawa pengaduan itu kepada pangukuan PETRONAS untuk diselesaikan. Perkaranya seperti ini sebenarnya berlaku agak selalu dan tidak pernah tidak diselidiki atau disiasat oleh PETRONAS, selalu disiasat dan dicari penyelesaian.

Yang akhir sekali, saya rasa mengenai ASOP pada 2hb hingga 5hb Disember ini, saya rasa kita tidak perlu merasa ragu, kita mempunyai dasar pengeluaran, penggunaan petroleum dan gas kita dan tiada siapa pun pihak asing yang boleh memberi kata dua kepada kita, kita sentiasa mengawal pengeluaran dan kedudukan minyak dan gas negara ini untuk kegunaan rakyat dan negara kita.

PELAJAR-PELAJAR KE UNIVERSITI

3. Tuan Haji Seroji bin Haji Haron minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah rancangan Kerajaan bagi memenuhi kehendak pelajar-pelajar yang lulus STPM yang berkelayakan tetapi tidak dapat melanjutkan pelajaran ke Universiti.

Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Bujang bin Haji Ulis): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelajar-pelajar yang tidak dapat melanjutkan pelajaran ke universiti-universiti tempatan, masih mempunyai peluang untuk memohon memasuki pusat-pusat latihan perguruan, Institut Teknologi MARA, Kolej Tunku Abdul Rahman dan lain-lain institusi sama ada dalam negeri ataupun luar negeri bagi melanjutkan pelajaran mereka di bidang tertentu termasuklah bidang-bidang teknik dan iktisas.

Dr. Koh Tsu Koon: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengemukakan dua soalan. Yang pertama ialah berlanjutan dan bersangkutan dengan soalan yang telah saya kemukakan pada minggu sudah mengenai kemasukan universiti juga, iaitu mengenai masalah serba salah ataupun dilemma dihadapi oleh segolongan besar pelajar yang mengambil kombinasi ekonomi dan mathematics di mana mereka ini tidak dapat diterima masuk ke dalam bidang sastra kerana adanya mathematics dan tidak diterima masuk ke bidang sains kerana adanya

ekonomi. Oleh kerana bilangan yang begitu besar, adakah Kementerian bercadang untuk mengkaji dan mempertimbangkan semula kes-kes mereka ini memandangkan bahawa syarat minimum untuk masuk ke universiti ialah dua matapelajaran principle, dan satu matapelajaran subsidiary dan mereka ini sebenarnya mempunyai empat matapelajaran principle yang mereka telah lulus.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan kepada konsep sijil terbuka untuk STPM, adakah Kerajaan bercadang untuk mempertimbangkan prestasi seseorang murid itu bagi dua tahun berturut-turut iaitu mengambil empat matapelajaran yang terbaik daripada dua peperiksaan yang diambil berturut-turut itu yang terkandung dalam dua sijil terbuka.

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan yang pertama, memang pada dahulunya Yang Berhormat dari Tanjong menyoalkan Kementerian mengenai kes meliberalisasikan, kalau boleh saya katakan, pendidikan. Kita berminat mengenai perkara itu, sebab didapati kadang-kadang terutamanya sekali dalam bidang pelajaran dan pembelajaran, bidang perguruan di kala mana pada masa ini kita kekurangan guru-guru yang mengajar Bahasa Malaysia bidang sastra dan guru-guru yang terlatih dalam bidang sains jarang-jarang didapati boleh mengajar bidang sastra. Jadi, sebabnya ialah kepengkhususan itu begitu restricted, dengan izin. Jadi, dengan sebab itu kita berminat dengan berliberalisasi ini.

Namun demikian, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kita sebenarnya mengkaji perkara ini dengan teliti dan pihak Kementerian akan menyediakan laporan kajian dengan teliti dan menentukan langkah-langkah yang tertentu akan diambil.

Soalan yang kedua itu saya mohon Yang Berhormat ulang sekali lagi.

Dr. Koh Tsu Koon: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah saya ulang secara ringkas?

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, seberapa ringkas, Yang Berhormat.

Dr. Koh Tsu Koon: Berdasarkan kepada konsep Sijil Terbuka, bolehkah Kementerian mempertimbangkan prestasi seseorang murid itu, iaitu untuk mengambil kira keputusan dalam peperiksaan bagi 2 tahun berturut-turut iaitu mengambil kira 4 matapelajaran yang terbaik daripada dua peperiksaan itu dan bukannya dalam satu peperiksaan sahaja?

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, memanglah Kementerian sentiasa mempertimbangkan banyak aspek termasuk perkara yang dikemukakan oleh Yang Berhormat.

DASAR EKONOMI BARU — SUSUNAN MILIKAN ASING

4. Dr. Koh Tsu Koon minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan bilangan syarikat-syarikat yang masih belum memenuhi sasaran penyusunan DEB. Berapakah di antaranya pemilikan Malaysia dan berapa pemilikan asing. Setakat manakah ini disebabkan oleh kekurangan rakan-rakan bumiputera yang sesuai dan berminat untuk berkongsi. Apakah langkah-langkah yang sedang diambil oleh Kerajaan untuk mengatasi masalah ini.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin): Tuan Yang di-Pertua, sehingga akhir tahun 1984, sebanyak 321 buah syarikat Sendirian Berhad yang dilesenkan di bawah Akta Penyelesaian Perindustrian, 1975 masih lagi belum mematuhi syarat ekuiti yang dikenakan di dalam Lesen Pengilang masing-masing. Dari jumlah ini 258 buah syarikat merupakan syarikat-syarikat di mana lebih daripada 51% dari segi ekuitinya dimiliki oleh rakyat Malaysia dan 63 buah lagi merupakan syarikat-syarikat yang majoriti ekuitinya dimiliki oleh asing.

Kementerian saya mendapati pelaburan portfolio merupakan salah satu kaedah pelaburan yang diminati oleh kaum bumiputera. Malah terdapat juga segolongan bumiputera yang bukan sahaja berminat untuk melabur akan tetapi juga berminat untuk menceburi di dalam pengurusan syarikat-syarikat pengilangan. Namun pun demikian, syarikat-syarikat yang disebutkan di atas mendapati begitu sukar untuk menarik minat pelabur-pelabur bumiputera untuk mengambil saham-saham khas

di syarikat masing-masing. Ini adalah disebabkan kadar pulangan pelaburan sebilangan daripada syarikat-syarikat tersebut tidak begitu menarik berbanding dengan peluang-peluang pelaburan yang lain. Ada juga sebilangan kecil daripada syarikat-syarikat ini yang mempunyai kedudukan kewangan yang tidak begitu kukuh.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya akan terus berusaha untuk membantu syarikat-syarikat ini untuk mendapatkan pelabur-pelabur bumiputera. Melalui perhubungan yang rapat di antara Kementerian dan kedua-dua pihak ini, adalah dijangka 'perjodohan' di antara pelabur bumiputera dan syarikat-syarikat ini akan akhirnya berjaya.

Di samping itu Kementerian saya telahpun menubuhkan Jawatankuasa Bertindak Mengenai Penyertaan Ekuiti Bumiputera di dalam syarikat-syarikat Sendirian Berhad untuk membantu syarikat-syarikat yang masih belum mematuhi syarat ekuiti mencari pelabur-pelabur bumiputera yang sesuai dan yang berminat.

Sebuah Panel Penasihat Pelabur Bumiputera telah juga ditubuhkan baru-baru ini dengan ahli-ahlinya terdiri, di antara lain, wakil daripada bank-bank perdagangan dan bank-bank saudagar dengan tujuan untuk menilai senarai syarikat-syarikat yang masih belum mematuhi syarat ekuiti berasaskan kepada prestasi kewangan setiap syarikat dan potensinya untuk berkembang. Setakat ini Panel tersebut telah membuat 'tapisenarai' sebanyak 25 buah syarikat dari senarai yang ada yang dianggap sebagai pelaburan yang viable dan berpotensi. Senarai ini telah diedarkan kepada Dewan-dewan Perniagaan, syarikat dan individu bumiputera yang telah berdaftar dengan Kementerian ini untuk kajian mereka, dan seterusnya membuat keputusan sama ada ingin membeli saham-saham khas di syarikat tersebut ataupun tidak.

Dr. Koh Tsu Koon: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan ini dalam bidang-bidang apakah yang pelabur-pelabur bumiputera lebih berminat dan di mana penyertaan bumiputera sudah mencapai ataupun melebihi sasaran DEB dan di sebaliknya

dalam bidang apakah pelabur-pelabur bumiputera kurang berminat dan tidak dapat mencapai sasaran dan apakah sebab-sebabnya begitu?

Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Tuan Yang di-Pertua, dari segi angka yang tepat saya tidak dapat menyatakan, tetapi langkah yang telahpun diambil oleh Kementerian ialah membahagikan sektor-sektor industri ini kepada 15 sektor, iaitu di antaranya sektor yang berasaskan getah, yang berasaskan kayu, yang berasaskan elektrik ataupun elektronik, yang berasaskan logam dan sebagainya. Di dalam sektor ini kita dapati kebanyakan daripada pelaburan bumiputera adalah terlibat dalam sektor perladangan dan sektor pembuatan bahan-bahan yang berasaskan kayu tetapi dalam sektor-sektor yang lain seperti elektrik, elektronik, logam dan sektor petro-chemical dan sebagainya masih lagi kekurangan.

Sebab-sebabnya ialah pertamanya kerana kurang pengetahuan dan kepakaran bakal-bakal pelabur bumiputera dalam sektor-sektor yang saya sebutkan tadi. Dan keduanya, kerana sektor-sektor ini adalah merupakan sektor yang baru dan sebahagian besarnya melibatkan pelaburan yang agak besar. Oleh sebab itu mereka tidak lagi bersedia di peringkat ini untuk dapat menceburkan diri dalam sektor yang saya sebutkan tadi.

JUMLAH WANG YANG TIDAK DITUNTUT

5. Tuan Mohammad Idris bin Mohammad Basri minta Menteri Kewangan menyatakan jumlah wang yang tidak dituntut (unclaimed moneys) yang tersimpan dalam jagaan Kerajaan pada masa ini dan apakah sebab-sebabnya wang ini tidak dituntut oleh mereka yang berhak dan apakah usaha-usaha Kerajaan untuk mengesan pemunya-pemunya yang berhak.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Dr. Tan Tiong Hong): Tuan Yang di-Pertua, jumlah wang tidak dituntut yang telah didepositkan dengan Kerajaan di bawah peruntukan Akta Wang Tidak Dituntut, 1965 sehingga 30hb Jun, 1985 ialah sebanyak \$68,843,859.03. Dari jumlah ini, \$10,702,609.50 telah dipindahkan ke

akaun hasil Kerajaan mengikut Seksyen 11(2) Akta berkenaan, dan \$7,022,490.59 telah dikembalikan kepada pemunya atau orang yang berhak menerimanya.

Tuan Yang di-Pertua, sebab-sebab wang tersebut tidak dituntut ialah kerana pemunya telah meninggal dunia; berada di seberang laut bagi tempoh yang agak lama; tidak dapat dikesan oleh majikan, syarikat atau firma bagi tujuan memulangkan wang tersebut; kehilangan dokumen-dokumen seperti buku simpanan bank; kurang berminat untuk membuat tuntutan kerana amaun yang hendak dituntut adalah terlalu kecil; tidak tahu wang mereka ada dipegang oleh syarikat atau firma yang berkenaan dan tidak tahu akan wujudnya Akta Wang Tidak Dituntut, 1965 itu.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, usaha Kerajaan bagi menentukan bahawa wang tidak dituntut yang masih ada di dalam simpanan syarikat atau firma dikembalikan kepada pemunya yang berhak ialah dengan menjalankan pemeriksaan ke atas rekod-rekod syarikat atau firma dan menentukan bahawa syarikat dan firma yang berkenaan itu mengiklankan butir-butir wang tersebut dalam Warta Kerajaan dalam bulan Mac setiap tahun dan bagi wang tidak dituntut yang telah dibayar kepada Kerajaan, Pendaftar Wang Tidak Dituntut ada menyimpan rekod wang tidak dituntut yang boleh diperiksa oleh sesiapa pun pada waktu pejabat.

Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya, wang yang disimpan itu iaitu wang yang kita tidak tahu siapa punya ataupun yang masih tidak terang itu apakah digunakan ataupun disimpan begitu sahaja. Kedua, adakah atau tidak rancangan Kerajaan supaya wang itu daripada dibekukan begitu iaitu diberi pinjam kepada orang-orang yang mustahak seperti ahli-ahli perniagaan supaya meminjam wang itu dan diniagakan wang itu dan dikembalikan. Sekian.

Dato Dr. Tan Tiong Hong: Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan pertama, wang yang tidak dituntut apabila diterima ianya dimasukkan ke dalam Akaun Amanah Disatukan untuk tempoh 6 tahun dan wang ini tidak

boleh digunakan oleh kerana wang ini bukan kepunyaan Kerajaan. Selepas 6 tahun ini, wang ini akan dipindahkan ke Akaun Hasil Disatukan dan ini akan disimpan oleh pihak Kerajaan dan apabila ada orang yang membuat permohonan untuk dikembalikan wang ini, Kementerian Kewangan boleh mengarahkan pembayaran wang yang sama amaunnya kepada tuan punya.

Untuk menjawab soalan dua, tidak.

Timbalan Yang di-Pertua: Paling baik jawabannya.

SEKATAN JALANRAYA — GARIS PANDUAN

6. Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) apakah garisan atau garispandu yang ditentukan kepada Polis-polis Lalulintas tentang sebab-sebab yang dimestikan mengadakan sekatan-sekatan jalanraya (road block), adakah sekatan jalanraya boleh dibuat sesuka hati mengikut arahan yang difikirkan patut oleh Ketua-ketua Balai Polis sahaja tanpa panduan yang telah digariskan; dan
- (b) sebutkan apakah garisan Undang-undang atau peraturan-peraturan yang dimestikan diadakan sekatan jalanraya; adakah kemungkinan sekatan jalanraya dibuat dengan tanpa arahan ketua.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, sekatan jalanraya yang diadakan oleh pihak polis adalah untuk mencapai objektif tertentu seperti berikut:

- (i) Selepas berlakunya jenayah besar seperti rompakan dan bunuh di mana adalah perlu bagi pihak polis mengesan dan mengepung pesalah-pesalah itu dengan tujuan menangkap mereka;
- (ii) Tujuan memeriksa/menyekat pergerakan penjenayah-penjenayah, elemen-elemen subversif dari satu kawasan ke satu kawasan lain;

- (iii) Menyekat pergerakan barang-barang makanan, ubat dan lain-lain pembekalan, dengan izin, supply di dalam kawasan keselamatan;
- (iv) Menyekat pergerakan senjata, dokumen-dokumen subversif, senjata berbahaya ataupun pengedaran dadah;
- (v) Menguatkuasakan undang-undang dan peraturan-peraturan lalulintas; dan
- (vi) Membantu agensi-agensi Kerajaan yang lain dalam menguatkuasakan undang-undang yang ada kaitan dengan agensi-agensi itu.

Sukalah dimaklumkan bahawa sekatan jalanraya ini tidaklah dilakukan dengan sewenang-wenangnya oleh mana-mana anggota polis tanpa arahan dari Ketua Polis Daerah atau Pegawai Polis yang tidak kurang pangkatnya dari Inspektor.

Tuan Yang di-Pertua, ada beberapa peruntukan undang-undang berkaitan dengan penguatkuasaan sekatan jalanraya ini dan yang penting sekali ialah Akta Polis 1967 dan Ordinan Lalulintas 1958.

Mengikut Seksyen 26 Akta Polis 1967, ia memberi kuasa kepada Pegawai Kanan Polis mendirikan sekatan jalanraya jika pegawai itu fikirkan perlu untuk memelihara dan mengekalkan undang-undang dan ketenteraman awam atau mencegah serta mengintip penjenayah. Kuasa juga diberi untuk menahan dan menangkap kenderaan dan orang-orang yang disyaki.

Seksyen 140 Ordinan Lalulintas 1958 pula memberi kuasa kepada pegawai polis untuk menangkap, memberhentikan dan menahan terhadap mana-mana orang yang melanggar kesalahan di bawah Ordinan ini. Manakala di bawah Seksyen 47 di bawah Ordinan yang sama adalah menjadi tanggungjawab pemandu-pemandu kenderaan memberhentikan kenderaannya apabila dikehendaki berbuat demikian oleh mana-mana pegawai polis berpakaian seragam.

Tuan Mohamed Razlan bin Haji Abdul Hamid: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan.

Adakah Timbalan Menteri sedar apabila diadakan road block ataupun sekatan-sekatan jalanraya, terutamanya di waktu malam, ada kalanya oleh kerana road block ataupun sekatan jalanraya ini, pihak anggota polis ini mengadakan sekatan jalanraya ini lampu signalnya kadang-kadang terlampau rendah, kereta itu banyak, jadi apabila ada road-block, orang yang datang jauh, dia tidak nampak lampu tanda (signal) oleh pihak polis tadi. Ini akan membahayakan anggota-anggota polis itu sendiri. Apakah langkah-langkah tertentu pihak Kementerian Dalam Negeri agar sekatan-sekatan jalanraya ini dapat memberi kesan yang sempurna, terutama di segi keselamatan anggota-anggota polis itu sendiri.

Yang kedua, adakah Timbalan Menteri sedar bahawa masalah road block atau sekatan jalanraya ini kadangkalanya anggota-anggota polis ini apabila tengok kereta orang yang berpangkat besar sedikit, misalnya Wakil Rakyat ataupun Menteri, dia lepaskan begitu sahaja. Saya ingin tahu adakah pihak Timbalan Menteri menekankan sedikit kepada pihak anggota polis supaya tidak kira siapa, supaya memeriksa, mana tahu entah orang besar-besar tadi membawa dadah atau apa-apa, maklumlah di zaman sekarang ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, memang diakui terdapat beberapa tempat di mana sekatan jalanraya yang diadakan, terutama sekali di waktu malam lampunya amat malap sekali. Walau bagaimanapun, ingin saya menegaskan di sini bahawa jika seseorang tidak menjalankan kenderaan dengan begitu laju, lampu yang malap itu pun boleh dinampaknya. Walau bagaimanapun, saya akan mengambil tindakan untuk memperbaiki jika terdapat insiden-insiden yang boleh disebut oleh Yang Berhormat dengan secara detailnya.

Berkenaan dengan VIP ini, saya ingin menjelaskan di sini bahawa termasuk VIP, dia mesti berhenti di tiap-tiap jalanraya yang ada sekatan untuk membolehkan pegawai polis menjalankan pemeriksaan. Tetapi adalah menjadi adat kepada kita apabila sebuah kereta VIP itu mendekati sekatan jalanraya, pihak anggota polis menghormati VIP itu dan memberi jalan dengan cara baik. Saya berharap pihak VIP

tidak akan mengambil kesempatan untuk menedarkan dadah (*Ketawa*) dan seterusnya seperti apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi.

Tuan Yahya bin Haji Zakaria: Yang Berhormat Timbalan Menteri, suka saya bertanya mengenai cara-cara pihak polis menetapkan sesuatu tempat untuk mengadakan sekatan jalanraya ini. Ini saya sebutkan kerana kedua-dua pihak sama ada pihak polis yang menjalankan tugas, begitu juga pihak pemandu kereta atau kenderaan didapati agak sukar jikalau sekiranya tempat diadakan sekatan jalanraya ini ialah tempat yang sebok. Saya perhatikan didapati pihak polis tidak dapat memeriksa kenderaan, hanya bertanya kepada driver apa yang ada di belakang. Ada pula setengah polis itu bertanya, kalau kereta itu kereta 'Volkswagen', dia tanya apa ada di belakang. Yang sebenarnya di belakang enjinlah. (*Ketawa*) Dari segi kesusahan lalulintas pula, pemandu-pemandu ini.....

Timbalan Yang di-Pertua: Ini soalan tambahan atau hendak cerita kereta enjin belakangkah ini? (*Ketawa*)

Tuan Yahya bin Haji Zakaria: Tidak, ini untuk hendak tahu adakah Timbalan Menteri memberi satu garis panduan kepada pihak polis dan kepada pihak pemandu. Kedua, saya ingin bertanya adakah Timbalan Menteri sedar bahawa pemandu-pemandu lori, pemandu-pemandu kenderaan ini, mereka ini ada kata sepakat (signal). Ertinya bila ada satu sekatan jalanraya, dia sudah beri tahu kereta yang di depan dia itu, naikkan lampu tinggi, isyarat mengatakan di depan sana ada sekatan. Maknanya, mereka yang ada salah itu sudah siang-siang tidak akan dapat ditangkap. Apakah tindakan Menteri ini untuk mencegah perkara ini.

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, memang ada peraturan yang tertentu yang dikeluarkan terutamanya peraturan yang saya maksudkan ialah "Hukuman Tetap Ketua Polis Negara Bab A 127". Saya percaya bahawa tiap-tiap anggota Polis yang menjalankan tugas sekatan jalanraya memahami tentang tanggungjawab mereka dan saya berasa

yakinlah bahawa selama ini pihak Polis menjalankan tanggungjawab dengan begitu cekap.

Berkenaan dengan signal yang diberi oleh kenderaan-kenderaan berat yang kita selalu nampak di jalanraya memanglah benda ini berlaku. Saya sendiri pun biasa nampak dan Yang Berhormat sendiri pun biasa nampak. Perkara ini bukanlah bersangkut paut dengan sekatan jalanraya. Walau bagaimanapun kekesanannya adalah hasil daripada terdapatnya sekatan jalanraya bermakna lori-lori yang membawa muatan berat umpamanya telah memberi signal supaya mereka tidak menghampiri sekatan jalanraya dan berhenti di tempat-tempat yang jauh. Ini boleh kita berasa bangga kerana perbuatan itu adalah hasil daripada tindakan-tindakan bersangkut paut dengan adanya sekatan jalanraya tadi.

BEKALAN AIR — LANGKAH MENGATASI KEKURANGAN

7. **Tuan Lee Lam Thye** minta Menteri Kerja Raya menyatakan sama ada beliau sedar bahawa terdapat kemungkinan yang Malaysia akan mengalami kekurangan air oleh kerana bekalan air tetap semakin berkurangan akibat dari pertambahan penduduk, kemajuan sosio-ekonomi, pencemaran, pemeliharaan yang tidak mencukupi dan pengurusan air yang tidak berhati-hati dan apakah langkah-langkah lanjut yang Kementerianya bercadang untuk laksanakan bagi mengatasi masalah selaras dengan kajian sumber bekalan air negara yang disiapkan pada tahun 1982.

Timbalan Menteri Kerjaraya (Dato' Zainal Abidin bin Zin): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya sedar akan keadaan keperluan bekalan air yang kian meningkat dan oleh itu kajian telah dibuat untuk memajukan perbekalan air untuk memenuhi keperluan pada jangka masa pendek dan pada masa jangka yang panjang. Kajian Punca-punca Bekalan Air Nasional yang disiapkan dalam tahun 1982 oleh Japanese International Corporation Agencies (JAICA) adalah salah satu kajian yang dikendalikan secara makro mengenai perkembangan punca-punca bekalan air di negara

kita ini. Di samping itu beberapa kajian kemungkinan mengenai perkembangan punca-punca bekalan air yang lain berdasarkan kawasan-kawasan yang telah dikenal pasti dan berdasarkan kajian itu program-program untuk perkembangan bekalan air telah dirancang. Program yang telah dimasukkan di dalam Rancangan Malaysia Keempat ialah untuk membiayai projek-projek air yang akan menelan jumlah belanja lebih kurang \$2,052 juta adalah dirancang untuk memenuhi keperluan bekalan air sampai tahun 1989 dan 1990.

Kini semua program ini telah hampir siap. Apabila program ini siap menjelang 1985/1986 bekalan air di kawasan-kawasan keperluan bekalan air yang besar seperti Lembah Kelang, Johor Bahru, Kuantan, Seremban dan lain-lain kawasan akan mencukupi untuk menampung permintaan hingga menjelang 1986 hingga 1990.

Untuk memenuhi keperluan bekalan air menjelang tahun 2000 nanti satu program baru yang berdasarkan kajian-kajian yang dijalankan mengenai ramalan-ramalan keperluan bekalan air akan dicadangkan untuk dimasukkan dalam Rancangan Malaysia Kelima yang mana akan dibentangkan di sidang Dewan Rakyat dalam tahun ini.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan sedar bahawa beliau sendiri ada menyatakan di Kangar, Perlis pada bulan Jun yang lalu bahawa negara kita dijangka menghadapi masalah kekurangan bekalan air bersih dalam tempoh dua hingga tiga tahun yang akan datang kerana timbulnya masalah seperti pemendapan air, kebocoran paip-paip air besar dan sebagainya. Dan saya hendak mendapat tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan memandang masalah-masalah yang pernah disebut oleh beliau apakah langkah-langkah lanjutan yang diambil untuk mengatasinya? Di samping ini, suka saya juga meminta Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk mengesahkan sama ada benar bahawa adalah menjadi satu cadangan Kerajaan untuk menggubal satu Akta Bekalan Air di negara ini bagi tujuan untuk menghadapi masalah pada masa yang akan datang.

Timbalan Yang di-Pertua: Paip-paip besar air, bukan paip-paip air besar Yang Berhormat apabila hendak menjawab.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Itu yang saya risau tadi, Tuan Yang di-Pertua. (*Ketawa*) Saya duduk fikir apakah yang saya hendak jawab.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membetulkan sedikit statement yang saya buat di Kangar ialah mengenai kawasan negeri Perlis dan kawasan negeri Kedah, bukanlah keseluruhannya, ada tempat-tempat yang tertentu seperti di negeri Perlis dan sebahagian daripada negeri Kedah, di Ipoh, begitu juga di sebahagian daripada negeri Kelantan. Walau bagaimanapun perancangan yang telah saya sebutkan tadi telahpun kita buat seperti yang telah dicadangkan dalam kajian 1982 iaitu JAICA telah mencadangkan supaya kita membina 57 empangan. Sebahagian daripada 57 empangan ini telahpun dibina oleh DID dan JKR sendiri. Di antara empangan-empangan yang telah kita bina atau takungan-takungan yang telah kita bina seperti yang akan siap ialah di Alor Setar, Kota Bharu, Tanah Merah, Tumpat, Pasir Mas, Kuala Kangsar, Muar dan lain-lain ini adalah merupakan sedutan daripada cadangan yang telah dibuat oleh JAICA ini. Walau bagaimanapun seperti yang telah saya sebut di dalam statement saya itu berapa banyak kita bina tetapi kita minta simpati daripada pengguna-pengguna bekalan air ini sendiri supaya kecüriran dan penggunaan air yang tidak membazir dapat ditingkatkan daripada segi penggunaannya supaya ditingkatkan bukan daripada segi banyak pembazirannya jadi dapat digunakan lebih ini untuk pengguna-pengguna yang lain.

Saya sendiri sedang memikirkan sebahagian daripada ada industri-industri kecil yang menggunakan air yang bersih ini untuk keperluan industrinya. Ini saya rasa Kementerian saya akan buat satu kajian supaya industri-industri yang kecil ini tidak menggunakan air yang bersih untuk keperluan industri mereka dan dengan itu kita boleh mengurangkan penggunaan air yang bersih kepada tempat yang tidak tertentu.

Mengenai cadangan yang kedua ialah Akta Bekalan Air, sebenarnya negara kita ini mempunyai satu Akta Bekalan Air, saya minta izin, Tuan Yang di-Pertua, kalau tersalah sebut tahunnya, saya rasa tahun 1948 dan Kementerian sudah mengarah Bahagian Bekalan Air untuk buat kajian mengenai Akta Bekalan Air ini dan satu jawatankuasa telah ditubuhkan di peringkat Kementerian kita dan saya jangka dalam bulan September nanti seperti yang telah diputuskan dalam mesyuarat dua bulan sudah jawatankuasa ini akan membentangkan di peringkat Kementerian pindaan-pindaan mengenai Akta Bekalan Air ini termasuklah enforcement, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, kepada pengguna-pengguna air yang sewenang-wenangnya membazirkan air ini umpamanya di standpipe itu dengan basuh lori, dia mandi, dia berkubang kata orang utara; orang-orang ini akan kita dakwa dengan penalti yang lebih tinggi. Dan kalau ini pun tidak cukup, kemungkinan kita akan minta pandangan Ahli-ahli Dewan ini apakah hukuman yang patut kita berikan kepada orang-orang yang mencuri, yang membazir air ini dengan tidak tentu hala.

BABI HUTAN — DASAR PERLINDUNGAN

8. Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan sama ada beliau sedar dasar perlindungan ke atas Babi Hutan, telah melibatkan pembiakan Babi-babi Hutan yang bermaharajalela memusnahkan banyak tanaman-tanaman pekebun-pekebun kecil seperti nenas, pisang, getah dan lain-lain. Jika sedar, adakah Kementerian mempunyai maklumat setakat mana kemusnahan-kemusnahan ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tuan Law Hieng Ding): Tuan Yang di-Pertua, walaupun babi hutan adalah binatang yang diperindungi di bawah Akta Perlindungan Hidupan Liar 1972, dasar Kerajaan terhadap pemburuan babi hutan adalah sangat liberal. Tuan-tuanpunya ladang atau kebun yang dimusnahkan oleh babi hutan bolehlah menembak mati babi hutan tanpa permit dari Jabatan Perhilitan, bagi mereka yang ingin memburu babi hutan. Jabatan

Perhilitan tidak mensyaratkan apa-apa hak kepada pemburu oleh kerana mereka boleh memohon lesen serta tiada had terhadap bilangan babi hutan yang boleh diburu. Sistem kawalan ini tidaklah mengakibatkan pembiakan babi hutan yang berleluasa.

Pada tahun 1984 jumlah babi hutan yang telah ditembak mati oleh pemburu-pemburu yang mempunyai lesen ialah 10,000 ekor.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat ketika satu laporan dibuat kepada Jabatan Perhilitan oleh pekebun-pekebun yang tanam-tanamannya telah dimusnahkan oleh babi hutan, Jabatan itu akan mengambil tindakan untuk memburu babi-babi hutan itu.

Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Perhilitan tidaklah mempunyai maklumat mengenai tahap kemusnahan yang telah berlaku. Walaupun demikian, berlandaskan laporan-laporan yang telah diterima setakat ini keadaannya tidaklah serius.

Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya geli hati, biak sangat babi ini sampai satu tahun 10,000 ekor ditembak dan dibunuh.

Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, adakah Jabatan Perhilitan ini boleh diperintah supaya memburu babi hutan sepanjang tahun, terutamanya musim buah-buahan oleh kerana masalah babi hutan ini cukup besar terutamanya dalam kawasan saya sampai 500-600 hektar kawasan nenas, pisang.....

Timbalan Yang di-Pertua: Masalah yang besar atau babi hutan yang besar? (*Ketawa*)

Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman: Masalahnya besar dan babi hutan pun besar.

Tuan Law Hieng Ding: Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Perhilitan memang sentiasa mengeluarkan lesen-lesen untuk memburu babi hutan itu sepanjang tahun.

Datuk Edwin anak Tangkun: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana..... (*Ketawa*)

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Batang Lupar.

Datuk Edwin anak Tangkun:.....oleh kerana masih banyak terdapat babi hutan di Semenanjung Malaysia ini dan memusnahkan tanaman khususnya tanaman di kawasan-kawasan luar bandar sepertimana yang disoalkan dalam soalan asal ini.

Saya ingin tahu adakah Kerajaan bercadang untuk menyediakan peruntukan wang untuk mengadakan komisyen kepada siapa-siapa yang dapat membunuh babi di kebun-kebun itu supaya babi di Semenanjung ini dapat dikurangkan (*Ketawa*)

Tuan Law Hieng Ding: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya akan mengambil perhatian. (*Ketawa*)

Timbalan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(*Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 9 hingga 49 adalah diberi di bawah ini*)

MINYAK MENTAH — PENGELUARAN HARIAN

9. Tuan Lim Kit Siang minta Perdana Menteri menyatakan pengeluaran harian minyak mentah oleh Malaysia setiap bulan dalam separuh bahagian pertama tahun 1985, harga purata bulanan minyak mentah Malaysia bagi tempoh tersebut dan kekurangan (shortfall) dalam hasil petroleum yang dialami oleh Kerajaan berbanding dengan Belanjawan 1985

Datuk Dr. James P. Ongkili: Purata pengeluaran harian minyak mentah Malaysia bagi tempoh 6 bulan pertama tahun 1985 ialah 424,166 tong sehari dan harga purata wajaran bulannya bagi tempoh yang sama ialah AS\$28.19 setong. Pecahan butir-butir purata pengeluaran harian minyak mentah dan harga purata bulannya adalah seperti berikut:-

Bulan	Purata Pengeluaran Harian (Tong Sehari)	Harga Purata Wajaran (AS\$ Setong)
Januari	461,740	28.84
Februari	431,030	27.97
Mac	407,440	28.16
April	413,400	28.05

Bulan	Purata Pengeluaran Harian (Tong Sehari)	Harga Purata Wajaran (AS\$ Setong)
Mei	418,550	27.96
Jun	412,790	28.11
Purata ..	424.166	Purata Wajaran 28.19

Anggaran kurangan hasil petroleum yang diperolehi oleh Kerajaan dalam enam bulan pertama tahun 1985 adalah dijangka sebanyak M\$185 juta.

RAMALAN KEADAAN CUACA NEGARA ASEAN

10. Tuan Ban Hon Keong minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:-

- (a) sama ada Kementerian beliau akan menimbang menyiarkan ramalan keadaan cuaca di lain-lain negara ASEAN dalam suratkhbar, televisyen dan radio untuk memudahkan musafir-musafir menjangkakan keadaan cuaca di negara-negara yang mereka tujui. Perbuatan ini mungkin juga meninggikan taraf kerjasama di antara negara-negara ASEAN; dan
- (b) adakah ramalan keadaan cuaca negara kita tepat dan jika ya, berapakah tepatnya apabila dibandingkan dengan negara-negara jiran kita.

Tuan Law Hieng Ding:

- (a) Kementerian saya tidaklah bertanggungjawab untuk menyiarkan ramalan keadaan oleh kerana ini adalah tugas RTM, Kementerian Penerangan dan pihak-pihak akhbar tempatan untuk berbuat demikian. Sekiranya pihak-pihak tersebut memerlukan maklumat mengenai keadaan cuaca di lain-lain negara ASEAN, Kementerian saya bolehlah menyediakan maklumat itu.
- (b) Perkhidmatan Kaji cuaca Malaysia di bawah Kementerian saya telah dapat mencapai ketepatan ramalan sebanyak 60 - 70 dan pencapaian ini adalah yang boleh diperbandingkan dengan pencapaian negara-negara jiran kita. Kawasan tropika termasuk rantau ASEAN dipengaruhi oleh sistem-sistem cuaca yang berskala kecil. Ini me-

nimbulkan suatu kesukaran yang terbesar dalam ramalan cuaca oleh ahli-ahli kaji cuaca. Di kawasan sederhana pula, corak cuaca adalah lebih teratur dan tidak dipengaruhi oleh perubahan yang datang dengan tiba-tiba dan oleh yang demikian cuaca di negara-negara sederhana adalah lebih mudah diramalkan. Hakikat ini telahpun diakui oleh Pertubuhan Kaji cuaca Sedunia atau WMO.

BANK RAKYAT — KADAR FAEDAH PINJAMAN

11. Tuan Othman bin Abdul minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk mengkaji semula kadar faedah pinjaman Bank Rakyat yang berlipat ganda atau dalam Islamnya disebut 'riba jahiliah' supaya sesuai dengan kehendak Kerajaan sekarang dalam penerapan nilai-nilai Islam.

Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Datuk Seri Sanusi bin Junid): Bank Rakyat seperti juga Bank-bank lain di Malaysia ini mengenakan kadar faedah selaras dengan amalan biasa Operasi Bank.

Buat masa ini Pengurusan dan kakitangan Bank Rakyat sedang berusaha giat untuk menutup segala kerugian yang berlaku tahun 70an. Hanya dengan menghapuskan kerugian ini baharulah Bank Rakyat boleh membayar dividen kepada ahli-ahlinya selaras dengan peruntukan Akta Bank Kerjasama Rakyat Malaysia (Peruntukan Khas 1978).

Walau bagaimanapun, Bank Rakyat sedang meneliti dan menyelidik tentang bagaimana perjalanan Bank ini boleh diselaraskan dengan nilai-nilai Islam. Ini memerlukan sedikit masa boleh kerana segala perubahan yang akan dibuat melibatkan pengubahsuaian semua sistem dan peraturan yang sedang berkuatkuasa sekarang ini.

Seminar Penerapan Nilai Islam dalam operasi yang dianjurkan oleh Maktab Kerjasama Malaysia iaitu sebuah Badan Berkanun Kementerian ini akan diadakan dari 6 - 9 Ogos, 1985 yang akan datang bertempat di Maktab

Kerjasama Malaysia, Jalan Templer, Petaling Jaya diharap akan dapat membantu Bank Rakyat di dalam perancangannya ke arah matlamat di atas.

EKUITI SYARIKAT-SYARIKAT ASING

12. Tuan Ng Cheng Kuai minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:-

- (a) adakah benar syarikat-syarikat asing tertentu yang telah memohon untuk mengstruktur ekuitinya terpaksa tunggu menunggu kerana pihak Kementerian beliau tidak mampu mencari rakan-rakan Bumiputra atau Bukan Bumiputra untuk membeli sahamnya;
- (b) berapakah syarikat-syarikat yang mengalami masalah ini; sebutkan senarai syarat-syarat yang berkenaan; dan
- (c) apakah tindakan Kementerian beliau dalam mempercepatkan kes-kes yang berkenaan.

Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Cadangan-cadangan bagi penyusunan semula ekuiti syarikat-syarikat Asing samada yang telah diluluskan oleh Jawatankuasa Pelaburan Asing (FIC) atau yang dikemukakan terus kepada Kementerian saya tidak pernah menghadapi sebarang kesulitan mencari rakan-rakan samada dikalangan Bumiputra atau Bukan Bumiputra. Ini adalah kerana sebahagian besar dari syarikat-syarikat Asing ini kerap kali telah mempunyai cadangan tersendiri rakan kongsi yang pada anggapan mereka boleh dipelawa menyertai di dalam syarikat-syarikat ini. Di dalam kes-kes dimana syarikat-syarikat asing ini tidak mencadangkan rakan Bumiputra, Kementerian saya tidak mempunyai apa-apa masalah di dalam memperuntukkan saham-saham tersebut kepada pihak-pihak Bumiputra yang layak yang telah berdaftar dengan Kementerian.

TELEFON AWAM SECARA ATUR

13. Tuan Mokhtaram bin Rabidin minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan adakah Kementerianya bercadang akan mengadakan perkhidmatan telefon awam secara

sistem ATUR di kawasan luar bandar dan pendalaman yang terpencil. Sekiranya ya, apakah ciri-ciri kawasan yang akan diberi keutamaan. Sekiranya tidak, apakah jenis sistem perkhidmatan telefon awam yang akan diberikan kepada kawasan-kawasan pendalaman yang terpencil itu.

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Datuk Leo Moggie anak Irok): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Sistem ATUR telah diujikan di dua kawasan Karam Bunai, Sabah pada 29.3.1985 dan satu lagi di kawasan Kg. Temenggong, Sarawak pada 17.5.85. Sistem ATUR ini tidak dapat digunakan seluas-luasnya kerana sistem tersebut baru sahaja dimulakan pada awal tahun ini dan pelaksanaan projek ini dibuat secara berperingkat-peringkat dan sehingga masa ini perkhidmatannya masih belum meliputi semua kawasan di negara kita. Mengikut jadual perancangan, adalah dijangka pelaksanaan sepenuhnya sistem ini di seluruh negara akan siap pada pertengahan bulan Oktober, 1985 akan datang ini.

Kerajaan bercadang untuk membeli sebanyak 500 set telefon berjenis ATUR tetapi alat ini tidak semestinya akan dipasang di kawasan-kawasan luar bandar sahaja. Sekiranya didapati adalah lebih ekonomik memberi perkhidmatan telefon awam melalui cara biasa iaitu melalui pemasangan kabel sistem ATUR tidak akan digunakan dalam keadaan seumpamanya itu.

Ciri-ciri kawasan yang akan dipertimbangkan untuk menggunakan perkhidmatan Sistem ATUR bagi mengadakan pondok telefon awam di kawasan-kawasan luar bandar adalah:-

- (a) kawasan berkenaan sukar diberi perkhidmatan secara pemasangan talian kabel 'overhead' biasa oleh sebab-sebab teknikal.
- (b) kos untuk mengadakan perkhidmatan-perkhidmatan secara talian kabel biasa tinggi kerana jarak jauh dari ibusawat berdekatan.
- (c) kos menyelenggara talian kabel biasa juga tinggi berbanding dengan kos menyelenggara sistem ATUR.

PERPUSTAKAAN DI SEKOLAH RENDAH/MENENGAH

14. Dato Haji Saidin bin Haji Mat Piah minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah beliau sedar bahawa keadaan dan perjalanan atau pengurusan perpustakaan yang terdapat di kebanyakan sekolah-sekolah Rendah dan Menengah di kawasan Luar Bandar masih jauh daripada memuaskan; jika sedar;

- (a) adakah Kerajaan akan menambahkan peruntukan mengenai perpustakaan di Sekolah Rendah dan Menengah di luar bandar;
- (b) adakah Kerajaan akan mengadakan suatu sekim latihan kepada kakitangan perpustakaan di sekolah-sekolah di negara ini, bagi mempertingkatkan mutu perkhidmatan yang lebih cekap dan memuaskan; dan
- (c) untuk mendapatkan sokongan daripada masyarakat umum terutama mereka yang berada samada pihak swasta atau individu, Kerajaan akan mengadakan pengecualian daripada cukai pendapatan, jika mereka memberi sumbangan kepada mana-mana perpustakaan terutama perpustakaan-perpustakaan Sekolah Rendah dan Menengah di kawasan luar bandar.

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Kementerian Pelajaran memang sedar, bahawa keadaan dan pengurusan perpustakaan di sebilangan besar sekolah rendah dan menengah di luar bandar masih belum mencapai satu tahap kemajuan tinggi seperti yang diharapkan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan memang ada cadangan untuk menambah peruntukan perpustakaan di sekolah-sekolah rendah dan menengah. Walau bagaimanapun cadangan untuk melaksanakan kadar baru bantuan perpustakaan ini tidak dapat dilaksanakan kerana keadaan ekonomi negara yang tidak memuaskan. Bagi mempertingkatkan mutu perkhidmatan perpustakaan yang lebih cekap dan memuaskan, Kementerian ini juga telah mengambil usaha memberi latihan kepada guru-guru perpustakaan untuk menambah kemahiran dan pengetahuan dalam menguruskan perpustakaan. Dalam usaha memajukan perkhidmatan perpustakaan di sekolah, Kementerian

Pelajaran memang mengalu-alukan bantuan dan sokongan dari masyarakat umum khususnya pihak persaoangan dan swasta. Permohonan pengecualian cukai pendapatan terhadap sumbangan dan bantuan itu bolehkah mendapat pertimbangan sewajarnya mengikut peraturan Perbendaharaan yang sedia ada buat masa ini.

AKTA PENGHARAMAN RAPAT UMUM

15. Tuan Baharom bin Haji Bakar minta Menteri Dalam Negeri tentang Akta Pengharaman Rapat Umum sama ada masih berkuatkuasa atau tidak. Ini adalah kerana terdapat parti-parti pembangkang yang masih meneruskan kempen-kempen secara rapat umum yang bukan hanya berlaku semasa pilihanraya sahaja.

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan tidak ada meluluskan Akta Pengharaman Rapat Umum. Walau bagaimanapun larangan atau peraturan-peraturan mengenai rapat umum dibuat berasaskan kepada peruntukan undang-undang iaitu Internal Security (Restriction on Procession and Meetings In A Security Area) Regulations 1966 dan juga Akta Polis No.41/1967.

Selaras dengan system demokrasi yang diadalkan di negara ini Kerajaan sentiasa memberikan peluang yang adil dan saksama kepada semua pihak khususnya kepada parti-parti politik untuk mengadakan perhimpunan/perjumpaan parti dan sebagainya.

Walaupun bagaimanapun pihak penganjur dikehendaki mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan supaya ketenteraman dan keselamatan awam akan terjamin. Dalam hal ini Kerajaan sentiasa merasa bertanggungjawab untuk memastikan proses demokrasi dan ketenteraman awam terjamin sepenuhnya.

INDUSTRI SEMI-CONDUCTOR — GALAKAN

16. Tuan Quah Wee Liam minta menteri Kewangan menyatakan memandangkan bahawa beliau telah mengumumkan Kerajaan sedia

memberi galakan kepada pihak yang mahu mendirikan Syarikat sokongan mengeluarkan bahan-bahan yang diperlukan dalam pembuatan komponen dan peralatan industri separa konduktor, bagaimana Kerajaan boleh memberi galakan kepada mereka dan apakah insentif-insektif akan diberi untuk menggalakkan perindustrian elektronik dalam negara kita.

Dato Dr Tan Tiong Hong: Syarikat-syarikat sokongan yang mengeluarkan bahan-bahan untuk industri 'semi-conductor' layak dipertimbangkan dengan galakan-galakan yang sedia ada dibawah Akta Galakan Pelaburan 1968 seperti Taraf Perintis, Kredit Cukai Pelaburan dan sebagainya. Galakan adalah diberi berdasarkan 'merit' sesuatu projek. Disamping itu, bagi menggalakan lagi industri elektronik di negara ini, Kerajaan juga menyediakan galakan cukai lanjutan bagi syarikat-syarikat 'semi-conductor' yang menjalankan pembesaran dan/atau pemodenan. Galakan-galakan tersebut ialah:-

- (i) Kredit Cukai pelaburan asas sebanyak 25% bagi projek pembesaran/pemodenan oleh kilang yang sedia ada bagi mengeluarkan komponen-komponen 'semi-conductor';
- (ii) Kredit Cukai Pelaburan asas 50% bagi projek yang 'integrated' yang melibatkan 'backward or forward integration';
- (iii) Taraf perintis bagi projek-projek baru atau projek pembesaran yang ditempatkan di kawasan kurang maju (iaitu luar dari Pulau Pinang, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Selangor dan Melaka; dan
- (iv) Taraf Perintis atau Kredit Cukai Pelaburan asas 50% bagi projek pengeluaran barang sampingan/sokongan seperti 'leadframe' dan 'wafer' yang mempunyai teknologi tinggi dan dijalankan dengan menubuh syarikat baru.

Galakan-galakan ini juga ditimbang mengikut 'merit' sesuatu projek.

PIAWAIAN PEMBINAAN DAN PENYELENGGARAAN JALAN

17. Tuan Peter Chen Gan Onn minta Menteri Kerja Raya menyatakan:-

- (a) sama ada kemelesetan ekonomi kini dihadapi oleh negara kita telah mempengaruhi Piawaian Pembinaan Dan Penyelenggaraan Jalan dan jika ya, adakah beliau sedar bahawa kian bertambahnya kemalangan-kemalangan jalanraya kita adalah disebabkan oleh piawaian yang telah diturunkan dan satu misalan yang baik adalah kemalangan-kemalangan jalanraya yang seringkali berlaku di lebuhraya Kuala Lumpur — Karak;
- (b) bilakah Lembaga Lebuhraya Malaysia akan mengeluarkan kepada orang awam keputusan penyiasatan mereka di atas sebab-sebab kemalangan-kemalangan seringkali berlaku di Lebuhraya Kuala Lumpur — Karak; dan
- (c) bolehkah beliau mengarahkan Lembaga Lebuhraya Malaysia untuk menentukan keutamaannya dengan menyiasat dan mengenalpastikan bahagian-bahagian yang merbahaya jalan-jalan raya utara selatan di kedua-dua pantai timur dan barat Semenanjung Malaysia.

Dato' Zainal Abidin bin Zin:

- (a) adalah tidak tepat sekali kenyataan bahawa kemelesetan ekonomi yang ini dihadapi oleh negara kita telah mempengaruhi piawaian pembinaan dan penyelenggaraan lebuhraya-lebuhraya sehingga terjadi kemalangan-kemalangan di jalanraya. Sebenarnya, Lembaga Lebuhraya Malaysia membina Lebuhraya-lebuhraya mengikut piawaian antarabangsa yang tinggi mutunya, dan Lim telah tidak menurunkan piawaian ini walaupun kedudukan kewangan mendesak.
- (b) Lembaga lebuhraya Malaysia dari masa ke semasa ada menjalankan kajian atas sebab-sebab kemalangan yang

berlaku di lebuhraya Kuala Lumpur — Karak. Hasil dari penyiasatan itu akan dijadikan panduan untuk mengambil tindakan selanjutnya bagi mengatasi masalah berkaitan dengan kemalangan. Laporan demikian adalah hanya untuk kegunaan Kementrian Kerja Raya.

- (c) sebagaimana yang dinyatakan Lim memang ada membuat kajian dari masa ke semasa ke atas lebuhraya di bawah tanggungjawabnya bagi mengenalpasti bahagian-bahagian lebuhraya yang perlu dibaiki bagi keselamatan dan keselesaan pengguna-pengguna.

SYARIKAT MENANAM MODAL DI CHINA

18. Tuan Ling Sie Ming minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan berapakah Syarikat Kerajaan, separuh Kerajaan dan persendirian telah dibenarkan untuk menanam modal di negara China, sila terangkan nama syarikat-syarikatnya dan dalam sektor apakah modal tersebut ditanam.

Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa negara kita pada masa ini masih memerlukan pelaburan asing dan dari dalam untuk membangunkan pelbagai sektor ekonomi di negara ini. Oleh itu soal penyertaan syarikat-syarikat Kerajaan dan separuh Kerajaan di dalam aktiviti pelaburan di RRC adalah tidak timbul. Walaubagaimanapun Kerajaan sedar bahawa terdapat syarikat-syarikat tempatan yang berminat untuk merebut peluang-peluang perniagaan dan menyertai pembangunan projek-projek secara 'turnkey' di RRC.

Berhubung dengan pelaburan oleh syarikat persendirian pula, setakat yang diketahui tidak terdapat syarikat yang telah melabur di China. Walaubagaimanapun ada beberapa syarikat yang sedang dalam proses menimbangkannya sebagai satu langkah untuk meningkatkan eksport Malaysia ke China terutama barang mentah dan separuh siap.

BANGUNAN DAYABUMI — PEMBINAAN

19. Tuan V. Govindaraj minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan jumlah wang yang dibelanjakan bagi pembinaan Bangunan Dayabumi serta menyatakan jumlah hasil pendapatan yang diterima melalui sewa bulanan, adakah ia membawa hasil yang positif atau negatif.

Menteri Perusahaan Awam (Datin Paduka Rafidah Aziz): Kos pembangunan keseluruhan Kompleks Dayabumi sehingga 31 Mei 1985 adalah dianggarkan sebanyak \$470 juta. Perunding projek ini sedang menyiapkan akaun terakhir kontrak-kontrak yang terlibat di dalam pembinaan Kompleks ini dan adalah dijangkakan ianya akan dapat disiapkan tidak beberapa lama lagi.

Kira-kira 97% daripada ruang niaga dan ruang pejabat di Kompleks ini telah pun diduduki. Pendapatan sewa bulanan sehingga kini adalah berjumlah \$2.3 juta. Pendapatan sewa ini akan bertambah kepada \$2.5 juta sebulan setelah keseluruhan bangunan ini diduduki oleh penyewa-penyewa dan peniaga-peniaga.

Berdasarkan kadar pendapatan di atas, projek Dayabumi ini adalah memberikan pulangan yang positif.

AHLI PARLIMEN BUKIT MERTAJAM — ADUAN POLIS

20. Tuan Sim Kwang Yang minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada siasatan telah dijalankan ke dalam aduan polis yang dibuat pada bulan Jun tahun ini yang mendakwa bahawa Ahli Parlimen bagi Bukit Mertajam telah memukul seorang pekerja feri Pulau Pinang termasuk menggunakan senjata tajam dan jika ya, nyatakan hasil siasatan tersebut dan tindakan susulan yang diambil oleh Kementerian.

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, siasatan ke atas aduan yang dibuat oleh seorang pekerja Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang terhadap Ahli Parlimen bagi kawasan Bukit Mertajam yang didakwa telah memukul dan mengugutnya dengan senjata tajam telahpun selesai. Yang

Berhormat berkenaan telah dituduh di mahkamah Sesyen Pulau Pinang pada 13hb. Julai, 1985 dan kesnya telah ditetapkan untuk perbicaraan pada 10hb. dan 11hb. Disember, 1985.

MUALAF YANG MENINGGALKAN AGAMA ISLAM

21. Tuan Gooi Hock Seng minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:-

- (a) bilangan mualaf yang telah meninggalkan agama Islam setakat bulan Mei 1985;
- (b) sebab-sebab mengapa mereka tidak dibenarkan oleh pihak Jabatan Pendaftaran Kad Pengenalan untuk menukar nama-nama mereka dalam kad pengenalan selepas meninggalkan agama Islam kepada nama asal mereka.

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Mengikut rekod Kementerian Dalam Negeri, tidak ada pemeluk-pemeluk baru agama Islam yang kembali ke ugama asal mereka sehingga bulan Mei, 1985.

PROJEK PERUMAHAN DI TAMAN SRI SEGAMPUT

22. Dr Tan Seng Giaw minta Kementerian Wilayah Persekutuan menyatakan mengapakah projek-projek perumahan seperti di Taman Sri Segambut diluluskan walaupun infrastruktur seperti longkang, jalan dan pembetongan kurang memuaskan. Berapa projek perumahan di Selangor dan Wilayah Persekutuan yang seringkali mengalami banjir kilat. Berapakah yang mengalami masalah pembetongan. Apakah faktor-faktor yang menyebabkan keadaan yang tidak diinginkan ini. Apakah langkah-langkah yang diadakan untuk menyelesaikan masalah tersebut.

Menteri Wilayah Persekutuan (Dato Shahrir bin Abdul Samad): Masalah kemudahan infrastruktur yang tidak memuaskan di projek-projek perumahan timbul kerana terdapatnya perbezaan piawaian pembangunan selepas Wilayah Persekutuan diwujudkan dengan rasminya

pada tahun 1974. Bagi Taman Sri Segambut misalnya, kelulusan ketika itu diuruskan oleh Lembaga Bandaran Petaling.

Taraf piawai pembangunan pada masa kini adalah lebih tinggi dibandingkan dengan pada masa-masa yang lepas. Ini telah menimbulkan keadaan dimana kemudahan infrastruktur seperti longkang, jalan dan sistem pembentongan yang kurang memuaskan. Kebanyakan masalah infrastruktur ini berbangkit dari projek-projek perumahan yang lama. Dewan Bandaraya Kuala Lumpur sedang mengkaji masalah-masalah infrastruktur ini dengan tujuan meningkatkan kemudahan infrastruktur yang sedia ada.

MAJLIS NADWAH SEMALAYSIA

23. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Perdana Menteri menyatakan apakah tajuk atau isu dan kesannya terhadap perkara-perkara yang dibincangkan dalam:-

- (a) Majlis Nadwah Ulama SeMalaysia yang berlangsung di Kompleks Tabung Haji, Kelana Jaya pada 21 hingga 23hb. Disemberr 1983; dan
- (b) Majlis Nadwah Imam-imam SeMalaysia yang diadakan pada bulan Januari 1985 sempena lawatan Setiausaha Agung Rabitah Al-Alam, Al-Islami ke Kuala Lumpur.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato Dr. Mohamad Yusof bin Haji Mohamad Noor): Majlis Nadwah Ulama SeMalaysia dan Majlis Nadwah Imam-imam SeMalaysia telah dianjurkan oleh Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia. Mengenai Majlis Nadwah Islamiah SeMalaysia tajuk-tajuk yang dibincangkan adalah seperti berikut:

- (i) Assabiah Dan Fahaman Kebangsaan oleh Yang Berbahagia Dato' Sheikh Abdul Halim Othman.
- (ii) Taklimat Keselamatan Negara oleh Kementerian Dalam Negeri.
- (iii) Penerapan dan Penguatkuasaan undang-undang Islam di Sudan oleh TYT. Dr. Hassan Al Turaby.

Nadwah ini merupakan satu forum tempat alim ulama' seluruh negara memberi pandangan dan pendapat terhadap isu-isu semasa khususnya yang berkaitan dengan tanggungjawab kepimpinan serta hubungan antara ulama' dengan pemimpin (Ulama' dan Umarak) dan juga hubungan dengan masyarakat Islam seluruhnya.

Ulasan mengenai Assabiah telah membuka jalan ke arah fahaman yang lebih tepat dan mendalam tentang Assabiah.

Pendedahan mengenai Keselamatan Negara telah menarik para ulamak kita bersimpati dengan masalah yang dihadapi oleh Kerajaan. Menurut mereka maklumat yang seumpama ini perlu didedahkan kepada lebih ramai lagi para ulamak kita.

Sheikh Dr. Hassan Al-Turaby, Penasihat mengenai Undang-undang dan Hal Ehwal Luar Negeri kepada Presiden Jaafar Al-Nu-mairi, Sudan ketika itu telah memberi ucapan dan penjelasan yang panjang lebar tentang penerapan nilai-nilai Islam dan penguatkuasaan Undang-undang Islam di Negara Sudan.

Para ulama' mendapat kesan dari ceramah Sheikh Dr. Hassan Al-Turaby itu bahawa penerapan nilai-nilai Islam adalah sesuatu yang wajar dan mereka memikul tanggungjawab yang besar dalam membimbing dan mengasuh masyarakat untuk memahami kandungan ajaran Islam. Pelaksanaan secara mendadak akan membawa lebih banyak kerugian dari keuntungan.

Tajuk-tajuk yang dibincangkan dalam Nadwah Imam-imam SeMalaysia adalah seperti berikut:

- (i) Peranan imam-imam dalam perpaduan Ummah oleh Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Mohd. Yusof Noor.
- (ii) Peranan khutbah Jumaat dalam masyarakat Islam di Malaysia ini oleh Prof. Madya Dr. Ismail Ibrahim.
- (iii) Dakwah dengan hikmah: Arah dan Matlamat oleh Prof. Madya Dr. Wan Hussein Azmi.

- (iv) Perancangan ekonomi dan pembangunan oleh Unit Penyelaras dan pelaksanaan Jabatan Perdana Menteri.

Isu-isu yang dibangkitkan dalam Nadwah Imam-imam ini menimbulkan kesedaran kepada Imam dan juga mubaligh Islam dalam membimbing dan mendidik masyarakat dengan Aqidah Islamiah yang tepat supaya mereka tidak mudah dipesongkan oleh anasir-anasir yang tidak diinginkan.

Nadwah ini adalah lanjutan dari Kursus Kefahaman Islam Peringkat Kebangsaan yang pernah dianjurkan oleh Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia pada tahun 1982 dan juga kursus Imam-imam di Peringkat Negeri yang diadakan pada tahun 1983 dan 1984.

KEMELESETAN EKONOMI DUNIA — KEADAAN

24. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Kewangan menyatakan betapa serius kemelesetan ekonomi dunia menjejaskan negara kita dan apakah langkah-langkah yang diambil untuk mengatasi keadaan tertentu.

Dato Dr Tan Tiong Hong: Kadar pertumbuhan ekonomi negara-negara maju pada tahun 1985 dan 1986 adalah dianggarkan sebanyak 3% setahun dan ini adalah lebih rendah dari kadar pertumbuhan 4.9% pada tahun 1984. Pertumbuhan ekonomi negara-negara maju yang rendah mengurangkan permintaan terhadap barangan eksport dan seterusnya memabawa kesan menurunkan harga-harga barangan utama seperti getah, bijeh timah, minyak kelapa sawit dan minyak mentah.

Perkembangan ekonomi dunia di masa akan datang adalah bergantung kepada dasar-dasar yang diamal oleh negara-negara maju untuk meningkatkan pertumbuhan, terutamanya tindakan-tindakan yang akan diambil oleh negara-negara seperti Amerika Syarikat untuk mengurangkan lagi defisit belanjawannya dan kadar faedah.

Oleh kerana keadaan ekonomi dunia yang merosot, pertumbuhan ekonomi Malaysia adalah dianggar berada pada kadar 5.5% hingga

6% dalam tahun 1985. Walaupun kadar pertumbuhan tahun 1985 ini dijangka lebih rendah daripada kadar 7.3% yang dicapai dalam tahun 1984 kita bolehlah berbangga yang prestasi yang dijangka pada tahun 1985 ini adalah lebih baik dari prestasi negara-negara maju dan negara-negara membangun.

Ini adalah kerana tindakan-tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan untuk mengukuhkan ekonomi dan mengurangkan kesan-kesan kemerosotan ekonomi dunia ke atas ekonomi Malaysia. Semenjak tahun 1982 Kerajaan telah mengambil tindakan-tindakan berikut:-

- (1) mengukuhkan kedudukan kewangan Kerajaan melalui pengurangan perbelanjaan pembangunan sektor awam dari \$11.2 ribu juta dalam tahun 1982 kepada \$7.6 ribu juta dalam tahun 1984. Pengurangan dalam perbelanjaan awam ini telah mengurangkan hutang luar negeri dan import dan seterusnya telah memperbaiki kedudukan imbalan pembayaran negara;
- (2) Memperbaiki lagi kedudukan imbalan pembayaran melalui tindakan-tindakan mengurangkan defisit dalam akaun perkhidmatan. Tindakan-tindakan ini adalah termasuk insentif kepada pengangkutan barangan Malaysia dengan kapal-kapal milik Malaysia, membangun potensi pelancungan dan mengembangkan perkhidmatan insuran;
- (3) meningkatkan pertumbuhan ekonomi domestik dengan menggalakkan rakyat Malaysia membeli barang-barang buatan Malaysia;
- (4) Mengadakan cukai dan insentif-insentif lain untuk menggalakkan industri-industri meningkat pengeluaran dan eksport dan mengurangkan kadar faedah untuk menggalak pelaburan;
- (5) Mengadakan garis panduan baru ekuiti pelabur asing untuk menggalak pelaburan asing.

Kementerian saya baru sahaja selesai mengadakan dialog pra-belanjawan dengan per-

wakilan-perwakilan sektor swasta dan tindakan-tindakan sewajarnya akan diperkenalkan dalam Belanjawan tahun 1986 untuk mengukuhkan lagi ekonomi negara. Saya percaya dengan adanya kerjasama yang rapat dan peranan yang aktif dari pihak swasta, bersama-sama kita akan dapat mengatasi kesan-kesan kemerosotan ekonomi dunia.

UNDANG-UNDANG KESELAMATAN PEKERJA

25. Tuan Omar bin Abdullah minta Menteri Buruh menyatakan sama ada undang-undang keselamatan pekerja yang ada pada masa ini cukup untuk menjamin keselamatan pekerja dan orangramai. Jika mencukupi adakah Kementerian berpuashati atas pelaksanaan undang-undang tersebut lebih-lebih lagi dalam kes pekerja-pekerja ladang yang sabanhari menggunakan racun herba berbahaya dalam kerja-kerja pengurusan ladang dan lain-lain bidang kerja yang merbahayakan.

Menteri Buruh (Dato' Mak Hon Kam): Akta Kilang dan Jentera telah mula dikuatkuasakan oleh Jabatan Kilang dan Jentera di bawah Kementerian saya sejak tahun 1967. Dengan peredaran masa serta perkembangan teknologi yang begitu pesat adalah didapati peruntukan-peruntukan di bawah Undang-undang tersebut perlu diubahsuaikan. Sekarang ini Kementerian saya sedang giat mengkaji Undang-undang itu dengan tujuan mengemaskinikannya supaya ianya seimbang dengan keperluan-keperluan yang timbul dalam masalah keselamatan pekerja.

Walau bagaimanapun Undang-undang keselamatan itu terhad kepada tempat-tempat kerja di kilang-kilang di mana jentera-jentera digunakan dan tempat-tempat kerja binaan bangunan. Undang-undang tersebut tidak merangkumi tempat-tempat kerja lain seperti di ladang-ladang dan kawasan-kawasan perumahan.

Beralih khusus kepada soal pekerja-pekerja ladang yang menggunakan racun berbahaya, Akta Racun Makhluh Perosak, 1974 mengandungi peruntukan-peruntukan bagi melindungi keselamatan pekerja-pekerja tersebut dan peraturan-peraturan khusus bagi penguatkuasaan

peruntukan ini sedang disediakan oleh Lembaga Racun Makhluh Perosak di bawah Kementerian Pertanian.

TABUNG SODIUM ARSENITE

26. Dr. Chen Man Hin minta Menteri Kewangan menyatakan jumlah wang yang dikutip oleh Jabatan Kastam bagi Tabung Sodium Arsenite sehingga ini, jumlah pampasan yang dibayar kepada tuanpunya-tuanpunya lembu daripada tabung ini dan disebabkan sodium arsenite tidak lagi digunakan, apakah yang terjadi kepada wang lebihan itu.

Dato Dr. Tan Tiong Hong: Jumlah wang yang telah dikutip bagi Tabung Sodium Arsenite semenjak 1962 ialah \$5,092,910.65.

Jumlah pampasan yang telah dibayar ialah \$5,089,106.65.

Baki tabung ini pada masa ini ialah \$3,804. Wang ini masih dikekalkan di dalam Tabung tersebut.

LAWATAN PERDANA MENTERI KE EROPAH

27. Tuan Tan Kok Hooi minta Perdana Menteri menyatakan lawatan Y.A.B. ke 5 buah negara di Eropah baru-baru ini, sejauh manakah hasil telah dicapai khasnya yang dapat membawa munafaat kepada negara kita.

Timbalan Menteri Luar (Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir): Saya mohon izin memaklumkan bahawa jawapan kepada soalan ini telahpun diberi semasa Y.B.M. Menteri Luar menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar pada 15hb. Julai 1985. Saya tidak ada sebarang tambahan kepada jawapan tersebut.

GURU-GURU DI SEKOLAH RENDAH TAMIL/CINA

28. Tuan Chan Kok Kit minta Menteri Pelajaran menyatakan jumlah guru-guru yang diambil untuk menjalani latihan perguruan untuk melengkapkan mereka mengajar di sekolah-sekolah rendah Tamil dan Cina untuk tahun 1984

dan 1985; jumlah permohonan yang di terima bagi maksud yang sama dalam tahun-tahun tersebut; dan sama ada beliau sedar persaraan guru-guru yang mengajar di sekolah-sekolah rendah Tamil dan Cina adalah tinggi dibandingkan dengan jumlah guru-guru yang diambil untuk menjalani latihan untuk mengajar di sekolah rendah jenis kebangsaan Tamil dan Cina; jika ya, apakah tindakan yang akan diambil untuk menseimbangkan kedudukan ini.

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Jumlah permohonan yang diterima dan jumlah guru-guru yang diambil untuk menjalani latihan perguruan serta guru-guru yang bersara bagi sekolah-sekolah rendah Tamil dan Cina untuk tahun 1984 dan 1985 adalah seperti berikut:-

Tahun	Kursus	Per- mohonan	Tawaran	Pen- daftar	Bersara
1984	PSR (PC)	1,939	677	589	206
	PSR (PT)	313	89	84	22
1985	PSR (PC)	1,304	973	547*	176
	PSR (PT)	215	121	110	25

* Jumlah ini tidak termasuk pendaftaran pelatih kursus berkenaan semester 2 1985.

Adalah tidak benar bilangan guru yang bersara di Sek. Ren. Jenis. Keb. Cina dan Tamil tinggi bilangannya berbanding dengan bilangan pengambilan guru-guru baru untuk sekolah-sekolah tersebut.

Catitan

PSR = Pendidikan Sekolah Rendah

PC = Pengajian Cina

PT = Pengajian Tamil.

BECA BERINJIN DI TERENGGANU

29. Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan:

- (a) bila Rang Undang-undang untuk membolehkan beca berinjin di Terengganu akan dibawa ke Parlimen; dan
- (b) mengapa LPPJ tidak boleh dipindah kepada Kementerian Pengangkutan.

Datin Paduka Rafidah Aziz:

- (a) Pindaan terhadap Ordinan Lalulintas Jalan 1985 bagi tujuan mengadakan perkhidmatan beca berinjin atau beca bermotor di Negeri Terengganu sedang diusahakan oleh Kementerian saya. Saya draf akta Lembaga Pelesenan Pengangkutan Jalan yang baru yang dikenali sebagai Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan telah siap disediakan. Peruntukan yang sesuai berkaitan dengan beca berinjin telah juga dimasukkan ke dalam draf akta tersebut. Sekiranya semua usaha berjalan lancar maka adalah dijangkakan Rang Undang-undang Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan itu akan dapat dibentangkan di Sidang Parlimen yang akan datang.
- (b) Soal di bawah Kementerian mana LPPJ diletakkan adalah merupakan keputusan Kabinet sendiri.

SKIM BELIA PELADANG/NIAGA

30. Tuan Omar bin Abdullah minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan sama ada Kementerian mempunyai sebarang rancangan untuk mengkaji semula Skim-skim Belia Peladang dan Belia Niaga supaya skim-skim itu selaras dengan rancangan pertanian niaga, Kementerian Pertanian dan Rancangan Industri Kampong Kementerian Pembangunan Negara. Bagaimana pula dengan ura KKBS untuk mewujudkan Perancangan Koperat dengan penglibatan Agensi-agensi Kerajaan yang lain di peringkat pelaksanaan di daerah-daerah.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Datuk Dr. Sulaiman bin Haji Daud): Sememangnya Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan sentiasa mengkaji Rancangan Belia Peladang dan Rancangan Belia Niaga dari masa ke semasa bagi memastikan kekesan dan kejayaan rancangan-rancangan tersebut. Untuk memastikan rancangan-rancangan tersebut benar-benar berkesan dan berjaya, serta selaras dengan Rancangan Pertanian Niaga dan Rancangan Industri Kampong, masing-masing pihak telahpun bersetuju untuk bekerjasama.

Dalam hal ini pihak Kementerian Pertanian akan memberi segala kemudahan yang perlu di bidang pertanian manakala Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan akan cuba menyediakan para belia yang terlatih, begitu juga penyelarasan dibuat dengan pihak Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar.

Untuk makluman Yang Berhormat setakat ini Kementerian ini belum ada lagi perancangan koperat di dalam pelaksanaan program yang tersebut di atas. Walau bagaimanapun Kementerian ini sentiasa bekerja rapat dengan Kementerian-kementerian dan Agensi-agensi Kerajaan yang berkenaan dalam melaksanakan program-program Kementerian ini.

KELAB BELIA — LATIHAN

31. Tuan Yahya bin Haji Zakaria minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan apakah langkah yang diambil oleh Kementerian untuk menggerakkan Kelab-kelab Belia di seluruh negara.

Datuk Dr. Sulaiman bin Haji Daud: Langkah yang diambil oleh Kementerian untuk menggerakkan Kelab-kelab Belia adalah seperti berikut:-

- (a) Kementerian ini mengendalikan program latihan dan bengkel kepimpinan bertujuan melatih pemimpin-pemimpin pelapis pertumbuhan-pertumbuhan belia. Langkah-langkah penggalakan yang lain adalah melalui aktiviti perpaduan dan pembangunan ekonomi belia dalam mana penyertaan adalah dari ahli-ahli pertumbuhan sendiri.
- (b) Rancangan Tahunan Kurnia Belia Jaya adalah satu insentif menggalakkan kelab-kelab belia bergiat lebih cerias dalam lapangan pembangunan socio-ekonomi.
- (c) Kementerian ini memperuntukkan perkhidmatan bantuan kewangan untuk membiayai pentadbiran dan projek-projek pertumbuhan di peringkat kebangsaan, negeri, daerah dan kelab-kelab bertujuan menggalakkan lebih banyak rancangan dijalankan di semua peringkat pertumbuhan.

- (d) Pegawai-pegawai Kementerian di peringkat pusat, negeri dan daerah adalah secara langsung terlibat dalam menyelia, menasihati perjalanan kelab-kelab belia di semua peringkat pertumbuhan. Penyeliaan ini adalah melalui mesyuarat-mesyuarat, majlis ceramah, perjumpaan dan lain-lain rancangan yang dikelolakan dari masa ke semasa.

THANABAL A/L MUNIANDY — KEMATIAN MURID

32. Tuan Chan Kok Kit minta Menteri Dalam Negeri menyatakan hasil siasatan yang dijalankan oleh pihak polis ke dalam kematian seorang murid bernama Thanabal a/l Muniandy di Sekolah Menengah Tengku Idris Shah di Kapar pada 4hb. April, 1985 yang meninggal dunia selepas ditampar oleh seorang guru; sama ada satu siasatan koroner akan diadakan dan apakah tindakan yang telah diambil oleh pihak polis terhadap guru berkenaan.

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Penyiasatan ke atas kes ini telahpun selesai dan sedang dalam tindakan Y.A. Timbalan Pendakwa-
ra.

PELARIAN KAMPUCHEA DI MALAYSIA

33. Tuan Peter Chin Gan Onn minta Menteri Dalam Negeri menyatakan kenapa pelarian-pelarian Kampuchea yang beragama Islam dibenarkan menetap di negara ini manakala pelarian-pelarian Vietnam tidak dibenarkan layanan yang serupa sungguhpun kedua-dua jenis pelarian melarikan daripada negara-negara mereka sendiri kerana penyiksaan Komunis dan bolehkah beliau memberi satu pecahan bilangan pelarian-pelarian Kampuchea beragama Islam yang telah menetap di sini daripada tahun 1975 sehingga hari ini atas dasar tahunan.

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Kementerian Dalam Negeri tidak membenarkan pelarian Kampuchea yang beragama Islam untuk menetap di negara ini.

BUKIT TINGGI SEBAGAI WILAYAH PERSEKUTUAN

34. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan sebab-sebab mengapa rancangan untuk menjadikan Janda Baik sebagai Wilayah Persekutuan yang baru digugurkan, dan pemilihan Bukit Tinggi sebaliknya, dan sama ada Kerajaan akan memberi jaminan kepada semua penduduk Kampung di Bukit Tinggi bahawa mereka tidak akan 'displaced', sama ada dalam ertikata mata pencarian atau pendudukan tanah mereka sekarang.

Dato Shahrir bin Abdul Samad: Jawapan kepada soalan Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka ini adalah sama dengan jawapan yang telah diberi oleh Kementerian saya di Persidangan Dewan yang mulia ini pada 22hb. dan 23hb. Julai 1985. Oleh hal yang demikian, saya tidak ada maklumat-maklumat yang perlu ditambah.

KEWARGANEGARAAN KAD PENGENALAN MERAH

35. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada Kerajaan bercadang menjalankan satu urusan khas untuk mengurniakan kewarganegaraan kepada kira-kira lebih 300,000 pemegang-pemegang kad pengenalan merah yang layak untuk menerima kewarganegaraan sebagai rakyat Malaysia dalam erti kata sepenuhnya kecuali dari kacamata undang-undang.

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Kerajaan tidak bercadang untuk mengadakan Urusetia Khas bagi mengurniakan taraf kewarganegaraan kepada pemegang Kad Pengenalan merah yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat itu. Sebaliknya setiap pemegang Kad Pengenalan Merah yang memenuhi syarat-syarat dan mempunyai kelayakan seperti yang ditetapkan dalam Perlembagaan Malaysia boleh mengemukakan permohonan untuk dipertimbangkan taraf kewarganegaraan masing-masing.

HIDRO-ELEKTRIK PAJUM DI SARAWAK

36. Tuan Ling Sie Ming minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan, sama ada benar Kerajaan telah menimbang

dan memastikan bahawa rancangan kuasa hidro-elektrik Pajum di negeri Sarawak akan menyebabkan kerosakan dan menjejaskan alam sekitar, tumbuh-tumbuhan dan keberbudian sosial.

Tuan Law Hieng Ding: Sejauh mana yang disedari, tidak ada sebarang cadangan untuk mengadakan skim kuasa hidro-elektrik di Pajum negeri Sarawak.

KERTAS PEPERIKSAAN STPM — PEMBOCORAN

37. Tuan V. Govindaraj minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada pihak Kementerian telah mengenalpasti siapakah petualang-petualang yang telah membocorkan kertas peperiksaan STPM 1983. Sehingga saat ini tidak ada siapa pun didakwa atas pembocorkan kertas peperiksaan ini, apakah hasil siasatan pihak Kementerian dalam hal ini setakat ini.

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, soalan ini telah pun dijawab dalam sesi kedua 1984 iaitu pada 27hb. Julai, 1984. Walau bagaimanapun di sini sukalah saya menjawabnya sekali lagi. Kementerian ini tidak dapat mengenalpasti siapa yang telah membocorkan kertas Peperiksaan STPM 1983. Sehingga kini tidak terdapat keterangan, maklumat atau bukti yang mencukupi bagi mengenalpasti individu atau mana-mana kumpulan yang menjadi punca kebocoran itu walaupun penyiasatan yang rapi dan menyeluruh telah dibuat oleh pihak polis.

PROJEK PERDA — PELAKSANAAN

38. Dr. Koh Tsu Koon minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan projek-projek yang sedang dirancang dan dilaksanakan oleh Perda setakat ini. Berapa banyak tanah telah Perda minta di mana dan untuk tujuan apa. Apakah rancangan menyeluruh Perda bagi tempoh 10 tahun yang akan datang. Bagaimanakah akan projek-projek

Perda mendatangkan faedah kepada rakyat luar bandar di Negeri Pulau Pinang terutamanya mereka yang miskin tanpa mengira kaum, selaras dengan matlamat DEB untuk membasmi kemiskinan.

Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Datuk Seri Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam): Program Pembangunan PERDA dirancang mengikut tiga strategi utama iaitu program pembangunan kampung tradisional, program pembangunan bandar/pekan kecil dan program pembangunan perumahan.

PERDA telahpun melaksanakan projek pembangunan kampung tradisional di Kubang Menderong, Seberang Perai Utara dan di samping itu tiga lagi kawasan sedang diusahakan pelaksanaannya di kawasan Tasik, Seberang Perai Selatan; Kawasan Kuala Sungai Pinang, Daerah Baratdaya; dan Kawasan Permatang Rotan, Seberang Perai Tengah. Untuk tahun 1986, PERDA akan melaksanakan projek pembangunan kampung tradisional di kawasan Sungai Duri, Seberang Perai Selatan; Kawasan Guar Perahu, Seberang Perai Tengah; Kawasan Ekor Kuching, Seberang Perai Utara; dan Kawasan Kampung Nelayan, Daerah Baratdaya.

Bagi program kedua, beberapa projek kecil yang merupakan pembinaan rumah-rumah kedai dan kompleks perniagaan kecil di Tasik, Seberang Perai Selatan; Bukit Minyak, Seberang Perai Tengah; dan Penaga dan Kubang Menderong, Seberang Perai Utara. Bagi tahun 1986 PERDA akan melaksanakan program ini di Telok Bahang, Kampung Nelayan dan Kuala Sungai Pinang di Daerah Baratdaya, Kuala Muda dan Pinang Tunggal di Seberang Perai Utara, Bukit Minyak dan Permatang Rotan di Seberang Perai Tengah, Kampung Besar dan Tasik di Seberang Perai Selatan.

Projek-projek perumahan sedang dirancang di Telok Bahang, Batu Maung dan Bayan Lepas di Daerah Baratdaya, Sungai Kecil, Dato' Keramat, Tasik dan Sungai Achih di Seberang Perai Selatan, Kubang Menderong di Seberang Perai Utara, dan Bukit Minyak, Penanti, dan Jalan Baru di Seberang Perai Tengah.

PERDA telah mengemukakan lapan permohonan tanah sehingga ini. Ini merupakan 4 permohonan berjumlah 413.523 ekar di Seberang Perai Tengah, 2 permohonan berjumlah 90.57 ekar di Seberang Perai Selatan, satu permohonan bagi 70,731 kaki persegi di Seberang Perai Utara dan satu permohonan untuk 504 ekar di Daerah Baratdaya.

PERDA belum mempunyai rancangan pembangunan jangka panjang yang menyeluruh bagi sepuluh tahun akan datang. Untuk tujuan ini satu Pelan Induk akan disediakan mulai akhir tahun ini dan Pelan Induk ini akan dijadikan panduan dan rancangan pembangunan jangka panjang.

Program-program pembangunan PERDA dirancang berdasarkan kepada Dasar Ekonomi Baru untuk memberi faedah kepada rakyat dari aspek-aspek berikut:-

- (a) Penambahan pendapatan melalui usaha peningkatan hasil dan menambahkan nilai hasil pertanian dengan kerjasama pemerosesan hasil tani.
- (b) Menyediakan kemudahan-kemudahan asas seperti jalan-jalan luarbandar, kemudahan riadah dan lain-lain kemudahan awam.
- (c) Menyediakan peluang-peluang pekerjaan melalui projek-projek industri asas tani, industri penyokong dan pertanian komersial.
- (d) Menyediakan latihan-latihan kemahiran dan kesedaran pembangunan.
- (e) Menyediakan aktiviti-aktiviti pembangunan masyarakat dari segi rohani dan jasmani.

BURUH ASING

39. Dr. Chen Man Hin minta Menteri Dalam Negeri menubuhkan sebuah Suruhanjaya Siasatan Diraja ke dalam masalah buruh asing, untuk menentukan berapa serius benar masalah tersebut serta memperakukan langkah-langkah untuk menggantikan buruh asing dengan rakyat Malaysia yang menganggur yang berjumlah 6% daripada tenaga kerja kita.

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Pada masa ini Kementerian Dalam Negeri tidak menghadapi sebarang masalah berikutan dengan pengambilan buruh asing untuk meringankan beban kekurangan tenaga kerja di sektor perladangan dan pembinaan. Pengambilan buruh asing adalah bertujuan semata-mata untuk mengurangkan masalah yang dihadapi oleh negara pada masa ini dan bukan untuk merampas peluang pekerjaan warganegara Malaysia. Oleh itu Suruhanjaya Siasatan Diraja untuk menyiasat perkara ini tidak perlu ditubuhkan.

PEMBANGUNAN SOSIO-EKONOMI SABAH/SARAWAK

40. Tuan Sim Kwang Yang minta Perdana Menteri menyatakan apakah usaha-usaha khas yang akan diambil oleh Kerajaan Persekutuan di bawah Rancangan Malaysia Kelima untuk menyegerakan pembangunan sosio-ekonomi di Negeri Sarawak dan Sabah supaya dapat mengeksploit potensi kedua-dua negeri tersebut sepenuhnya, meninggikan taraf hidup penduduk--penduduk Sarawak dan Sabah ke arah perpaduan negara menerusi pembetulan ketidak seimbangan wilayah.

Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob: Kerajaan akan terus lipat-gandakan usahanya untuk pembangunan negeri-negeri kurang maju termasuk Sabah dan Sarawak bagi membaiki ketidak seimbangan ekonomi antara wilayah. Bagi negeri-negeri Sabah dan Sarawak yang kaya dengan sumber-sumber alam semulajadi seperti hutan, tanah yang sesuai untuk pertanian dan sumber-sumber galian, usaha-usaha akan diambil untuk mengeksploitasi dan menggunakan sumber-sumber ini bagi menambahkan peluang pekerjaan dan pendapatan penduduk. Di Sabah, pembukaan tanah-tanah baru untuk rancangan pembangunan tanah akan dipergiatkan sementara di Sarawak pula, usaha-usaha sedang dijalankan bagi menentukan kesesuaian projek pertanian bersepadu. Di sektor perhutanan, penekanan akan diberi terhadap menambahkan tingkat pemerosesan kayu balak, dan usaha menanam semula hutan bagi menjamin bekalan yang berterusan.

Sektor perkilangan akan juga dikembangkan dengan menggalakkan penyertaan sektor swasta dalam industri yang berasaskan sumber dan yang berorientasikan eksport seperti industri yang berasaskan minyak, logam, pertanian dan perhutanan. Bagi tujuan ini beberapa kawasan perindustrian akan dikaji untuk didirikan di kedua-dua negeri ini. Bagi mewujudkan persepaduan ekonomi di peringkat nasional, faedah berbanding dan perhubungan perdagangan antara Sabah, Sarawak dan Semenanjung Malaysia akan ditekankan dalam menentukan jenis aktiviti yang diutamakan.

Kemudahan-kemudahan sosio ekonomi juga akan dipertingkatkan. Lebih ramai penduduk di kedua-dua negeri ini akan dibekalkan dengan kemudahan-kemudahan awam seperti elektrik dan air, terutamanya melalui program pemandaran kawasan luar bandar. Di bawah program ini, penempatan penduduk-penduduk yang bertaburan ke satu kawasan akan menjimatkan kos penyediaan kemudahan awam. Program ini juga akan menggabungkan kawasan pertanian yang kecil dan tidak ekonomi untuk diusahakan secara kelompok. Kemudahan infranstruktur yang lain terutamanya jalanraya juga akan dipertingkatkan bagi menyenangkan perhubungan antara kawasan-kawasan penempatan utama.

UDA — PELAN PENEMPATAN SEMULA

41. Tuan Gooi Hock Seng minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan:-

- (a) butir-butir pelan penempatan semula pihak UDA yang ditawarkan kepada penduduk-penduduk kampung Tanjung Tokong, Pulau Pinang; dan
- (b) sama ada Kerajaan akan secara simpati menimbangkan semula rayuan-rayuan Persatuan Penduduk-penduduk Tanjung Tokong dalam perkara ini.

Datin Paduka Rafidah Aziz: Pelaksanaan penempatan semula penduduk Tanjung Tokong oleh UDA akan dibuat selaras dengan kemajuan projek pembinaan rumah pangsa dan rumah kediaman seperti yang telah dirancang.

Pembinaan Fasa I projek ini, iaitu 3 blok rumah pangsa 4 tingkat yang mengandungi 96 unit rumah kediaman, telah disiapkan dalam bulan Oktober 1979. Rumah-rumah ini telah diduduki oleh penduduk Tanjung Tokong mulai Januari 1980. Pembinaan Fasa II pula yang mengandungi 3 blok rumah pangsa 16 tingkat yang mengandungi 340 unit telahpun disiapkan dalam bulan Februari 1985. Unit-unit ini belum diduduki kerana kelulusan Sijil Kelayakan Menduduki (C.F.) belum diperolehi. Fasa III yang melibatkan pembinaan 7 blok rumah pangsa 5 tingkat mengandungi 220 unit dijangka dapat disiapkan dalam bulan September tahun ini (1985). Adalah dijangkakan bahawa Sijil Kelayakan Menduduki (C.F.) bagi Fasa ini akan diperolehi menjelang akhir tahun 1985 ini.

Program penempatan semula penduduk Tanjung Tokong ke Fasa II dan III telah diatur di mana perpindahan penduduk dijangka dapat dimulakan pada akhir tahun 1985 ini. Perpindahan ini dibuat dengan cara untuk membolehkan seluruh penduduk di kawasan yang terlibat berpindah secara sekali gus. Ini akan memudahkan kerja-kerja pentadbiran perpindahan dan juga pelaksanaan kerja-kerja di kawasan-kawasan yang ditinggalkan oleh penduduk berkenaan.

UDA mengadakan perbincangan dari semasa ke semasa dengan Jawatankuasa Perunding Penduduk-penduduk Tanjung Tokong, iaitu badan yang diiktiraf oleh UDA sebagai badan perantara di antara penduduk Tanjung Tokong dengan UDA. Segala permohonan dan maklum-balas daripada penduduk yang disalurkan melalui Badan ini telahpun dibincangkan. Perkara-perkara yang munasabah dan berpatutan telah dan akan diberikan pertimbangan sewajarnya. Pada masa ini, butir-butir mengenai penempatan semula penduduk Tanjung Tokong ke Fasa II dan III sedang dirundingkan di antara UDA dengan Jawatankuasa Perunding berkenaan. Oleh yang demikian, Kementerian saya berharap agar semua penduduk yang terlibat memberikan kerjasama yang sewajarnya kepada Jawatankuasa Perunding Penduduk-Penduduk Tanjung Tokong dan juga kepada UDA supaya rancangan penempatan semula dapat dilaksanakan dengan licin dan teratur.

OVERSEAS TRUST BANK — SALAHGUNAKAN WANG

42. Tuan Gooi Hock Seng minta Menteri Kewangan menyatakan:-

- (a) sama ada terdapat sebarang kebenaran dalam dakwaan bahawa setengah dari \$1.2 billion wang yang disalahgunakan di dalam kes Hong Kong Overseas Trust Bank telah disalurkan ke Malaysia; dan
- (b) sama ada Polis Hong Kong telah meminta bantuan Polis Malaysia untuk membantu penyiasatan kes tersebut.

Dato Sabbaruddin Chik:

- (a) Adalah tidak mungkin wang ini disalurkan ke Malaysia, oleh kerana orang-orang yang terlibat tidak bertanggungjawab di negara ini. Pada pengetahuan saya, selepas kematian Dato' Chang Min Tien, keluarganya telah menjual hampir ke semua pelaburan dan harta di Malaysia.
- (b) Setakat ini, Polis Di Raja Malaysia belum lagi menerima apa-apa permohonan meminta bantuan mengenai penyiasatan kes ini daripada Polis Hong Kong.

HOSPITAL BESAR — KES KEMATIAN

43. Dr. Tan Seng Giaw minta Menteri Kesihatan menyatakan bilangan kes kematian yang disebabkan oleh jatuh dari tingkat-tingkat tinggi hospital besar menjelang Jun 1985 bagi setiap negeri yang mempunyai bangunan-bangunan hospital yang bertingkat-tingkat tingginya. Apakah tindakan yang telah diambil di dalam hospital-hospital yang terlibat berikutan dengan kejadian-kejadian itu. Apakah dasar rekabentuk hospital yang diamalkan bagi kesemua hospital di Malaysia.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan (Tuan Yeoh Poh San): Bilangan kes-kes kematian yang disebabkan oleh jatuh dari tingkat-tingkat tinggi di bangunan hospital-hospital besar menjelang bulan Januari hingga Jun 1985 adalah 9, iaitu 2 kes di hospital besar Kuala

Lumpur, 1 kes di hospital besar Kelang dan 6 kes di hospital besar Ipoh.

Untuk makluman Yang Berhormat tidak ada kemungkinan bagi seseorang jatuh dengan sendirinya dari tingkat-tingkat tinggi hospital kecuali beliau memanjat dinding corridor. Jaring-jaring Security atau security grill tidak dapat dipasang oleh sebab ini akan mengganggu kerja-kerja menyelamatkan pesakit-pesakit sekiranya terdapat kebakaran.

Bagi mengelakkan kejadian seumpama ini berlaku di masa-masa akan datang, semua kakitangan yang bertugas di wad-wad tertinggi di hospital-hospital besar telah diberi arahan untuk berjaga-jaga ke atas pesakit-pesakit yang mungkin mempunyai perasaan 'Suicidal Tendencies'.

LIF RUMAH PANGSA KOS RENDAH

44. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan:-

- (a) sejauh mana 'centralised monitoring system' yang ditubuhkan di Jabatan Pengurusan Perumahan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah membantu mengawasi kerosakan lif di rumah pangsa kos rendah dan menyelaras-kan kerja membaiki dengan segera.
- (b) apakah tindakan yang telah diambil untuk menukarkan semua lif yang sudah lama dan tidak selamat digunakan di rumah pangsa Dewan Bandaraya dengan memberi butir-butir bilangan lif yang perlu diganti baru, tempat yang hendak dipasang dan jumlah wang yang terlibat.
- (c) berapa banyak syarikat pembekal lif yang ditawarkan kontrek untuk memasang dan menyelenggara lif-lif di rumah pangsa Dewan Bandaraya dan apakah langkah Dewan Bandaraya telah ambil bagi memastikan syarikat-syarikat lif akan menjalankan tanggungjawabnya dengan cekap dalam soal-soal penyelenggaraan dan menjamin keselamatan lif-lif.

Dato Shahrir bin Abdul Samad: Sistem ini telah dilaksanakan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dengan menubuhkan bilik kawalan mengenai kerosakan lif dan gangguan bekalan air di rumah-rumah pangsa dan dikendalikan oleh Jabatan Pengurusan Perumahan. Bilik kawalan ini dilengkapkan dengan kemudahan telefon talian terus (No.Tel.912112) dan beroperasi dari jam 8.00 pagi hingga 11.00 malam setiap hari termasuk hari kelepasan am dan cuti umum.

Untuk kerja-kerja baik pulih kerosakan lif di rumah pangsa penghuni diminta membuat aduan bertulis dalam borang aduan yang boleh diperolehi di pejabat-pejabat kecil di rumah pangsa masing-masing.

Bagi kerosakan-kerosakan biasa penghuni-penghuni boleh menelefon perkhidmatan 'hot line' (No.Tel.911686) selepas 7 hari aduan dibuat iaitu sekiranya kerosakan tersebut belum lagi diperbaiki. Bagi kerosakan yang memerlukan tindakan serta-merta, penghuni bolehlah menghubungi kakitangan di pejabat kecil kawasan rumah pangsa masing-masing ataupun menelefon terus ke perkhidmatan hot line untuk mendapatkan tindakan sewajarnya.

Dewan Bandaraya mendapati dengan pelaksanaan sistem Bilik Kawalan dan perkhidmatan hot line, aduan mengenai kerosakan lif, gangguan bekalan air dan elektrik telah dapat dikesan untuk diambil tindakan membaiki dengan segera.

Dari segi-segi kerja-kerja menggantikan lif lama di rumah pangsa Dewan Bandaraya, beberapa lif yang lama dan sering kali mengalami kerosakan teknikal telah, sedang dan akan diganti seperti dilampiran.

Berhubung dengan syarikat-syarikat pembekal lif, sebanyak 5 buah syarikat telah ditawarkan untuk memasang dan menyelenggara lif rumah pangsa Dewan Bandaraya. Bagi memastikan mereka menjalankan tanggungjawab dengan cekap dalam kerja-kerja penyelenggaraan dan menjaga keselamatan orang awam beberapa langkah telah diambil iaitu:

1. Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan syarikat lif menandatangani Surat Perjanjian menyelenggara lif yang mana sya-

rikat lif bertanggungjawab seperti yang termaktub di bawah Akta Jabatan Kilang-kilang Jentera Malaysia.

2. Satu unit rumahpangsa dihaskan kepada syarikat lif sebagai 'standby unit' untuk kakitangan teknikal.
3. Mengadakan perbincangan dengan syarikat lif dari masa ke semasa.
4. Semua laporan kerosakan lif dikawal oleh Bilik Gerakan Kawalan Lif dan Syarikat Lif diberitahu dengan serta merta bila ada laporan kerosakan diterima dan Syarikat Lif diminta menghantar pekerja mereka (mekanik) dalam masa 30 minit selepas aduan diterima untuk tindakan membaiki.

LAMPIRAN

PROGRAM PENGANTIAN LIF DI RUMAH PANGSA, DEWAN BANDARAYA K.L.

1. TELAH DIGANTI

Bil. Lif	Kawasan	Perbelanjaan	Tarikh Siap
6.	Rumah Pangsa Sri Pahang, Bukit Bangsar	\$710,000	Feb. 1985

2. SEDANG DIGANTI

Bil. Lif	Kawasan	Perbelanjaan	Tarikh Siap
21.	Rumah Pangsa Tuanku Abdul Rahman, Jalan Tun Razak	\$4 juta	Ogos 1986
6.	Jalan Hang Tuah		

3. AKAN DIGANTI

Bil. Lif	Kawasan	Perbelanjaan	Tarikh Siap
6.	Rumah Pangsa Sri Selangor, Jalan San Peng	\$2.3 juta	Dis. 1986
9.	Rumah Pangsa Tan Cheng Lock, Jalan Loke Yew		

PEKERJA MALAYSIA DI LUAR NEGERI

45. Tuan Ng Cheng Kuai minta Menteri Buruh menyatakan:

- (a) bilangan warganegara Malaysia yang bekerja di negara-negara asing, dan anggaran wang pertukaran asing dipeolehinya;
- b) apakah Kementerian beliau akan mewujudkan satu sistem untuk membela kebajikan pekerja-pekerja tersebut.

Dato' Mak Hon Kam:

- (a) Tidak terdapat rekod bilangan warganegara Malaysia yang bekerja di negara-negara asing oleh kerana pekerja-pekerja tersebut tidak dikehendaki melapurkan diri kepada Kerajaan di bawah Undang-undang Buruh bahawa mereka ingin bekerja di luar negeri. Tiada sebarang sekatan untuk warganegara bekerja di luar negeri asalkan mereka mematuhi kehendak-kehendak Undang-undang Imigresen.

Untuk makluman Yang Berhormat, pada tahun 1984 negara kita membelanja kelebihan wang untuk perkhidmatan pelbagai termasuk pemindahan wang peribadi berbanding dengan pendapatan diterima. Kekurangan sejumlah \$52 juta berlaku tanpa mengira perbelanjaan dalam perkhidmatan pengangkutan laut (freight) dan insurans.pendapatan pelaburan dan perjalanan. Ini bermakna wang pertukaran asing yang diperolehi oleh pekerja-pekerja kita di negara-negara asing adalah sedikit.

- (b) Kementerian Buruh dengan kerjasama Kementerian Luar Negeri sentiasa mengawasi kebajikan pekerja-pekerja Malaysia di luar negeri melalui Kedutaan Malaysia di negara-negara di mana terdapat pekerja-pekerja kita. Biasanya di mana perlu, pertolongan konsular diberikan oleh Kedutaan Malaysia dan tiada nyata keperluan bagi Kerajaan mewujudkan satu sistem lain khas untuk membela kebajikan pekerja-pekerja tersebut.

- (c) Di samping itu Akta Ajensi Pekerjaan Swasta, 1981 yang dikuatkuasakan oleh Kementerian saya di antara lain mewajibkan agensi-agensi pekerjaan memelihara kepentingan dan kabajikan pekerja-pekerja yang akan dihantar ke luar negeri untuk bekerja. Agensi-agensi tersebut juga dikehendaki mengemukakan laporan-laporan dari masa ke semasa ke Kementerian saya dan dengan cara ini Kementerian saya dapat sedikit sebanyak mengawal supaya pekerja-pekerja kita di negara-negara asing tidak dieksploitasikan.

PEKERJA-PEKERJA YANG MENGANGGUR

46. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Buruh menyatakan kadar dan bilangan orang-orang yang bekerja, menganggur dan 'Under-employed' bagi setiap tahun bagi tempoh 1981-1985, jumlah pekerja-pekerja asing yang bekerja di negara ini dan setakat mana mereka menyumbang ke arah masalah pengangguran di negara ini dan apakah tindakan yang diambil oleh Kerajaan untuk melindungi kepentingan pekerja-pekerja Malaysia.

Dato' Mak Hon Kam: Kadar dan bilangan orang-orang yang bekerja dan menganggur bagi tiap-tiap tahun bagi tempoh 1981-1984 adalah seperti di bawah:-

Tahun	Guna-tenaga	Kadar Pertumbuhan Tenaga Buruh	Jumlah Tenaga Buruh	Kadar Pengangguran	Jumlah Pengangguran
1981	5,009.7	3.4	5,280.9	5.1	271.2
1982	5,122.8	2.2	5,398.8	5.1	276.0
1983	5,244.8	3.4	5,580.3	6.0	335.5
1984	5,406.9	3.3	5,762.1	6.2	355.2

Kementerian saya tidak menyimpan rekod bilangan orang-orang yang 'Under-employed'. Jumlah pekerja asing yang diberi Pas Kerja dari 1981 - 1985 adalah seperti berikut:-

	1981	1982	1983	1984	1985
(i) Pengurusan		7,140	9,804	9,849	—
(ii) Teknikal dan Penyelidikan	6,663	2,228	3,010	2,816	—
(iii) Buruh	Tiada	Tiada	131	635	372 (1-5-85)

Keutamaan pekerjaan dinegara ini diberikan kepada rakyatnya tetapi dimana rakyatnya tidak berkesanggupan bagi sesuatu pekerjaan, pekerja-pekerja asing dibenarkan masuk untuk seketika waktu yang singkat. Dasar ini tidaklah menyumbang ke arah masalah pengangguran akan tetapi menyumbang kepada pembangunan negara dengan pengisian jawatan-jawatan yang tidak dapat diisi oleh rakyat negara ini.

Untuk melindungi kepentingan pekerja-pekerja Malaysia termasuk pekerja asing dikawal oleh Jawatankuasa berikut:-

- (i) Jawatankuasa Tetap Pewarganegaraan
- (ii) Jawatankuasa Pengambilan Buruh Asing.

LAWATAN PERDANA MENTERI KE CHINA

47. Tuan Fung Ket Wing minta Perdana Menteri menyatakan bilakah beliau bercadang melawat Negeri China, sama ada Ketua Pembangkang Yang Berhormat Lim Kit Siang, dan Ahli-ahli Parlimen Pembangkang yang lain akan juga diminta menyertai rombongannya apabila beliau melawat Negeri China kelak; jika tidak, mengapa.

Timbalan Menteri Luar Negeri (Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir): Saya mohon izin memaklumkan bahawa jawapan kepada soalan ini telahpun diberi semasa saya menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Bandar Kuching pada 24hb Julai, 1985. Saya tidak ada sebarang tambahan kepada jawapan tersebut.

PENERBANGAN MAS KE CHINA

48. Tuan Chan Kok Kit minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada pihak Sistem Penerbangan Malaysia (MAS) mempunyai rancangan untuk mengadakan penerbangan dari Malaysia ke Negeri Republik Rakyat China; jika ya, beri butir-butir lanjut; jika tidak, mengapa.

Menteri Pengangkutan (Tan Sri Chong Hon Nyan): Sepertimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, perkhidmatan udara dua hala di

antara negara-negara biasanya diadakan melalui perjanjian perkhidmatan udara yang diperseetujui oleh Kerajaan-kerajaan yang berkenaan.

Pada masa ini tidak terdapat perjanjian yang berkenaan di antara Malaysia dengan Republik Rakyat China, walau pun kemungkinan untuk mengadakan perjanjian serupa ini pernah dipertimbangkan dahulu.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perhubungan yang wujud diantara Malaysia dengan Republik Rakyat China sekarang adalah berasaskan perhubungan antara 'Kerajaan dengan Kerajaan' sahaja. Walaupun demikian, rakyat Malaysia yang berpeluang untuk melawat Negeri China setelah mendapat kebenaran pihak berkuasa-pihak berkuasa boleh menaiki pesawat MAS untuk membuat penerbangan ke Hong Kong atau ke Jepun terlebih dahulu. Mereka kemudiannya bolehlah melanjutkan penerbangan ke Negeri China dengan pesawat-pesawat yang berlepas ke sana dari negara-negara tersebut.

KAPAL SELAM — PEMBINAAN SABAH SHIPYARD

49. Dr. Chen Man Hin minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan telah meluluskan rancangan bekas Ketua Menteri Sabah, Datuk Harris Salleh untuk membina dan mengeksport kapal-kapal selam, sama ada projek ini telah dirunding dengan Perdana Menteri Britain semasa lawatan beliau baru-baru ini ke sini, dan sama ada Kerajaan berhajat membentuk cadangan limbungan pengeluaran kapal selam di Labuan untuk memberi kemudahan-kemudahan pembaikan dan sokongan kepada tentera Amerika Syarikat yang berpangkalan di Subic Bay, Philipines.

Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob: Cadangan membina kapal selam oleh syarikat Sabah Shipyards Sdn. Bhd., adalah semata-mata untuk tujuan perniagaan yang dikendalikan oleh pihak persendirian yang tidak ada kaitan dengan Kerajaan Persekutuan. Oleh itu perkara mengenai meluluskan rancangan ini dan berbincang dengan Perdana Menteri British dan memberi kemudahan kepada Tentera Amerika

Syarikat yang berpangkalan di Subic Bay tidak berkaitan sama sekali.

RANG UNDANG-UNDANG PERKHIDMATAN TELEKOMUNIKASI (SYARIKAT PENGGANTI)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibaca bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah 'Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan Kali Yang Kedua sekarang.' (24hb Julai, 1985).

Timbalan Yang di-Pertua: Dijemput Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mas menyambung ucapan.

3.36 ptg.

Tuan Mutang Tagal (Bukit Mas): Tuan Yang di-Pertua, dalam ucapan saya semalam, saya telah menyatakan sokongan saya dari segi prinsipnya kepada hasrat Kerajaan untuk menswastakan perkhidmatan telekom. Saya juga telah mengemukakan satu soalan mengenai dengan proses penswastan itu iaitu sama ada:

Satu, penswastan itu akan memberi keuntungan yang lebih baik lagi kepada rakyat dari segi mutu perkhidmatan, harga, perkhidmatan prestasi telekom seperti kecekapan, produktiviti dan sebagainya. Soalan ini adalah perlu dan penting oleh kerana ia menjadi satu ujian kepada baik dan buruknya dasar penswastan telekom ini. Soalan ini perlu dijawab sebelum penswastan ini dilaksanakan supaya dapat kita mengelakkan akibat-akibat yang tidak baik apabila ianya dijalankan kelak.

Penswastan telekom ini, Tuan Yang di-Pertua, tidak seharusnya menjadi satu alasan ataupun satu excuse dengan izin, bagi Kerajaan untuk melepaskan tanggungjawabnya kepada rakyat.

Perkhidmatan telekom merupakan satu perkhidmatan yang penting di negara ini bukan sahaja kepada orang kaya, tetapi kepada orang miskin, baik di bandar mahupun di luar bandar. Jikalau Kerajaan ingin supaya negara kita menjadi lebih maju lagi dan rakyat kita menjadi

lebih dinamik dan progresif, perkhidmatan telekom harus diubahsuai mengikut kemampuan rakyat dan negara. Jadi, saya haraplah, Tuan Yang di-Pertua, pihak Kerajaan akan mengambil langkah-langkah yang membina supaya mutu perkhidmatan telekom yang masih ada sekarang ini tidak terjejas dengan proses penswastaaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi prosedur penswastaaan ini saya ingin menegaskan di sini, bahawa adalah penting bagi Kerajaan untuk menentukan iaitu bukan sahaja rakyat jelata menikmati perkhidmatan telekom ini dari segi perkhidmatan sahaja, tetapi rakyat jelata harus diberi peluang untuk membeli saham-saham dalam Syarikat Telekom Malaysia yang akan menjadi syarikat pengganti nanti. Pembelian saham ini dapat dibuat secara individu ataupun melalui syarikat-syarikat awam ataupun perbadanan-perbadanan tertentu seperti PNB, Amanah Saham dan sebagainya.

Di England, Tuan Yang di-Pertua, penswastaaan telekom di negara itu dibuat melalui "London Stock Exchange". Di sini saya ingin tahu daripada Menteri berkenaan kenapa proses penswastaaan ini tidak dibuat melalui KLSE? Adakah cara penswastaaan yang dicadangkan oleh Kerajaan dalam Rang Undang-undang ini lebih baik dan berkesan daripada cara melalui KLSE sepertimana yang dibuat di United Kingdom. Walaupun saya berpendapat bahawa STM nanti pada akhirnya akan menjualkan sahamnya melalui KLSE, saya rasa adalah penting bagi Kerajaan untuk menerangkan kepada rakyat jelata sebab-sebab Kerajaan mengambil langkah dan prosedur sedemikian.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini hanya mengandungi peruntukan-peruntukan am (General provisions), dengan izin, sahaja seperti peruntukan mengenai dengan pemindahan harta, peruntukan mengenai dengan struktur kewangan syarikat pengganti dan peruntukan mengenai dengan kakitangan dan sebagainya. Rang Undang-undang ini tidak mengandungi peruntukan-peruntukan yang khusus dan terperinci mengenai dengan prosedur bagaimana Jabatan Telekom ini diswastakan.

Akibat ketidak adanya peruntukan-peruntukan khusus ini ialah rakyat tidak akan tahu

apa yang akan terjadi apabila Jabatan ini diswastakan. Oleh itu, saya minta Yang Berhormat Menteri yang berkenaan supaya membuat huraian secara terperinci bagaimana STM akan melaksanakan perkhidmatan telekom itu nanti. Ini perlu, Tuan Yang di-Pertua, supaya kepercayaan rakyat terhadap perkhidmatan telekom dikekalkan memandangkan ada golongan tertentu yang masih meragui langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, soalan mengenai dengan sama ada Jabatan Telekom apabila ianya diswastakan nanti akan meningkatkan mutu perkhidmatan dan kecekapan Jabatan ini adalah tergantung dengan pendekatan yang kita ambil terhadap pekerja-pekerjanya. Jika kita tidak berhati-hati ataupun jika kita lalai dalam perkara ini, masalah pekerja ini akan menjatuhkan mutu dan prestasi Perkhidmatan Telekom apabila ianya diswastakan nanti dan mungkin akan dijadikan isu politik oleh golongan-golongan tertentu.

Walaupun Fasal 9 Rang Undang-undang ini membuat peruntukan mengenai dengan terma-terma dan syarat-syarat perkhidmatan kakitangan Jabatan Telekom, angka-angka ataupun terma-terma dan syarat-syarat yang terperinci tidak diberi. Oleh itu, kita tidak dapat membuat satu penilaian sama ada terma-terma dan syarat-syarat perkhidmatan kakitangan itu adalah adil dan munasabah. Apa yang digunakan ialah satu perkataan yang mengatakan bahawa terma-terma dan syarat-syarat perkhidmatan yang tidak kurang baiknya daripada terma-terma dan syarat-syarat yang dia berhak dapat sebelum sahaja tarikh pemindahan ini digunakan. Saya rasa perkataan itu harus dihuraikan oleh Yang Berhormat Menteri supaya Dewan ini dapat mengambil perhatian mengenai dengan bagaimana terma-terma dan syarat-syarat itu nanti dijalankan supaya kebajikan dan kepentingan pegawai-pegawai ataupun pekerja-pekerja dalam syarikat yang menjadi syarikat pengganti ini dapat dikekalkan. Walau bagaimanapun, saya menyeru kepada Kerajaan supaya kawalan yang ketat dikenakan terhadap syarikat pengganti ini ataupun STM ini supaya kebajikan pekerja-pekerja yang sedang berkhidmat dengan Jabatan Telekom itu tidak terjejas.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin meminta kepada Yang Berhormat Menteri berkenaan supaya membuat jaminan iaitu apabila Jabatan Telekom itu diswastakan nanti Perkhidmatan Telekom kepada penduduk-penduduk di luar bandar tidak terjejas ataupun diputuskan ataupun dikurangkan. Kita perlu mengingatkan diri kita sendiri mengenai dengan isu ini supaya jangan penduduk-penduduk di luar bandar menjadi mangsa akibat penswastan-penswastan yang akan dilaksanakan oleh Kerajaan dari masa ke semasa berkaitan dengan Badan-badan Berkanun ataupun mengenai dengan kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh Kerajaan pada saat ini. Ini tetap berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana dasar syarikat swasta dalam hal perdagangan ialah, dengan izin, maximization of profit dan dalam usaha mereka untuk mencapai matlamat ini, syarikat pengganti nanti mungkin akan mengurangkan perkhidmatannya ke luar bandar memandangkan perkhidmatan ke luar bandar ini mungkin tidak memberi keuntungan kepada Telekom jikalau dibanding dengan perkhidmatan yang disalurkan kepada bandar-bandar.

Tuan Yang di-Pertua, soalan kedua mengenai penswastan ini yang kita harus tertanyanya ialah adakah penswastan ini pada keseluruhannya meringankan beban kewangan ke atas Kerajaan? Akibat dari penswastan ini beberapa pekerja di Jabatan Telekom akan bersara ataupun disuruh bersara oleh kerana syarikat pengganti nanti mungkin mereka membuat banyak 'retrenchment' jikalau mereka ingin supaya ada keuntungan yang dibuat oleh syarikat itu nanti mengenai dengan Perkhidmatan Telekom. Jadi, akibat dari penswastan ini beberapa pekerja di Jabatan Telekom akan bersara dan dibayar wang pencen. Dan jikalau Kerajaan membayar wang pencen, soalan saya ialah berapa banyakkah wang pencen yang harus dibayar kepada pekerja-pekerja yang tidak lagi diambil bekerja dengan syarikat pengganti itu dan jikalau jumlah wang yang dibayar itu nanti akan membebaskan Kerajaan lagi, saya berpendapat bahawa kita harus membuat satu kajian lagi supaya jangan dalam proses kita menswastakan, bukan penswastan itu meringankan Kerajaan, tetapi di sebaliknya akan membebaskan Kerajaan lagi. Oleh kera-

na itu, ini perlu ditelitikan dengan sebaik-baiknya supaya Kerajaan apabila menswastakan Jabatan Telekom tidak dibeban daripada apa yang ada sekarang. Oleh kerana sebab dan tujuan kita menswastakan Jabatan Telekom ialah supaya setakat mana yang boleh kita ingin supaya Kerajaan tidak dibebankan dengan membelanja beribu-ribu milion wang kepada menjalankan perkhidmatan ini.

Oleh kerana itu, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin supaya Yang Berhormat Menteri akan memberi penjelasan kepada Dewan ini supaya kita dapat tahu dan supaya rakyat jelata dapat tahu dan kepercayaan mereka kepada dasar kita menswastakan Jabatan Telekom dapat kita kekalkan di kalangan orang ramai.

Dengan ini, saya menyokong Rang Undang-undang yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri beberapa hari di dalam Dewan yang mulia ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Kuala Nerus.

3.47 ptg.

Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan (Kuala Nerus): Tuan Yang di-Pertua, saya bersama-sama untuk membahaskan pindaan Akta Telekomunikasi yang telah dibentangkan oleh Menteri di dalam Dewan yang mulia ini.

Saya percaya Kerajaan ingin menswastakan telekomunikasi ini ialah bertujuan untuk menambah kemodenan perkhidmatan telefon ialah untuk menuju ke arah matlamat yang lebih baik dan lebih memberi kesan dan faedah kepada rakyat dan negara. Maka, bagi pihak saya menyokong di atas Akta ini.

Dalam perkara ini saya ingin mencadangkan supaya Kerajaan menitikberatkan kepada beberapa faktor yang patut diberi perhatian yang serius dari semasa ke semasa. Satu, memperkemaskan perkhidmatan penyelarasan kesegeraan pemasangan telefon, sebab selalu di bandar-bandar kecil atau di kampung-kampung apabila pemohon-pemohon meminta telefon hingga memakan masa bertahun-tahun tak dapat lagi dilaksanakan, tak dapat menyempurnakan pemasangannya itu.

Saya menyebutkan dalam Dewan yang mulia ini, di antaranya permohonan yang telah saya sendiri tulis untuk memberi sokongannya, kalau tak silap saya daripada masa pemohon itu membuat permohonan hingga sampai sekarang sudah memakan masa 2 tahun lebih, pada hal pemohon-pemohon ini berada di dalam kawasan bandar, bukanlah kata di kampung-kampung jauh sangat, dalam kawasan bandar sendiri.

Dengan itu amat jauh kita tengok jika dibandingkan dengan setengah-setengah negeri seperti negeri-negeri jiran Singapura yang mana sesuatu permohonan telefon daripada tarikh masuk borang dia boleh mendapat telefon dalam masa seminggu maka kita sehingga sampai dua tahun. Maka ini rasa saya satu daripada menandakan perkhidmatan telefon kita amat lambat ataupun cakap orang kampung amat 'betat' sekali. Pada hal hari ini negara kita sudah dikenali sebagai sebuah negara yang hampir-hampir maju. Maju itu bergantung kepada cepat. Kalau lambat tak adalah makna maju.

Yang kedua, memperkemaskinikan penyelarasan pembayaran bil-bil. Adakah ini tak termasuk, Tuan Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua: Saya belum kata apa-apa lagi.

Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila teruskan, Yang Berhormat.

Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan: Memperkemaskinikan penyelarasan pembayaran bil-bil....

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya rasa boleh berkait — sila duduk sebentar, Yang Berhormat. Sekiranya kelemahan-kelemahan Yang Berhormat sebutkan tadi, kita harap akan beransur-ansur tidak ada lagi bila mana diluluskan Rang Undang-undang ini. Dia berkait juga, sila teruskan.

Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Jadi kaitannya saya rasa walaupun kita katakan bil ini akan dilulus-

kan dan diswastakan tetapi bagi pihak Kerajaan sendiri yang akan mengenakan syarat-syarat ini iaitu itulah saya maksudkan iaitu dari segi memperkemaskinikan penyelarasan pembayaran bil-bil supaya pembayarannya itu dengan adil sebab apa contoh-contoh yang lepas-lepas didapati pembayaran bil-bil telefon ini ada di antaranya yang tidak begitu kena.

Misalnya, office yang kita tengok seperti office MAS misalnya, menggunakan telefon begitu banyak panggilan-panggilan dan banyak kegunaan telefon itu maka kita dapat jangkakan berapa sebulan pembayarannya itu. Tetapi yang kita rasa sedih ada di antara telefon-telefon orang-orang kampung, ini pernah berlaku telefon seorang orang kampung dalam kawasan saya pernah dikenakan bayaran \$300 lebih sebulan. Jadi yang menghairankan itu pihak tuan telefon itu sendiri mengatakan bahawa dia hanya beberapa kali sahaja telefon dan tak pernah pula telefon ke luar negeri. Kadang-kadang datang bil mengatakan dia ini bercakap ke luar negeri sedangkan dia tak pernah katanya dan tak tahu hendak berhubung ke luar negeri, tak ada orang yang hendak dihubungi tetapi bil sampai juga mengatakan dia ada berhubung ke luar negeri. Jadi, perkara-perkara yang seumpama ini rasa saya amat mustahak bagi pihak Kerajaan menjaga ataupun menitikberatkan kerana ini adalah suatu perkara yang amat menyedihkan dan menimbulkan perasaan marah daripada segi orang-orang kampung terhadap orang-orang yang berkenaan seperti yang bersangkutan dengan perkhidmatan telefon.

Yang ketiga, untuk mencantikkan pemandangan tentang kedudukan wire telefon jangan pula diswastakan tetapi pemandangan serupa itu juga. Kita tengok hari ini di bandar-bandar kecil tiang-tiang telefon itu boleh kita misalkan macam apa yang kita tengok setengahnya itu sengit, setengahnya itu tumbang. Kata setengah-setengah orang, petua-petua orang-orang maju cakap, hendak tahu negara itu maju tak maju tengok tiang telefon dia. Kalau tiang telefon ke sana-ke sini, bengkok-bangkik, itu tanda negeri itu uzurlah, katanya. Maka hari ini kalau kita tengok di bandar Kuala Lumpur tak apalah, tetapi kalau pergi dalam bandar-bandar di Terengganu misalnya, Batu Pahat, bandar-bandar jajahan, tiang telefon betul-be-

tul macam masa Perang Jepun dahulu. Wire itu tak usah kira lagi, wire itu berceramik tak tentu arah. Sepatutnya tiang-tiang kayu itu tidak ada lagi sudah sekarang, kena tiang-tiang cantik-cantik; kayu pun tak apa tetapi biarlah kayu yang molek-molek, janganlah kayu yang hodoh-hodoh. Kadang-kadang kita tengok....

Timbalan Yang di-Pertua: Sekarang Yang Berhormat menghampiri terkeluar daripada konteks.

Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Ini saya pun merasai juga.

Tuan Bujang bin Haji Ulis: (Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua: Sila.

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Saya dengar tadi Yang Berhormat kata bahawa kemajuan sesebuah negara adalah berasas kepada tiang telefon. Macam mana kalau tiang lain tak termasuk juga?

Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan: Tuan Yang di-Pertua, yang sebenarnya bukan berasaskan tiang telefon. Ini cakapan-cakapan orang-orang negeri maju. Kata dia kalau sekiranya kita masuk sesebuah negeri itu, hendak tahu negeri itu benar-benar maju atau tidak kita tengok tiang telefon. Kenapa? Kerana mula-mula jumpa tiang telefon sebab tiang-tiang lain belum jumpa. Kalau tiang rumah terpaksa kena masuk bawah rumah, tetapi takkan pula turun kapalterbang terus hendak masuk bawah rumah orang. (*Ketawa*) Itulah sebabnya. Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, saya percaya ini sudah terkeluar sedikit tetapi sebab-sebab yang saya hendak sebut ini takut esok kita swastakan jadi dia tak nampak juga tiang ini.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, dengan adanya telekomunikasi kita ini diswastakan rasa saya amat lojik dan amat kena pada tempat dan masanya Kerajaan apabila sesebuah syarikat itu memegang sebagai satu line perniagaan bagi diri mereka adalah kesungguhannya itu yang sentiasa merasai tanggungjawab demi untuk mencari faedah di samping perkhidmatan-perkhidmatannya. Cuma dalam perkara ini saya mencadangkan supaya Kera-

jaan memastikan syarikat-syarikat yang kita akan swastakan itu seboleh-bolehnya hendaklah syarikat-syarikat tempatan dan jika dibuat joint-venture ataupun perkongsian sekalipun hendaklah syarikat tempatan memegang saham yang lebih besar daripada syarikat-syarikat asing.

Dan lagi syarikat-syarikat tempatan hendaklah syarikat yang betul-betul berkebolehan dalam jurusan (line) ini, jangan dikirakan bulu ataupun jenis ataupun daripada syarikat-syarikat yang kita fikirkan patut dalam tentang keupayaan kewangan mereka tetapi mereka tidak ada kebijakan dan kepintaran dalam line ataupun jurusan-jurusan ini, dan tidak sekali-kali kita ingin hendaknya, seboleh-boleh tidaklah dipegang oleh syarikat-syarikat asing semata-mata kerana kalau dipegang oleh syarikat-syarikat asing adalah faedahnya itu yang didapati tidak akan mengalir kepada rakyat Malaysia ataupun kepada syarikat-syarikat tempatan. Lebih-lebih lagi dalam perkara-perkara lingkungan mengenai telekom ataupun perkara-perkara perkhidmatan telefon ini adalah bagi pihak kita orang-orang Malaysia tentu sekali berkurangan jika dibandingkan dengan orang-orang yang telah maju.

Maka dengan adanya penyertaan kita bersama dan dengan adanya syernya kita begitu besar ataupun seboleh-bolehnya kita pegang sendiri oleh syarikat-syarikat tempatan, maka dengan ini membawakan kepada kita dapat mempelajari dan dapat pengalaman dari semasa ke semasa agar dapat kita memenuhi kehendak-kehendak dan tujuan-tujuan yang dikehendaki oleh Kerajaan dan rakyat. Dengan itu penswastakan kita itu adalah memberi makna dan memberi tujuan kepada matlamat yang dikehendaki oleh Kerajaan dan rakyat. Maka setakat inilah sahaja. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Saya menjemput Yang Berhormat Menteri berkenaan menjawab dan menggulung.

4.05 ptg.

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Datuk Leo Moggie anak Irok): Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengambil peluang untuk menggulung perbahasan bersabit dengan Rang Undang-undang Perkhidmatan Telekomunikasi

(Syarikat Pengganti) Tahun 1985 yang telah kita bahas pada dua hari ini.

Terutama sekali sebelum saya berucap panjang lebar, suka saya memberi terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan ini lebih-lebih lagi Ahli Yang Berhormat yang menyokong Bill ini.

Walaupun begitu, saya cuma bertujuan untuk menjawab secara am bentuk-bentuk dan soalan-soalan yang telah dikemukakan itu dan saya tidak bercadang untuk menjawab satu persatu dengan terperinci. Tetapi walau bagaimanapun kita biasa mengingat bahawa semua ucapan itu tercatat dalam Hansard dan akan diteliti dan dilihat oleh pegawai-pegawai Kerajaan yang ada kaitan dengan penswastan Jabatan Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, bersabit dengan tujuan kita mengadakan Rang Undang-undang ini, saya merasa elok juga saya mengulang sekali lagi bahawa Rang Undang-undang ini bersama dengan Rang Undang-undang (Pindaan) Akta Telekom Tahun 1950 ialah sebagai, dengan izin, enabling law iaitu Rang Undang-undang yang akan memberi kita kuasa secara dari segi undang-undang untuk mengendalikan tujuan dan hasrat Kerajaan untuk mengubahsuaikan bentuk organisasi yang bertanggungjawab kepada perkhidmatan telekom di negara kita ini.

Seperti yang saya telah terangkan juga semalam, Kerajaan memutuskan lebih baik kalau kita membahagikan tugas ini kepada dua cara, biasanya sampai sekarang dikendalikan satu jabatan, tujuan kita ialah pengawasan kekal akan menjadi tanggungjawab Kerajaan dan boleh itu Akta Telekom Tahun 1950 telah diubahsuai untuk kita dapat berbuat demikian.

Tetapi Kerajaan berpendapat secara polisi juga bahawa tugas untuk bertanggungjawab mengendalikan, dengan izin, National Telecommunication System and Network kita merasa baik lagi kalau dialihkan dari tugas Jabatan Kerajaan untuk mendapat Kerajaan berbuat demikian, kita telah membawa Rang Undang-undang ini yang kita bahas sekarang bagi tujuan mendapatkan Kerajaan menyerahkan tugas ini termasuk harta-harta benda dan ba-

rang-barang yang berkaitan dengannya kepada satu syarikat, ini tujuan kita dan ini tujuan Rang Undang-undang ini. Dengan perkataan yang lain ialah Rang Undang-undang enabling law untuk kita memindahkan tugas dan harta benda yang sampai sekarang dipegang oleh Jabatan Telekom kepada satu syarikat.

Jadi tujuan kita ialah sesudah enabling law ini digubal dan ditubuh dan diwujudkan, tujuan kita ialah mewujudkan satu syarikat yang pada mulanya akan dipegang equiti sepenuhnya oleh pihak Kerajaan, dan cuma kemudian kelak sudah kita mendapati masanya tiba untuk kita menimbangkan bersama-sama dengan pelabur-pelabur luar dari Kerajaan termasuk pelabur-pelabur perseorangan. Bila masa itu tiba baru sahaja kita menimbangkan tarikh kita menyerahkan sebahagian equiti itu kepada mereka yang bukan Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, kuasa untuk mengendalikan ini dari segi undang-undang, memang terletak mengikut Akta Telekom Tahun 1950 sebagai satu exclusive privilege Kerajaan dan memang menjadi exclusive privilege Kerajaan untuk mengadakan Telecommunication System tetapi Kerajaan berhak menerusi Menteri yang bertanggungjawab mengeluarkan lesen yang tertentu kepada syarikat yang kita fikir sesuai untuk menjalankan tugas itu.

Jadi, tujuan kita ialah akan mengeluarkan lesen ini kepada syarikat yang kena tubuh mengikut undang-undang yang kita bahas sekarang.

Dalam kita mengeluarkan lesen sudah tentu kita berhak untuk memasukkan syarat-syarat yang difikirkan penting dan perlu. Satu dari syarat yang difikirkan penting dan perlu ialah bahawa kita sentiasa menjamin kedudukan bahawa rakyat di seluruh negara, bukan sahaja kita yang tinggal di bandar yang besar seperti Kuala Lumpur, tetapi juga mereka yang tinggal di kawasan luar bandar bersama-sama juga tidak ketinggalan dalam mengirakan perkhidmatan ini dan syarat-syarat tertentu untuk tujuan itu akan dikenakan kepada syarikat yang akan menggantikan tugas Jabatan Telekom.

Begitu juga tujuan kita bersabit dengan kedudukan sekuriti dan sebagainya atau soal keselamatan. Semalam saya sudah terangkan

sedikit tetapi saya juga rasa eloklah saya mengulangkan sekali lagi bahawa 'exclusive privilege' ini terkandung dalam Akta Telekom, 1950 dan mengikut Akta Telekom, 1950 ini memang sudah ada dari segi undang-undang, kuasa Kerajaan untuk menentukan soal keselamatan dan sebagainya. Misalnya, Seksyen 7, Seksyen 24, Seksyen 25 dan Seksyen-seksyen mungkin yang lain yang saya tidak sebutkan, tetapi apa yang penting diingat ialah ada terkandung dalam Akta asal. Saya rasa ini perlu juga dijelaskan dan diterangkan untuk mengelakkan keraguan Dewan yang mulia ini.

Satu lagi perkara yang disentuh khasnya oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong bersabit dengan keselamatan juga, apakah kedudukan sistem telekomunikasi bagi Tentera dan Polis dan kalau tidak silap saya juga ada disoalkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka pada petang semalam atau hari yang dahulu dari itu. Sebenarnya, soalan ini juga termasuk dalam Akta Telekom, 1950. Selain dari itu, sekarang pihak Tentera sendiri telah juga bertanggungjawab secara langsung untuk mengendalikan perkhidmatan mereka bersabit dengan sekuriti ini, ini kekal akan menjadi tanggungjawab mereka sendiri dan Kerajaan mempunyai peruntukan-peruntukan dari segi undang-undang untuk membenarkan perkara ini terus dikekalkan.

Jadi dari segi meninggikan mutu perkhidmatan telekom dalam masa akan datang, saya suka menyatakan memang itu hasrat dan tujuan kita. Dari segi kita membentuk satu organisasi yang lebih fleksibel, kita merasai dan mendapati kemungkinan organisasi itu dapat bergerak dengan cekap lagi, dengan lebih baik lagi memang ada. Kemungkinan itu pun saya merasa baik dapat diwujudkan tetapi saya tidak juga mahu terus memberikan jaminan seratus peratus bahawa rakyat, bahkan pihak Kerajaan sendiri sesudah wujud bentuk ini akan seratus peratus berpuas hati dengan perkhidmatan yang akan dikendalikan itu nanti. Saya percaya tidak ada sesiapa pun yang berani memberikan jaminan seperti itu. Tetapi kita berharap dengan terdirinya pihak pengarah syarikat-syarikat ini yang kita cadangkan akan terdiri dari mereka yang mempunyai pengalaman, yang mempunyai kecekapan dalam bidang-bidang yang tertentu yang ada kaitan dengan perniagaan,

ada kaitan dengan telecommunication dan sebagainya, kemungkinan kita boleh menambahkan mutu itu adalah baik.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka ada menyentuh beberapa perkara yang saya berasa juga perlu dijelaskan oleh saya sendiri. Saya tidaklah menganggap bahawa selepas penjelasan ini dibuat bahawa Ahli Yang Berhormat itu akan berpuas hati. Bukan tujuan saya untuk memberikan Ahli Yang Berhormat itu 'full satisfaction' oleh kerana, Tuan Yang di-Pertua, full satisfaction itu terpulang kepada seseorang. Walau bagaimanapun, penjelasan yang baik, betul dan kena, kalaulah seseorang itu menganggap tidak menerimanya, terpulanglah kepada seseorang itu. Tujuan saya ialah untuk menerangkan dengan jelasnya apakah tujuan Kerajaan.

Pada pertamanya, ada disoalkan apakah Kerajaan sudah memberi kajian kalaulah pengendalian perkhidmatan telefon ini perlu diubah dari segi bentuk Jabatan Kerajaan, apakah ianya mesti dijalankan oleh satu syarikat atau bentuk organisasi yang lain seperti 'statutory corporation' seperti yang diadakan di satu negara jiran kita ini. Pada pendapat saya, Tuan Yang di-Pertua, perkara ini memang sudah dikaji dan satu dari soal yang telah dikaji itu ialah bagaimana bentuk organisasi yang patut kita wujudkan, organisasi yang berbentuk corporation atau pun statutory board seperti Lembaga Letrik Negara dan sebagainya atau organisasi yang berbentuk di bawah Akta Syarikat seperti yang kita cadangkan sekarang.

Mengikut kajian yang dibuat oleh mereka yang mempunyai pengalaman, keputusan yang dicadangkan oleh mereka lebih baik dari segi potential efficiency, bahawa ianya dikendalikan oleh satu badan berbentuk syarikat. Ini nasihat pakar-pakar yang telah kita lantik, pakar-pakar perunding yang tertentu. Dari segi tanggungjawab selaras dengan polisi Kerajaan, satu dari tujuan kita untuk menimbang dan menerima polisi penswastan ialah untuk bertujuan mengurangkan beban kewangan, kalau tidak terus menerus, dari segi jangka panjang. Kalau kita mewujudkan satu bentuk organisasi, corporation atau statutory board, beban kewangan akan kekal sebagai bebanan kewangan yang berat ditanggung oleh Kerajaan

secara langsung. Jadi satu dari matlamat kita untuk mengurangkan beban Kerajaan tidak tercapai. Itu juga satu dari perkara yang telah ditimbangkan yang telah memberi kita keputusan berbanding dengan kedua-dua bentuk organisasi ini, lebih baik kita memilih satu organisasi yang berbentuk syarikat.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, untuk penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua: Adakah Yang Berhormat hendak beri jalan?

Dato' Leo Moggie anak Irok: Boleh.

Tuan Lim Kit Siang: Yang Berhormat Menteri mengatakan ini recommendation atau perakuan-perakuan pakar-pakar yang ada pengalaman dalam perkara ini. Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu Dewan ini siapakah pakar-pakar itu, siapakah mereka? Adakah mereka, pakar-pakar yang ada fikiran 'bias', dengan izin, untuk penswastan semacam pakar-pakar yang datang dari United Kingdom, yang ada peranan dalam projek program penswastan Kerajaan Margaret Thatcher atau pakar-pakar yang tidak ada 'bias' dalam perkara ini dan siapakah mereka itu?

Datuk Leo Moggie anak Irok: Tuan Yang di-Pertua, perundingan-perundingan yang terdapat oleh Kerajaan bukan sahaja dari satu saluran dan satu pakar. Jadi, saya tidak payahlah hendak menyebut bagaimana ia memberi khidmat seperti itu. Perlu saya menerangkan di sini selepas kita menimbang laporan-laporan yang kita dapat dan kajian-kajian kita sendiri bersabit dengan tujuan untuk mengurangkan kesan dan beban kewangan Kerajaan, kita mendapati bahawa lebih baik kita mewujudkan satu organisasi berbentuk syarikat.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang disentuh oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka, ia mengatakan bahawa sesudah penswastan ini dijalankan, apakah ianya akan meninggikan harga dan sebagainya, dan satu contoh yang telah dibayangkan oleh Ahli Yang Berhormat itu ialah kedudukan pelaksanaan kabel rangkaian tempatan yang ada sekarang. Yang sebenarnya, pelaksanaan rangkaian tempatan yang kita ada sekarang bukan disebut-

kan penswastan. Ianya sebenarnya satu kontrak yang telah dibahagi dan diberikan oleh Jabatan Telekom kepada syarikat-syarikat yang tertentu di negara kita ini. Syarikat-syarikat itu telah kita tahu oleh kerana telah disebutkan dalam Dewan ini satu masa ketika dahulu.

Tujuan kita memilih syarikat ini Tuan Yang di-Pertua, kita pun tidak menapuk-napukkan. Kita bertujuan untuk memberi peluang selaras dengan Dasar Ekonomi Baru untuk melibatkan kontraktor-kontraktor bumiputra di negara kita ini yang mempunyai pengalaman yang dirasai cukup untuk mengendalikan perkhidmatan dan kontrak seperti ini. Dan dalam negara kita ini di waktu itu cuma terdiri empat sahaja kontraktor-kontraktor yang sedemikian yang mempunyai classification A dan mereka-lah yang diminta mengemukakan tawaran. Dan selepas tawaran itu dikaji, Kerajaan berpendapat menasabah ianya diterima dan keputusan dibuat dan kontrak pun diberi. Perlu saya menegaskan di sini harga kontrak itu dipersetujui selepas ianya dikaji dengan teliti dengan mendalam.

Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka ada menyebut angka-angka yang tertentu. Beliau juga ada mengatakan mengikut kira-kira punca-punca beliau sendiri bahawa harga untuk mengendalikan satu talian kalau ianya dikendalikan secara langsung oleh Jabatan Telekom dalam lingkungan kalau tidak silap saya angka yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat itu \$600. Tetapi mengikut kajian yang mendalam dan maklumat yang ada di hadapan saya, dari perkiraan Telekom sendiri ianya tidak kurang dari \$1,200 dalam satu talian. Kita mengambil kira untuk mempercepatkan pelaksanaan rangkaian kabel ini dan oleh tujuan itu kita juga berpendapat menasabah harga secara puratanya yang tinggi dari itu boleh juga dipertimbang bagi segi kita memberi kontrak.

Tujuan kita ialah untuk mempercepatkan pelaksanaan projek ini. Dan kita mendapati kalaulah talian itu dapat dihabis dengan disiapkan dengan cepat dan awal sudah tentu Kerajaan menerusi Jabatan Telekom mendapat hasil dengan cepat dan awal lagi. Dan dari segi, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, cost effectiveness, sudah tentu menguntungkan kita se-

mua dan rakyat negara kita ini. Jadi, saya juga suka menerangkan keputusan itu dibuat dengan tepat dan dengan baik.

Bersabit juga dengan bagaimanakah kita menentukan mendapat kawalan yang baik kepada satu bakal syarikat yang akan ditubuhkan nanti, memang ada undang-undang yang tertentu di negara kita ini yang sesiapa pun melanggarnya akan juga terkena kepada undang-undang itu. Dan Kerajaan berpendapat, Tuan Yang di-Pertua, bahawa rakyat negara kita Malaysia ini ialah rakyat yang mempunyai keikhlasan hati yang betul, hati yang jujur. Dan kita memberi harapan dari segi itu. Kalau pihak-pihak Pembangkang mendapati secara premise, mereka itu kurang jujur, kurang ikhlas iaitu terpulanglah dari segi pendapat Ahli-ahli Yang Berhormat dari pihak Pembangkang sendiri.

Juga saya suka mengambil peluang untuk menerangkan sedikit bagaimanakah cadangan atau harapan kita dari menarik pelaburan-pelaburan yang lain untuk bersama-sama memberi modal kepada syarikat-syarikat atau Syarikat Telekom yang kita akan tubuhkan ini, atau seperti soalan yang telah dikemukakan oleh Ahli dari Bukit Mas sebentar tadi, apakah tujuan dan niat Kerajaan tidak serta merta menyerahkan modal ini kepada bukan Kerajaan tetapi pihak-pihak luar atau pelabur-pelabur atau Kuala Lumpur Stock Exchange dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, di waktu kita melaksanakan proses privatisation ini, kita juga penting mengambil kira practicality. Practicality yang ada di hadapan kita ialah Kerajaan ini telah membuat satu komitmen untuk memperluas modal dan rangkaian telefon di negara kita ini dalam dua tiga tahun ini sampai ke dua tiga tahun yang akan datang. Jadi, sudah tentu masanya dari segi practicality mungkin belum timbul untuk kita meminta pelabur-pelabur perseorangan secara peribadi untuk melabur dalam syarikat seperti ini. Oleh apa yang penting bagi kita juga, mereka yang melabur itu patut juga diberi harapan bahawa pelaburan mereka itu akan memberi keuntungan yang baik. Dan tujuan kita penting kita memastikan dahulu sesudah syarikat ini bertugas sebagai satu syarikat yang kepunyaan Kerajaan tiba

masanya dari segi performancenya sendiri, dari segi kedudukannya sendiri, kecekapan pengurusan sendiri, masanya akan tiba bila kita boleh menimbang tarikh itu. Dan tarikh itulah masanya kita boleh menimbang bagaimanakah tujuan kita untuk menarik pelabur-pelabur termasuk syarikat-syarikat atau perseorangan ataupun kemungkinan kakitangan yang bertugas dalam perkhidmatan itu sendiri.

Jadi, bagi saya, Tuan Yang di-Pertua, undang-undang yang ada di hadapan kita ini ada peruntukan yang tertentu yang dapat kita membuat itu dalam masa yang akan datang. Tetapi sekarang kita berpendapat dari segi practice, practicality, belum tiba masa kita mewujudkan keputusan itu. Kita memutuskan seperti itu boleh kita mengambil kira bukan sahaja perkhidmatan atau bukan sahaja kedudukan syarikat-syarikat itu sahaja tetapi adakah orang yang mempunyai modal dan melabur dalam syarikat itu juga dipastikan akan dapat faedah yang betul dan yang cukup. Biarlah kita menunggu dahulu, selepas pengalaman itu didapati oleh kita semua mungkin pada masa itu persoalan ini timbul.

Tuan Yang di-Pertua, banyak juga Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh bersabit dengan kedudukan kakitangan, welfare mereka dan sebagainya. Seperti yang telah saya jelaskan juga Undang-undang ini adalah secara general provision untuk enabling kita berbuat begitu. Secara detailed administrative procedure itu kita akan buat berasingan. Dari segi detail dan option kita akan timbangkan nanti perkara-perkara welfare dan perkara-perkara kedudukan staff akan diambil kira dengan teliti. Dengan tujuan ini Kerajaan telah membentuk satu badan atau committee bertugas yang terdiri daripada beberapa agensi Kerajaan yang juga secretariatnya di pihak Economic Planning Unit untuk menentukan bahawa kajian secara detail ini betul-betul dilihat dan diperhatikan, dan option-option yang kita akan bagi akan memberi semua butir-butir dengan keterangannya sekali.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Oleh itu, kita cuma mengadakan peruntukan dari segi undang-undang sekarang secara enab-

ling provision sahaja tetapi walaupun ianya enabling provision ianya dikekalkan dari segi undang-undang bahawa mereka yang bersetuju, mereka yang diberi option untuk berkhidmat dalam satu syarikat yang bakal ditubuhkan dan mereka menerima option itu kita telah memberi jaminan dari segi Undang-undang mereka akan diterima bertugas. Dan bukan sahaja mereka akan diterima bertugas tetapi mereka akan bertugas dari segi terma dan sebagainya yang tidak kurang dari apa yang mereka menikmati sebelum itu. Saya dapati, Tuan Yang di-Pertua, peruntukan ini cukup dari segi provision untuk membuat jaminan bahawa kedudukan mereka tidak ketinggalan dan tidak dilupakan.

Saya sendiri pernah mengadakan perbincangan secara tidak rasmi dengan Ketua-ketua National Union of Telecoms Employees dan juga dengan kakitangan-kakitangan Jabatan Telekom dan yang sebenarnya pagi tadi pun saya juga berdialog dengan mereka dan kita percaya mengikut pandangan-pandangan yang kita dapati harapan kita besar sebahagian besar kakitangan jabatan ini akan membuat keputusan yang kita nanti-nanti ialah bersetuju menerima option untuk bertugas dalam jabatan ini. Oleh itu, saya tidak mengambil peluang ini untuk menerangkan kepada Dewan apakah kedudukan mereka yang mungkin tidak menerima oleh kerana kita mendapati soalan ini kita akan tengok bila perkara ini timbul. Apa yang dapat sekarang kita tahu Kerajaan akan melaksanakan proses privatisation ini mengikut sisi Undang-undang. Kerajaan juga tidak akan mengelakkan dari segi kedudukan yang terkandung dari segi undang-undang dan tanggungjawab kita harus dijalankan. Tanggungjawab yang kekal kita jalankan mesti mengandungi tiga asas: asas yang pertama ianya bertujuan untuk menguntungkan rakyat dan negara; asas yang kedua; kepentingan tanggungjawab Kerajaan juga mesti dikekalkan dan asas yang ketiga dari segi kakitangan yang terlibat kedudukan mereka juga mesti dipertimbangkan dengan sewajarnya.

Jadi, dengan perkataan-perkataan seperti itu, Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah berucap dan memberi pandangan di waktu perbahasan ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibaca kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 9 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

USUL-USUL

AKTA KASTAM, 1967

4.40 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Dr. Tan Tiong Hong): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diletakkan padanya oleh subseksyen (2) seksyen 11, Akta Kastam 1967, Perintah-perintah berikut:-

- (i) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.12) 1985;
- (ii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.13) 1985;
- (iii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.14) 1985;
- (iv) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.15) 1985;
- (v) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.16) 1985;

- (vi) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.17) 1985;
- (vii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.18) 1985;
- (viii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.19) 1985;
- (ix) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.20) 1985;
- (x) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.21) 1985;
- (xi) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.22) 1985;
- (xii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.23) 1985;
- (xiii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.24) 1985;
- (xiv) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.25) 1985;
- (xv) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.26) 1985;
- (xvi) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.27) 1985;
- (xvii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.28) 1985;
- (xviii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.29) 1985;
- (xix) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.30) 1985;
- (xx) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.31) 1985;
- (xxi) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.32) 1985;
- (xxii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.33) 1985;
- (xxiii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.34) 1985;

yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas-kertas Statut Bil. 118 hingga 140 tahun 1985 disahkan.

Tuan Yang di-Pertua, Perintah Duti Kastam (Pindaan)(No.12) 1985 adalah bertujuan untuk mewujudkan nombor kepala tarif khusus bagi, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, 'activated clay and activated bleaching earth' dan mengenakan duti import sebanyak 35% atau \$310

setan metrik. Langkah ini bermaksud untuk memberikan perlindungan tarif kepada syarikat tempatan yang mula mengeluarkan bahan tersebut di negara ini.

Perintah Duti Kastam (Pindaan)(No.13) 1985 bertujuan untuk mengenakan kadar duti yang biasa ke atas 'tayar dan tiub' yang dibawa masuk bersama oleh penumpang. Sebelum pindaan tayar dan tiub yang dibawa masuk secara ini adalah dikenakan duti sebanyak 50%.

Perintah Duti Kastam (Pindaan)(No.14) 1985 pula bertujuan untuk menyelaraskan duti import ke atas 'power capacitor' kepada 30%. Langkah ini dibuat bagi melindungi pengeluaran-pengeluar tempatan yang mengeluarkan 'power capacitor'.

Perintah Duti Kastam (Pindaan)(No.15) 1985 bertujuan untuk mengubah dan menaikkan kadar duti import spesifik ke atas 'mild steel link chain' daripada \$350 setan kepada \$500 setan. Kadar ad valorem adalah dikekalkan. Langkah ini adalah sebagai tambahan kepada perlindungan tarif yang diberikan kepada pengeluar-pengeluar 'steel wire product' tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, Perintah Duti Kastam (Pindaan)(No.16) 1985 adalah untuk membetulkan kadar duti import bagi, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, 'non-rigid products of foam or sponge artificial plastic material in the form of blocks' di mana perkataan 'yang mana lebih tinggi' ditambah selepas 50% atau \$1.10.

Perintah Duti Kastam (Pindaan)(No.17) 1985 pula bertujuan untuk membetulkan nombor kepala tarif yang sebenarnya bagi 'isopropylamine salt of N-phosphonomethyl glycine' dengan mewujudkan nombor kepala tarif khusus untuk bahan tersebut sahaja. Pindaan ini tidak melibatkan sebarang perubahan duti atau cukai.

Tuan Yang di-Pertua, Perintah Duti Kastam (Pindaan)(No.18) 1985 bertujuan untuk meminda diskripsi ke atas nombor kepala tarif bagi 'valves' supaya 'valves' yang tidak dikeluarkan di negara ini tidak tertakluk kepada duti perlindungan.

Tuan Yang di-Pertua, Perintah Duti Kastam (Pindaan)(No.19) 1985 pula bertujuan untuk menghapuskan duti eksport 5% ke atas 'palm kernel expeller cake' supaya dapat diselarakan dengan 'palm kernel pellet' yang tidak dikenakan sebarang duti eksport ke atasnya.

Perintah Duti Kastam (Pindaan)(No.20) 1985 pula bertujuan untuk menaikkan duti import ke atas 'tapioca starch' dan 'tapioca flour' kepada 30% ad valorem atau \$130 setan metrik yang mana lebih tinggi. Langkah ini dibuat bagi melindungi penanam dan pengilang ubi kayu tempatan yang menghadapi persaingan dengan barangan yang sama yang di-import.

Perintah Duti Kastam (Pindaan)(No.21) 1985 bertujuan untuk memendekkan kadar-kadar duti import atas keluaran-keluaran petroleum daripada tujuh digit kepada tiga digit perpuluhan sahaja. Langkah ini bermaksud bagi memudahkan pentadbiran kastam di dalam memungut duti-duti tersebut di samping membolehkan kadar-kadar itu direkodkan di dalam komputer Jabatan Kastam yang hanya mempunyai keupayaan tiga digit perpuluhan sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, Perintah Duti Kastam (Pindaan)(No.22) 1985 pula bertujuan untuk menaikkan harga permulaan peneilaian duti eksport atas getah daripada 180 sen se kg. kepada 210 sen se kg.

Tuan Yang di-Pertua, Menteri Kewangan selepas mengadakan perundingan dengan Kementerian Perusahaan Utama dan Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah telah memutuskan untuk membuat perubahan-perubahan besar ke atas duti eksport getah ini. Objektif utama mengadakan perubahan tersebut ialah untuk mengurangkan kesan duti eksport ke atas penanam-penanam getah, terutamanya pekebun-pekebun kecil yang mana merupakan kumpulan kemiskinan yang terbesar di negara ini. Dengan pengurangan duti ini ianya akan menolong pekebun-pekebun kecil memperoleh pendapatan yang lebih tinggi daripada hasil pengeluaran getah mereka. Perubahan ini perlu diadakan juga untuk menambahkan lagi inisiatif kepada pembangunan pe-

rusahaan getah supaya negara kita dapat mengekalkan kedudukannya sebagai pengeluar dan pengeksport getah yang utama.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini harga permulaan yang digunakan bagi tujuan mengenakan duti eksport ialah \$1.80 se kg. yang mana merupakan anggaran kos pengeluaran getah pekebun-pekebun kecil. Duti eksport hanya dikenakan bila harga getah melebihi paras ini. Harga permulaan ini adalah berkuatkuasa sejak 21hb Oktober, 1983. Untuk mencerminkan kos pengeluaran semasa pekebun-pekebun kecil, harga permulaan ini adalah dinaikkan kepada \$2.10 se kg. Ini bermakna dengan harga getah yang kurang daripada \$2.10 se kg. di pasaran sekarang, tidak ada apa-apa duti akan dipungut dari pengeksportan getah.

Tuan Yang di-Pertua, perintah Duti Kastam (Pindaan)(No.23) 1985 adalah bertujuan untuk memperjelaskan bahagian-bahagian ayam dengan menambah perkataan-perkataan 'and cuts thereof' selepas sahaja perkataan 'fowls' dan 'other poultry'. Langkah ini bermaksud untuk memudahkan lagi pentadbiran kastam serta mengelakkan kekeliruan yang mungkin timbul.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.24) 1985 pula bertujuan untuk mewujudkan kod tarif yang sesuai bagi 'self adhesive plastic tapes' kerana kod tarif yang dipakai bagi barangan ini di bawah Perintah Duti Kastam 1978 adalah tidak sesuai.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.25) 1985 bertujuan untuk menaikkan kadar perlindungan taraf atas bateri dari 30% atau 88 sen se kg. kepada 35% atau \$3.00 se kg. Perlindungan tarif tambahan ini adalah untuk memberikan perlindungan kepada pengeluar-pengeluar bateri tempatan yang menghadapi persaingan dengan bateri-bateri yang diimport.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.26) 1985 bertujuan untuk memberikan perlindungan tarif tambahan ke atas elektrik motor yang melebihi 1.5 kW serta memperjelaskan semula di bawah nombor kepada tarif yang baru.

Tuan Yang di-Pertua, Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.27) 1985 dibuat dengan tujuan

untuk mengenakan duti import sebanyak 35% atau \$1.20 yang mana lebih tinggi ke atas 'rubber soling sheets'. Langkah ini bermaksud untuk mengatasi pelarian cukai yang wujud sebelum ini.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.28) 1985 adalah bertujuan untuk menaikkan duti import ke atas 'diuron' daripada \$2.20 seliter atau 15% ad valorem kepada \$3.50 seliter atau 15% ad valorem yang mana lebih tinggi dan mewujudkan nombor kepala tarif baru bagi 'diuron technical' serta mengenakan duti import sebanyak \$4.40 seliter atau 15% ad valorem yang mana lebih tinggi.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.29) 1985 pula bertujuan menurunkan kadar duti import 'concentrates' minuman keras ke peringkat 50% dari kadarnya yang terdahulu. Penurunan kadar duti ini dibuat serentak dengan tindakan yang telah diambil untuk membatalkan pengecualian separuh yang telah diberi kepada pembotol-pembotol atas pengimportan 'concentrates' tersebut oleh mereka. Dengan pindaan-pindaan ini pengimport-pengimport sebenarnya kena membayar duti import lebih kurang 5 kali ganda lebih tinggi dari kadar duti yang mereka bayar dahulu.

Tuan Yang di-Pertua, Perintah seterusnya ialah Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.30) 1985 yang bertujuan untuk menaikkan kadar duti import dari 20% kepada 35% atas 'mechanically propelled vibratory compaction rollers'. Langkah ini adalah bagi memberi perlindungan tambahan kepada pengeluaran tempatan.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.31) 1985 adalah bertujuan untuk mewujudkan kod tarif yang berasingan bagi bateri kapal terbang dengan lain-lain bateri. Langkah ini bermaksud untuk menghapuskan duti import 20% yang dikenakan ke atas bateri kapal terbang kerana ianya tidak dikeluarkan di dalam negara.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.32) 1985 bertujuan untuk menyelaraskan kadar duti import bagi 'DP kerosene/ariation turbine fuel' dan 'domestic kerosene' dengan mengenakan duti import yang sama iaitu \$0.015 seliter dan menghapuskan cukai tokok 5% ad

valorem ke atas 'DP kerosene'. Langkah ini diambil bagi mengelakkan pelarian cukai.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.33) 1985 bertujuan untuk memperkemaskinikan no. kepala tarif dan diskripsi bagi 'plastic insulated' serta 'paper insulated' dan mengenakan kadar duti yang selaras. Langkah ini bermaksud untuk memudahkan pentadbiran Kastam.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.34) 1985 pula bertujuan untuk mewujudkan kod tarif berasingan bagi 'automated teller machines' (ATM) dan menurunkan kadar duti import ke atasnya dari 30% kepada 5% sahaja. Langkah ini bersesuaian dengan kadar duti lama yang dikenakan ke atas ATM sebagaimana sebelum pihak Kastam memperjeniskan semula kod tarif atas alat tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menandatangani.

Timbalan Menteri Buruh (Datuk Wiliam Lye Chee Hien): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah sekarang terbuka untuk dibahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa usul ini dipersetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Di putuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh subseksyen (2) seksyen 11, Akta Kastam 1967, Perintah-perintah berikut:-

- (i) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.12) 1985;
- (ii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.13) 1985;
- (iii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.14) 1985;

- (iv) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.15) 1985;
- (v) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.16) 1985;
- (vi) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.17) 1985;
- (vii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.18) 1985;
- (viii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.19) 1985;
- (ix) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.20) 1985;
- (x) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.21) 1985;
- (xi) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.22) 1985;
- (xii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.23) 1985;
- (xiii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.24) 1985;
- (xiv) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.25) 1985;
- (xv) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.26) 1985;
- (xvi) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.27) 1985;
- (xvii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.28) 1985;
- (xviii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.29) 1985;
- (xix) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.30) 1985;
- (xx) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.31) 1985;
- (xxi) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.32) 1985;
- (xxii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.33) 1985;
- (xxiii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.34) 1985;

yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai kertas-kertas statut bilangan 118 hingga 140 tahun 1985 disahkan.

AKTA EKSAIS, 1976

5.04 ptg

Dato Dr. Tan Tiong Hong: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diletakkan padanya oleh subseksyen (2) seksyen 6, Akta Eksais 1976, Perintah-perintah berikut:-

- (i) Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No.2) 1984;
- (ii) Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No.2) 1985;
- (iii) Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No.3) 1985;
- (iv) Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No.4) 1985;
- (v) Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No.5) 1985;

yang telah dibentangkan dihadapan Majlis ini sebagai Kertas Statut bilangan 141, 142, 143, 144, dan 145 tahun 1985 disahkan.

Tuan Yang di-Pertua, Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No.2) 1984 adalah bertujuan untuk menaikkan duti eksais ke atas barang-barang petroleum kepada \$0.3850 seliter bagi premium petrol; \$0.3850 seliter bagi regular petrol; \$0.0073 seliter bagi diesel; \$0.0150 seliter bagi minyak tanah dan \$0.0446 seliter bagi LPG. Langkah ini diambil berikutan kajian ke atas harga barang-barang petroleum yang dibuat berdasarkan 'mekanisme' harga bagi barang-barang petroleum.

Tuan Yang di-Pertua, Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No.2) 1985 pula bertujuan untuk memansuhkan duti eksais ke atas penghawa dingin kereta motor. Langkah ini bermaksud untuk memberikan layanan yang sama kepada semua penghawa dingin kereta motor.

Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No.3) 1985 bertujuan untuk meminda kadar duti eksais ke atas bir dan stout dari 85% ad valorem kepada kadar spesifik \$2.00 seliter. Langkah ini adalah untuk menyenangkan pentadbiran Kastam.

Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No.4) 1985 pula bertujuan untuk memendekkan kadar-kadar duti eksais atas keluaran petroleum dari

7 digit kepada 3 digit perpuluhan sahaja. Langkah ini adalah untuk memudahkan pentadbiran Kastam di dalam memungut duti-duti tersebut di samping untuk membolehkan kadar-kadar itu direkodkan ke dalam komputer Jabatan Kastam yang mempunyai keupayaan 3 digit perpuluhan sahaja.

Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No.5) 1985 adalah bertujuan untuk menyelaraskan duti eksais supaya bersamaan dengan duti import ke atas 'DP kerosene/ariation turbine fuel' daripada \$0.011 menjadi \$0.015 seliter.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Tuan Abdillah bin Haji Abdul Hamid): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah sekarang terbuka untuk dibahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa usul ini dipersetujukan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa yang diberi kepadanya oleh subseksyen (2) seksyen 6 Akta Eksais 1976 Perintah berikut:-

- (i) Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No.2) 1984;
- (ii) Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No.2) 1985;
- (iii) Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No.3) 1985;
- (iv) Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No.4) 1985;
- (v) Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No.5) 1985;

yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai kertas statut 141,142,143,144 dan 145 tahun 1985 disahkan.

AKTA CUKAI JUALAN 1972

Perintah Cukai Jualan (Kadar Cukai) (Pindaan) (No.2)

5.10 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato Dr Tan Tiong Hong): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh subseksyen (2) seksyen 15 Akta Cukai Jualan 1972, Perintah berikut:

(i) Perintah Cukai Jualan (Kadar Cukai) (Pindaan) (No.2) 1985 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai kertas Statut bilangan 146 tahun 1985 disahkan:

Tuan Yang di-Pertua, Perintah Cukai Jualan (Kadar Cukai) (Pindaan) (No.2) 1985 adalah bertujuan untuk mengenakan kadar duti yang biasa ke atas tayar dan tiub yang dibawa masuk bersama oleh penumpang. Sebelum pindaan ini, tayar dan tiup yang dibawa masuk secara ini adalah dikenakan duti sebanyak 50%.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Tuan Abdillah bin Haji Abdul Hamid): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah sekarang ini terbuka untuk dibahas.

Yang Berhormat Menteri, (i) itu di dalam usul ini patut ada di situ atau tidak? Atau pun patut dibuangkan (i)? Yang demikian minta dipindahkan, potong atau buang (i) itu.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemuka masalah bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Usul di atas nama Menteri Kewangan, dipersetujukan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh subseksyen (2) seksyen 15 Akta Cukai Jualan 1972, Perintah berikut:

Perintah Cukai Jualan (Kadar Cukai) (Pindaan) (No.2) 1985 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai kertas Statut bilangan 146 tahun 1985 disahkan.

RANG UNDANG-UNDANG KANUN TANAH NEGARA (PINDAAN)(NO.2)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.13 ptg.

Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Datuk Seri Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Kanun Tanah Negara dibaca bagi kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Kanun Tanah Negara telahpun dipinda oleh Akta Kanun Tanah Negara (Pindaan) 1984 atau Akta A587/1984 yang dikuatkuasakan pada 25.3.1985 dan Akta Kanun Tanah Negara (Pindaan) 1985 atau Akta A615/1985 yang dikuatkuasakan pada 1.6.1985. Di antara pindaan-pindaan yang terkandung dalam Akta A587/84 terdapat peruntukan-peruntukan baru iaitu seksyen 433A hingga 433E. Seksyen ini adalah mengenai sekatan urusanniaga tanah terhadap warganegara asing dan syarikat asing.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang izinkanlah saya memberi huraian ringkas mengenai peruntukan-peruntukan dalam Bahagian 33A tersebut.

Pertama, seksyen 433A mentakrifkan istilah-istilah syarikat asing dan bukan warganegara atau dengan izin, foreign company dan non-citizen.

Kedua, seksyen 433B membenarkan pemilikan tanah kecuali tanah jenis pertanian oleh warganegara asing dan syarikat asing melalui

sebarang urusanniaga dengan syarat bahawa pemilikan tanah jenis bangunan oleh orang-orang dan badan-badan tersebut perlu mendapatkan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri terlebih dahulu.

Ketiga, seksyen 433C memperuntukkan bahawa sebarang pemilikan tanah yang melanggar bahagian baru ini adalah tidak sah iaitu null and avoid, dengan izin.

Keempat, seksyen 433D menyatakan bahawa sekatan-sekatan tersebut tidak terpakai bagi tanah yang tersedia dimiliki oleh warganegara asing dan syarikat asing sebelum kuatkuasanya peruntukan baru ini.

Kelima, seksyen 433E memperuntukkan bahawa bahagian ini tidak terpakai bagi orang-orang atau badan-badan yang diberi kuasa untuk memegang tanah di bawah peruntukan-peruntukan Diplomatic and Counsellor Privileges Ordinance, 1957 atau yang diberi kuasa memegang tanah di bawah mana-mana undang-undang bertulis.

Secara ringkasnya, Tuan Yang di-Pertua, tanah jenis industri tidak tertakluk kepada apa-apa sekatanpun. Ini adalah bertujuan untuk menjamin bahawa pelaburan asing tidak terjejas. Bagi tanah jenis pertanian pula warganegara asing dan syarikat asing tidak dibenarkan langsung memiliki tanah tersebut atau memperoleh kepentingan ke atas tanah itu seperti gadaian, pajakan dan lain-lain lagi, manakala tanah jenis bangunan boleh dimiliki oleh warganegara asing dan syarikat asing, tetapi tertakluk kepada syarat bahawa kelulusan diperolehi daripada Pihak Berkuasa Negeri terlebih dahulu.

Tuan Yang di-Pertua, berikutan dengan rаяuan dari bank-bank asing terhadap sekatan-sekatan tertentu ini, Kementerian saya telah bersetuju untuk mencari penyelesaian secara pentadbiran di mana kelulusan secara dasar diberi oleh semua Pihak Berkuasa Negeri untuk pemegang gadaian tanah selain daripada tanah jenis pertanian oleh bank-bank asing.

Peringkat memberi kelulusan adalah terpujang kepada Kerajaan Negeri masing-masing sama ada kelulusan diberi oleh Yang Amat

Berhormat Menteri Besar atau Ketua Menteri ataupun oleh Pengarah Tanah dan Galian atau Pentadbir-pentadbir Tanah, akan tetapi walaupun peraturan secara pentadbiran telah diadakan, masih terdapat unsur-unsur keraguan di kalangan bank-bank asing iaitu sama ada kelulusan secara dasar yang diberi oleh Kerajaan-kerajaan Negeri akan terus dikekalkan atau tidak, bank-bank asing juga kurang yakin dengan peraturan yang dibuat melalui tindakan secara pentadbir kerana tiada jaminan bahawa kelambatan tidak akan berlaku dalam memberi kelulusan yang dikehendaki. Di samping itu bank-bank asing merayu agar diadakan kelonggaran bagi membolehkan mereka memegang gadaian terhadap semua jenis tanah tanpa apa-apa kelulusan Pihak Berkuasa Negeri. Dalam hubungan ini bank-bank asing menegaskan bahawa mereka memang tidak berminat untuk memiliki tanah, mereka hanyalah berminat memegang gadaian tanah sebagai sandaran untuk pinjaman yang diberikan.

Menyentuh sekatan terhadap tanah jenis pertanian, masalah dihadapi kerana bank-bank asing sebagai syarikat-syarikat asing tidak dibenarkan langsung untuk memegang gadaian tanah jenis pertanian. Ini bermakna bahawa mereka tidak dapat menyertai urusan pembiayaan pembangunan sektor pertanian dalam negara ini. Di samping itu mereka akan menghadapi kesulitan untuk memenuhi kehendak Bank Negara yang dinyatakan dalam garis panduan kepada bank-bank supaya menyalurkan 6% daripada pinjaman mereka untuk pengeluaran bahan makanan pertanian. Ini adalah kerana mereka tidak boleh memegang gadaian tanah jenis pertanian dan terpaksa meminta jaminan atau collateral dengan izin, dalam bentuk lain.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya bank-bank asing merayu supaya kelonggaran yang diberi hendaklah membolehkan mereka memegang gadaian semua jenis tanah tanpa apa-apa kelulusan Pihak Berkuasa Negeri. Untuk tujuan ini Kementerian saya telah membuat kajian lanjut mengenai sumbangan bank-bank asing sebagai sumber kewangan dalam negara ini.

Mengikut maklumat yang dibekalkan oleh Bank Negara setakat 31.12.1984, kesemua 16 buah bank asing telah memberi pinjaman se-

banyak \$13,963 juta atau 32% daripada jumlah pinjaman oleh kesemua bank.

Sebahagian besarnya iaitu 67% daripada jumlah pinjaman oleh bank-bank asing adalah bersandarkan gadaian tanah.

Mengikut angka-angka pecahan yang dibekalkan oleh Bank Negara, 11% pinjaman oleh bank asing adalah bersandarkan gadaian tanah jenis pertanian, 67 bersandarkan gadaian tanah jenis bangunan dan 22% bersandarkan gadaian tanah jenis industri. Memandangkan bahawa sebanyak 67% daripada jumlah pinjaman oleh bank-bank asing adalah berdasarkan kepada gadaian tanah jenis bangunan, maka wajarlah diadakan kelonggaran sepertimana yang dipohon oleh bank-bank asing.

Menyentuh pinjaman yang berdasarkan gadaian tanah jenis pertanian pula, sebanyak 11% daripada pinjaman oleh bank-bank asing adalah dijamin dalam bentuk gadaian tanah jenis itu. Dengan berkuatkuasanya sekatan yang melarang warganegara asing dan syarikat asing dari menyempurnakan sebarang urusan terhadap tanah jenis pertanian, maka bermaknalah sektor pertanian kehilangan satu sumber kewangan kerana tuannya tanah jenis pertanian tidak boleh mencagarkan tanah mereka kepada bank asing untuk kemudahan kredit. Pada akhir tahun 1984 amaun pinjaman oleh bank-bank asing kepada sektor pertanian adalah \$984 juta atau 37% daripada jumlah pinjaman oleh kesemua bank kepada sektor tersebut. Amaun 1984 juta ini adalah 7% daripada jumlah pinjaman oleh bank-bank asing kepada semua sektor.

Berdasarkan kepada penjelasan yang diberikan di atas adalah difikirkan wajar diadakan kelonggaran kepada sektor-sektor yang terkandung dalam bahagian 33(a) bagi membolehkan pemegang gadaian atau lien oleh warganegara asing dan syarikat asing tanpa apa-apa kelulusan oleh Pihak Berkuasa Negeri. Walaupun rayuan untuk kelonggaran ini telah dikemukakan oleh bank-bank asing sahaja, tetapi memandangkan kelonggaran yang dimaksudkan itu hanyalah untuk membolehkan mereka memegang gadaian dan lien sahaja, maka Kementerian saya telah bersetuju untuk memberi kelonggaran kepada semua wargane-

gara dan syarikat asing untuk memegang cagaran dan lien bagi semua jenis tanah tanpa apa-apa sekatan atau keperluan untuk mendapat kelulusan daripada mana-mana pihak berkuasa.

Tuan Yang di-Pertua, kini izinkan saya pula menghuraikan secara ringkas peruntukan-peruntukan yang terkandung dalam Rang Undang-undang (Pindaan) yang dikemukakan ini. Rang Undang-undang Kanun Tanah Negara (Pindaan) (No.2) 1985 ini mengandungi 4 Fasal sahaja. Fasal 2 bertujuan memperuntukkan bahawa Akta Kanun Tanah Negara (Pindaan) 1984 atau A 587/84 hendaklah disifatkan sebagai telah mula berkuatkuasa di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur pada 25hb Mac, 1985. Peruntukan sedemikian telah tertinggal semasa Rang Undang-undang Kanun Tanah Negara (Pindaan) 1984 digubal. Akta A 587/84 telah pun dikuatkuasakan di semua negeri mulai 25hb Mac, 1985 menurut Pemberitahu Undang-undang PUP 145/85. Bagi mengelakkan sebarang keraguan mengenai pemakaian Akta tersebut kepada Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, maka adalah perlu dimasukkan dalam Rang Undang-undang ini peruntukan mengenai pemakaian Akta tersebut kepada Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur mulai dari 25hb Mac, 1985.

Fasal 3 bertujuan meminda seksyen 433B Kanun Tanah Negara dengan memperuntukkan subseksyen baru (3), (4) dan (5) bagi membolehkan pemegangan gadaian atau lien terhadap semua jenis tanah oleh warganegara asing dan syarikat asing tanpa apa-apa kelulusan oleh Pihak Berkuasa Negeri. Walaupun adanya kelonggaran ini, Tuan Yang di-Pertua, kepentingan rakyat negara ini masih terpelihara kerana sekatan terhadap pemilikan tanah oleh warganegara dan syarikat asing masih dikekalkan. Warganegara asing dan syarikat asing hanya dibenarkan memegang gadaian tanah dan lien sebagai sandaran bagi pinjaman-pinjaman yang diberikan. Sekiranya penjualan tanah diadakan akibat kemungkiran membayar balik wang pinjaman, warganegara asing dan syarikat asing tidak dibenarkan membuat apa-apa tawaran jikalau tanah yang berkenaan adalah tanah jenis pertanian. Bagi tanah-tanah lain yang bukan tanah jenis industri, warganegara asing dan syarikat asing

hanya boleh membuat tawaran dalam sebarang penjualan tanah sekiranya kelulusan Pihak Berkuasa Negeri diperolehi terlebih dahulu. Peruntukan sedemikian bertujuan untuk memelihara kepentingan rakyat negara ini dari segi pemilikan tanah.

Fasal 4 pula, Tuan Yang di-Pertua, bertujuan memperuntukkan mengenai pemakaian seksyen 433B subseksyen (3), (4) dan (5) kepada semua gadaian yang disempurnakan dan semua lien yang wujud sama ada sebelum atau selepas tarikh kuatkuasa pindaan-pindaan baru ini bagi menentukan kesan pindaan yang sewajarnya.

Berasaskan pertimbangan-pertimbangan yang saya sebutkan tadi, Tuan Yang di-Pertua, maka adalah difikir wajar pindaan-pindaan ini dibuat terhadap Kanun Tanah Negara. Tujuan asal peruntukan sekatan ini diadakan ialah untuk melindungi kepentingan rakyat negara ini dari segi pemilikan hartanah supaya tidak dengan sewenang-wenangnya jatuh ke tangan warganegara asing. Kelonggaran-kelonggaran yang dicadangkan ini hanyalah bagi menentukan supaya sektor pertanian negara tidak terjejas dari segi pelaburan asing. Dari segi pemilikan, sekatan-sekatan yang asal akan tetap berkuatkuasa.

Atas pertimbangan-pertimbangan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon dengan hormatnya mencadangkan.

Datuk Dr. James P. Ongkili: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta untuk meminda Kanun Tanah Negara dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

5.27. ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar): Tuan Yang di-Pertua, saya hendak mengambil bahagian dalam perbahasan atas Rang Undang-undang Kanun Tanah Negara (Pindaan) (No.2) 1985 yang tadi telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan dan di samping ini, saya suka menghuraikan satu

dua perkara yang saya anggap adalah penting untuk pertimbangan Yang Berhormat Menteri yang berkenaan.

Setelah meneliti Rang Undang-undang Kanun Tanah Negara (Pindaan) (No.2) 1985, saya mendapati walaupun pindaan-pindaan yang dikehendaki ini sesuai dan dialu-alukan, terutamanya berhubung dengan pindaan kepada seksyen 433B KTN, akan tetapi cadangan Rang Undang-undang (Pindaan) ini pada anggapan saya tidak lengkap jika tidak dipinda sekali Jadual ke 10, dengan izin, 10th Schedule KTN (Pindaan) 1984 yang ada berkaitan dengan saiz ataupun ukuran borang pendaftaran bagi maksud membeli dan menukar hakmilik tanah. Kanun Tanah Negara (Pindaan) 1984 berkaitan dengan Jadual 10 yang berkuatkuasa mulai 25hb Mac, 1985 telah menyebabkan ahli-ahli perundangan dan juga bank-bank asing terperangkap dalam masalah-masalah pentadbiran (administrative) yang berkaitan dengan pertukaran borang pendaftaran.

Apabila dilihat cadangan Rang Undang-undang yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri nampaknya tidak ada pertukaran ataupun pindaan dalam Jadual 10 KTN (Pindaan) 1984. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri yang berkenaan apakah yang beliau cadangkan untuk berbuat bagi mengatasi ataupun menyelesaikan masalah yang dialami oleh para ahli-ahli perundangan ataupun peguam-peguam yang bertindak bagi pihak pelanggan-pelanggan mereka yang tidak berupaya mendaftarkan dokumen pertukaran ataupun 'instruments' kerana kewujudan Jadual 10 yang ada berkaitan dengan ukuran borang pendaftaran.

Tuan Yang di-Pertua, saya diberi tahu bahawa masih terdapat Pejabat Tanah dan Pendaftaran Geran di seluruh negara yang menolak dokumen pertukaran yang dikemukakan kerana kertas yang digunakan sudah bertukar warna atau bukan menurut ukuran atau saiz yang sebenar. Saya sendiri telah diberitahu bahawa terdapat satu kes di Pejabat Pendaftaran Shah Alam yang menolak sesuatu instrument kerana ianya kurang 2 milimeter. Ianya didaftar hanya selepas dibuat banyak rayuan.

Saya hendak menggesa Yang Berhormat Menteri yang berkenaan supaya berbuat sesuatu untuk menyelesaikan jenis masalah ini terutamanya instruments ataupun dokumen pertukaran yang telah dibuat menerusi borang lama sebelum 25hb Mac, 1985 tetapi tidak didaftarkan.

Tuan yang di-Pertua, yang sebenarnya Kementerian yang berkenaan hendaklah mengambil kesempatan ini iaitu menerusi pengemukakan Rang Undang-undang ini supaya meminda semula Jadual X dan mendapatkan kelulusan Parlimen untuk mengadakan satu fasal yang memberi jalan selamat ataupun mpeperuntukkan satu saving clause, dengan izin, bagi melindungi dokumen pertukaran ataupun instruments yang ditandatangani oleh satu pihak ataupun pihak-pihak sebelum 25hb Mac, 1985 tatkala Akta ini mula dikuatkuasakan.

Tuan Yang di-Pertua, jika pindaan ini tidak dilakukan maka banyak masalah akan timbul dan banyak instruments tidak boleh dipakai untuk pendaftaran. Pihak-pihak yang telah berjaya mendapatkan kepentingan sesuatu tanah menerusi sesuatu transaksi seperti ini tidak dapat mendaftarkan kepentingan mereka ataupun interest mereka. Memandangkan di atas, saya ingin tahu kenapa Yang Berhormat Menteri tidak mengambil kesempatan ini untuk meminda semula Jadual X ini. Saya harap Yang Berhormat Menteri masih boleh membuat pindaan menerusi cara penyiaran ataupun pemberitahu Warta Kerajaan ataupun gazette Notification di atas rekomendasi Majlis Tanah Negara.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lain yang saya ingin mengambil peluang ini untuk membangkitkannya ialah mengenai tempoh antara mengemukakan instruments dan kemasukan nama dalam buku daftar hak milik yang telah menimbulkan kebimbangan kepada ahli-ahli perundangan. Saya harap Yang Berhormat Menteri berkenaan akan mencari jalan untuk mengatasi tempoh dan membetulkannya supaya instruments yang dikemukakan untuk didaftarkan dapat dibuat dengan segera.

Akhirnya saya suka mengalu-alukan pindaan kepada seksyen 433B yang bertujuan untuk menyelesaikan masalah yang timbul dari Akta

Pindaan Tahun 1984 yang dihadapi oleh bank-bank asing dan institusi-institusi kewangan asing berhubung menerima gadaian (lien) yang dijadikan sebagai sekuriti atau sandaran untuk pinjaman-pinjaman yang diberikan kepada peminjam-peminjam.

Di bawah Akta Pindaan 1984, sesebuah bank dikehendaki mendapat kelulusan Pihak Berkuasa Negeri untuk setiap transaksi dan ini telah menimbulkan masalah seperti masalah kelewatan dan lain-lain masalah yang berkaitan. Walau bagaimanapun cadangan pindaan ini hendaklah menjadi satu pelepasan (relief) kepada pihak-pihak yang terlibat dan saya rasa bahawa kelonggaran bagi membolehkan mereka memegang gadaian terhadap semua jenis tanah tanpa apa-apa kelulusan Pihak Berkuasa Negeri adalah dialu-alukan. Permintaan daripada bank-bank asing mengenai kelonggaran haruslah diterima memandangkan peranan penting yang dimainkan oleh mereka sebagai sumber kewangan dalam negara ini seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri tadi apabila beliau mengemukakan Rang Undang-undang ini. Maklumat yang dibekalkan oleh Bank Negara menyatakan bahawa kesemua 16 bank asing telah memberi pinjaman sebanyak \$13,963 juta dan sebahagian besar pinjaman ini iaitu 67% daripada jumlah pinjaman oleh bank asing ini adalah bersandarkan gadaian tanah.

Maka dengan ini saya hendak mengakhiri ucapan saya dan saya berharap bahawa tentang satu dua masalah yang saya telah huraikan tadi boleh mendapat perhatian Yang Berhormat Menteri dan Kementerian yang berkenaan dan saya juga berharap bahawa Yang Berhormat Menteri nanti boleh memberi jawapan terhadap dua masalah yang diuraikan oleh saya tadi. Sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Ulu Muda.

5.37 *ptg.*

Tuan Othman bin Abdul (Ulu Muda): Tuan Yang di-Pertua, saya juga akan hanya mengambil sedikit masa untuk menyatakan pandangan-pandangan serta sokongan saya terhadap pindaan Akta Kanun Tanah Negara yang

telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah tadi. Saya amat bersetuju dengan pandangan bahawa tentang jaminan-jaminan Kerajaan yang telah diberikan untuk beberapa pindaan yang telah dibuat yang tidak disenangi oleh bank-bank asing di negara ini.

Sebenarnya dalam jaminan-jaminan ini sungguhpun dikeluarkan tetapi pada pandangan saya besar kemungkinannya ianya akan bergantung kepada suatu Akta yang diluluskan. Dengan sebab itulah pengalaman-pengalaman yang lalu bahawa jaminan-jaminan Kerajaan itu tidak boleh menjadi suatu kenyataan kerana Akta yang diluluskan ini akan menjadikan ianya ditafsirkan oleh pihak tertentu khususnya pihak mahkamah sedangkan urusan-urusan jaminan Kerajaan itu akan ditafsirkan oleh Ketua Jabatan untuk urusan pentadbiran. Ini suatu langkah yang saya rasa bukanlah untuk suatu Rang Undang-undang ini sahaja tetapi untuk semua sekali kerana kita tidak mahu apabila suatu undang-undang itu dikemukakan di mahkamah, dicabar dan Kerajaan akan kalah sebab ini telahpun ada pengalaman-pengalaman daripada jaminan Kerajaan apabila Kerajaan telah dihadapkan ke mahkamah dan Kerajaan kalah disebabkan oleh kelemahan-kelemahan yang berlaku disebabkan hanya bergantung kepada jaminan-jaminan ataupun arahan-arahan tertentu yang disebutkan itu. Dengan itu, ini adalah satu langkah yang amat baik pada pandangan saya kita mengemukakan pindaan semula suatu Rang Undang-undang itu bagi membolehkannya ia ditafsirkan oleh semua pihak dan Kerajaan tidak akan rugi kalau kita dihadapkan ke mahkamah, kita sudah mempunyai backing yang kuat oleh suatu Akta yang kita luluskan.

Memandangkan kepada pindaan yang telah dibuat bahawa perkara 433B ini pada pandangan saya keseluruhan tajuk besar 433B itupun perlu dipinda bagi menunjukkan bahawa telah dibolehkan sesuatu tanah di bawah maksud ataupun bersyaratkan industri itu boleh dimiliki oleh warganegara asing tanpa mendapat kelulusan oleh pihak berkuasa Negeri kerana tajuk besar ini masih lagi menetapkan, dengan izin, only with the approval of the State Authority.

Sekarang ini 433B kita telah menambahkan subseksyen (3), (4) dan (5) yang membolehkan tanah di bawah kategori industri itu dimiliki oleh non-citizens ataupun bukan warganegara dan juga companies, syarikat-syarikat asing tanpa mendapat kebenaran daripada Pihak Berkuasa Negeri dan pada pandangan saya pula yang kedua menunjukkan bahawa kalau seboleh-bolehnya sepatutnya ialah keseluruhan subseksyen (1) dan (2) dalam peruntukan 433B inipun mungkin tidak terpakai dengan adanya subseksyen baru (3), (4) dan (5) kerana telahpun merangkumi keseluruhan perkara-perkara yang telahpun dibangkitkan ataupun disentuh di dalam pindaan baru dan tambahan subseksyen (3), (4) dan (5) ini. Ini pandangan saya dalam soal keseluruhan pindaan kepada Seksyen 433B, pada keseluruhannya saya memang mengambil kesempatan ini untuk menyatakan sokongan penuh saya terhadap pindaan-pindaan yang boleh memberi keuntungan kepada Kerajaan.

Saya hendak sentuh sedikit pindaan-pindaan yang telah dibuat lalu hanya sedikit iaitu mengenai penguasaan atau pentadbir-pentadbir tanah daerah yang sehingga kini masih lagi belum mempunyai pengetahuan yang luas yang belum lagi mendapat kursus-kursus yang tertentu mengenai pindaan-pindaan yang telah kita buat dalam Parlimen ini mengenai Akta yang telahpun kita kuatkuasakan. Ini saya sendiri telah berjumpa dengan pentadbir tanah daerah di kawasan saya dan bertanyakan sesuatu mengenai pindaan yang telah dibuat dan telah dikuatkuasakan, dia masih lagi kabur dan menjelaskan perkara-perkara tertentu, ini pentadbir tanah daerah.

Oleh itu andaian saya bahawa keseluruhan rakyat mungkin tidak akan faham akan keseluruhan pindaan-pindaan yang dibuat ini jika sekiranya kita tidak mempunyai sebaran yang luas pada hal pindaan kepada Akta Kanun Tanah ini adalah melibatkan keseluruhan rakyat yang berhubung, yang hidup terus menerus dengan tanah itu. Jadi dengan itu saya hendak memohon kepada Kerajaan supaya kursus-kursus khas diberi kepada pentadbir-pentadbir tanah daerah ini bagi membolehkan mereka menjalankan tugas dengan baik apabila pindaan kita yang telah dibuat untuk kepentingan seluruh rakyat. Jadi kalau kita membuat pinda-

an itu dibuat maka sudah pastilah ianya tidak mendatangkan faedah yang baik bagi seluruh masyarakat.

Pindaan kepada 433B yang baru subseksyen (3) baru iaitu membolehkan syarikat-syarikat asing ataupun bukan warganegara dengan mendapat kelulusan terlebih dahulu daripada Pihak Berkuasa Negeri bagi menjalankan, bagi membuat gadaian atau lien atas tanah mereka mengikut Perkara 16 telahpun diperuntukkan dalam Kanun Tanah Negara yang merangkumi Seksyen-seksyen 241 dan 248 iaitu bagi allinanted land atau undivided share, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Saya amat bersetuju dengan perkara ini mungkin ianya akan membuka satu jalan baru dalam perkembangan ekonomi negara seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi. Ini saya rasa suatu perkembangan yang boleh dipuji kepada pihak Kerajaan supaya ianya akan menambahkan keinginan pelabur-pelabur asing seperti mana kata Yang Berhormat Menteri tadi kerana sekarang ini dalam zaman keadaan negara kita yang meleset ekonominya maka sudah pastilah kita mesti mempunyai satu jalan untuk menambahkan modal dalam negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua: Adakah Yang Berhormat berfikir perkara ini tidak tersentuh kepada hak-hak rizab Melayu?

Tuan Othman bin Abdul: Itu akan saya masyukkan kemudian.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua, dalam subseksyen(4) Seksyen yang baru juga yang meliputi menurut yang bukan warganegara ataupun syarikat asing tidak berhak membuat tawaran jualan menurut Perintah di bawah Seksyen 256 iaitu walaupun ianya mendapat perintah mahkamah untuk penjualan, jadi ini perintah penjualan mengikut Seksyen 263 ataupun creation and effect of lien bagi Seksyen 281 ianya boleh melibatkan akan membawa kepada kemudahan-kemudahan yang tertentu dan saya menyebutkan ini sekali laginya sepertimana kata Tuan Yang di-Pertua, bahawa mungkin tanah-tanah rizab Melayu ini akan termasuk kepada pindaan yang ke 5. Apabila kawasan industri tidak sepatutnya

tidak perlu mendapat kelulusan Pihak Berkuasa Negeri tetapi halangan kita yang pertama itu adalah kawasan-kawasan rizab Melayu ataupun tanah simpanan Melayu.

Jika ini saya rasa tidak kita perhatikan dengan baik, maka ianya akan juga menjadi penghalang, saya telahpun menjelaskan, saya telah mengemukakan hujah-hujah saya semasa memberi pandangan saya dalam perbahasan meminda Rang Undang-undang Tanah Terengganu yang lalu di mana terlalu ketat sehinggalah sebuah syarikat hanya syarikat 100% bumiputera di mana di dalam Article of Memorandum, dengan izin, tidak boleh menukarkan sahamnya kepada bukan bumiputera barulah boleh memiliki ataupun memegang gadaian tanah itu. Jadi soal ini boleh jadi Pihak Berkuasa Negeri mempunyai hak untuk mencabut keluar tanah-tanah yang ditakrif atau ditafsir sebagai tanah rizab Melayu, ini kuasa ataupun hak Pihak Berkuasa Negeri.

Dalam soal ini, saya hanya untuk akan memberi pandangan saya sedikit tentang tanah yang bersyarat industri di mana kita telah memberi peruntukan bahawa tidak lagi perlu mendapat kelulusan daripada Pihak Berkuasa Negeri bagi warganegara asing ataupun syarikat asing untuk memiliki tanah, membeli tanah ataupun mengambil gadaian, jual daripada gadaian Court Order, dengan izin, misalnya bagi mendapatkan tanah hasil daripada itu.

Pandangan saya dalam soal ini ialah Kerajaan harus berhati-hati, harus cermat di dalam soal untuk menetapkan perkara ini kerana bagi tiap-tiap Kerajaan Negeri mengikut pengalaman yang lalu sesuatu kawasan tanah yang hendak dijadikan kawasan industri itu telahpun diambil balik, acquired, dengan izin, daripada petani-petani dan orang-orang kampung untuk dijadikan kawasan perindustrian dengan diubah syarat dan dijadikan kawasan perindustrian, dijadikan hak milik Kerajaan Negeri kemudian dipindahkan kepada syarikat-syarikat mungkin akan termasuk kepada syarikat-syarikat asing.

Jadi soal ini patutlah dipertimbangkan semula, kawasan-kawasan yang dicadangkan untuk diambil semula sebagai kawasan industri kalau boleh kita di bawah Akta Pengambilan

Tanah, kalau mengikut pandangan saya, kita hanya mengambil tanah untuk kepentingan awam bagi pembinaan sekolah, masjid atau sebagainya dengan kepentingan Kerajaan di dalamnya.

Jadi pandangan saya, saya mempunyai menimbulkan keraguan iaitu tentang terlalu luasnya kuasa di bawah Seksyen ini hingga bolehkan tidak ada sekatan daripada Pihak Berkuasa Negeri sekurang-kurangnya ataupun kita langsung tidak boleh untuk menyekat pembelian warganegara asing ataupun syarikat-syarikat asing di bawah pindaan Seksyen 5 yang baru ini tanpa mendapat kelulusan daripada Pihak Berkuasa Negeri. Saya rasa ini terlalu luas pecahannya, terlalu luas pindaannya dan kalau yang dahulu pun dengan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri, pada pandangan saya masih lagilah boleh Kerajaan membukakan ataupun memberi kelulusan dengan kadar yang segera kepada pindaan-pindaan melalui pindaan-pindaan yang telah dibuat.

Di samping itu, Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh tentang beberapa urusan-urusan pentadbiran yang telah dibuat bersangkut dengan pindaan yang dibuat pada hari ini yang menyentuh beberapa bab. Soalnya dalam pindaan yang lalu kita telahpun membolehkan tanah-tanah 'undivided share' untuk kita gadai mengikut pindaan-pindaan yang telah dibuat yang telah lalu dalam seksyen 343 (6) misalnya dan 343 (3) bagi membolehkan kita mendapat salinan surat hakmilik bagi individu yang mahukan dengan permohonan dibuat kepada Pentadbir Tanah Daerah dengan sedikit bayaran yang mungkin akan dikenakan.

Jadi soal ini masih lagi saya sebutkan tadi di bawah perkara Pentadbir Tanah Daerah yang tidak mempunyai pengetahuan itu disebabkan oleh tidak ada arahan yang terus ataupun kursus yang secara terus diberikan kepada Pentadbir Tanah Daerah sehinggalah perkara ini belum lagi terdapat salinan-salinan ataupun surat hakmilik yang perlu dibuat itu masih lagi tidak dimiliki oleh Pentadbir Tanah Daerah ataupun Pejabat-pejabat Tanah Daerah.

Jadi soal yang saya hendak bangkitkan satu lagi ialah mengenai kemudahan-kemudahan dalam soal untuk kita buat pecahan-pecahan

walaupun secara langsungnya ia tidak akan membabitkan soal mencagar yang sekarang ini, tetapi masih banyak rungutan-rungutan bahawa terlalu lama permohonan-permohonan yang dikemukakan ke Pejabat-pejabat Daerah, Pejabat Tanah dan kemudian dikemukakan kepada Pengarah Tanah dan kepada Kerajaan Negeri untuk kelulusan bagi sesuatu pecahan hakmilik yang dibuat bagi memudahkan seseorang untuk menjalankan projek yang dipohonnya. Ini pun saya rasa perlulah mendapat pandangan dan kerjasama dari pihak Kerajaan bagi membolehkan sesuatu urusan itu dibuat dengan baik bagi memudahkan urusan pentadbiran tanah yang kita akan luluskan hari ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri menjawab.

5.54 ptg.

Dato' Seri Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan mengenai Rang Undang-undang ini dan saya cuba menjawab setakat mana yang sama boleh mengenai teguran-teguran dan pandangan-pandangan itu.

Yang pertama pandangan Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar mengenai kenyataan beliau bahawa tidak lengkapnya pindaan ini kerana kita tidak menyentuh masalah borang-borang, terutama sekali dari segi ukuran borang-borang yang menimbulkan masalah baru-baru ini dari segi pindaan dan pihak Kementerian telah mengeluarkan surat pekeliling kepada Pendaftar-pendaftar Hakmilik dan Pentadbir-pentadbir Tanah supaya menerima suratcara yang dalam bentuk borang lama sekiranya suratcara disempurnakan sebelum 25/3/85. Kalau suratcara itu disempurnakan sebelum 25/3/85, tarikh kita gazet atau menguatkuasakan ataupun mengisytiharkan pindaan itu, maka borang-borang lama itu boleh dipakai.

Pindaan-pindaan sewajarnya perlu dibuat dalam ayat penyaksian (attestation clause) sebagaimana yang dikehendaki oleh pindaan-pindaan itu dan borang-borang baru sekarang

boleh didapati dari Jabatan Cetak. Oleh itu pindaan kepada Jadual X tidaklah perlu dan lebih-lebih lagi perkara ini telahpun dibincangkan dengan pihak Majlis Peguam (Bar Council) bagaimana hendak mengatasi masalah ini dan beberapa dialog telah saya adakan untuk membantu anak-anak guamannya dan ini agaknya tidak kita duga kerana pada mula-mulanya tujuan Kerajaan/Kementerian ialah untuk menguatkuasakan pindaan-pindaan itu pada 1/6/85 tetapi oleh kerana adanya Jawatankuasa Khas yang kita minta mengkaji kesan-kesan pindaan itu telah membawa dalam persidangan Dewan baru-baru ini yang lalu untuk meminda beberapa fasal daripada 172 fasal yang telah kita kemukakan ataupun beberapa seksyen dan untuk memindanya mengikut nasihat Peguam Negara kita mesti menguatkuasakan undang-undang itu dahulu maka untuk pindaan ke atas pindaan mesti dikuatkuasakan dahulu. Maka itulah sebabnya kita sepatutnya menguatkuasakan pada 1/6/85 kita terpaksa menguatkuasakan lebih awal iaitu pada 25/3/85 untuk membolehkan pindaan-pindaan seterusnya dibuat untuk diselaraskan dan dilicinkan lagi pindaan-pindaan yang telah dibawa pada tahun 1984 dahulu.

Dari segi masalah mereka yang terlibat dalam pindaan-pindaan ini seperti saya katakan tadi bahawa kita mengambil kira mereka yang telah menyempurnakan suratcara dan sebagainya sebelum 25/3/85 kita ambil kira dan masalah borang ini seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum tujuannya ialah kita hendak menentukan saiz yang tetap supaya kita dapat mengemaskan pentadbiran Pejabat Tanah, kerana suratcara-suratcara ini penting sebagai dokumen yang diletakkan dalam bilek kebal Pejabat-pejabat Tanah sebagai bukti-bukti urusan dan sebagainya. Maka selalunya kita compilekan dalam buku 'folio-folio' tertentu untuk menjadi 'evidence' atau bukti kepada segala urusan dan lain-lain pentadbiran mengenai tanah itu dan saya yakin dengan adanya penyesuaian dan juga dialog dan perjumpaan dengan Majlis Peguam Negara, perkara ini telah dapat kita selesaikan sedikit sebanyak.

Tuan Yang di-Pertua, pandangan Ahli Yang Berhormat dari Ulu Muda bahawa masalah jaminan-jaminan Kerajaan nampaknya tidak dapat meyakinkan pihak-pihak tertentu me-

ngenai penguatkuasaan undang-undang dan saya yakin bahawa apabila kita membuat pindaan-pindaan kita mempunyai tujuan-tujuan yang tertentu dari segi kepentingan-kepentingan negara dan kebetulan ketika ini jugalah apabila kita menguatkuasakan beberapa pindaan ini masalah ekonomi dunia telah melanda negara dan pandangan-pandangan yang dibawa oleh Persatuan Bank-bank Asing menerusi memorandumnya telah kita ambil berat dan kita memikirkan bahawa keperluan bantuan-bantuan daripada apa juga sumber kewangan perlu ditimbang. Maka itulah sebabnya kita sanggup datang balik ke pangkuan Dewan yang mulia ini untuk meminda seksyen-seksyen yang telah kita pinda baru sahaja dalam Dewan ini juga tetapi jaminan yang paling penting dalam pindaan ini ialah walaupun dari segi cagaran dan 'lien' boleh diperlakukan tanpa kelulusan Kerajaan ataupun pihak berkuasa negeri yang pentingnya hakmilik tanah itu tidak terjatuh ke tangan warganegara asing dan ini ialah jaminan yang penting yang kita cuba pelihara dari segi kepentingan rakyat jelata dalam pindaan ini.

Dan Yang Berhormat dari Ulu Muda juga membawa bahawa pandangan apakah 433 (B) dari segi tajuk dan juga dari segi berapa peruntukan itu sekarang tidak terpakai lagi oleh kerana adanya pindaan baru ini. Tetapi seperti yang kita lihat bahawa 433 (B), dengan izin, bahawa:

"..... non-citizens in foreign companies may acquire xx xx xx xx land only with the approval of the State Authority.

'Section 1 menyatakan:

"Notwithstanding anything contained in this Act or in any other written law, a non-citizen or a foreign company may acquire land or an interest in land by way of disposal under Division II."

Itu pertama - 1(a), to acquire; 1(b), dealing may be effected; 1(c), masalah transmission dari segi trustee, who is a non-citizen; masalah 1(d) ialah representative, iaitu '....register any person or body as representative or make a memorial in favour of any person or body or representative of such person or body a non-citizen of a

foreign company; dan 1(e), masalah endorsement, a memorial of transmission.

Jadi, semuanya ini ada masih lagi terpakai terutama sekali dari segi dealings dan sebagainya yang tidak disentuh, urusan niaga yang tidak disentuh kerana urusan niaga masih lagi mesti perlu dibawa balik kepada Kerajaan Negeri atau pihak berkuasa negeri untuk mendapat persetujuan dan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri. Yang hanya kita tentu ialah masalah charge dan lien ini iaitu cagar dan lien.

Dari segi pentadbir-pentadbir tanah, kita sedar bahawa pindaan-pindaan yang datang ini ialah reaksi daripada keadaan ekonomi dan juga desakan daripada pihak-pihak yang tertentu dalam keadaan ekonomi yang meleset. Maka itulah sebabnya mungkin tiga, empat kali pindaan-pindaan yang dibawa dalam tiap-tiap persidangan Parlimen pada tahun ini telah menimbulkan mungkin agaknya sedikit kekeliruan pada pentadbir-pentadbir tanah dan kita akui perkara ini kita akan perbetulkan dan saya sungguh sukacita bahawa kita telahpun mengadakan Seminar Tanah untuk memberikan lagi pandangan-pandangan (views) yang lebih luas.

Kita sudah mengadakan latihan-latihan tertentu kepada pentadbir-pentadbir tanah, kursus, dailog dan persidangan-persidangan PTG ataupun (Pengarah Tanah dan Galian) Negeri, lebih kerap untuk menyelaraskan perkara-perkara ini dan juga kita memberi maklum kepada persidangan-persidangan Majlis Menteri-menteri Besar dan Ketua-ketua Menteri serta Majlis Tanah Negara untuk mencari jalan bagaimana hendak memperbaiki lagi pentadbiran tanah terutama sekali dari segi pegawai-pegawai pentadbir-pentadbir tanah itu sendiri.

Saya yakin dengan adanya kursus-kursus, dengan adanya seminar dan sebagainya kita akan dapat atasi masalah-masalah ini dan apatah lagi dengan adanya pemasangan komputer, dapat kita percepatkan dari segi masalah dokumentasi dan sebagainya.

Mengenai Malay Reservation (Tanah Simpanan Melayu) Tuan Yang di-Pertua, perkara

ini nyata dalam KTN, seksyen 4 yang menyatakan bahawa seksyen 4 saving, dengan izin;

“Notwithstanding anything contained in this Act shall affect the past operation of, or anything done under, any previous land law or in so far as they relate to land the provisions of any other law passed before the commencement of this Act, provided that any right, liberty, privilege, obligation or liability existing at the commencement of this Act by virtue of any such laws, shall, except, as hereinafter expressly provided, be subject to the provisions of this Act’, iaitu kedua, ‘....except in so far as it is expressly provided to the contrary, nothing in this Act shall affect the provisions of:

- (a) any law for the time being in force relating to customary tenure; and
- (b) any law for the time being in force relating to Malay reservations or Malay holdings

dan seterusnya.

Dengan itu, dengan sendirinya masalah Tanah Risab Melayu terpelihara dalam peruntukan seksyen 4 dalam Kanun Tanah Negara itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi masalah ke-longgaran pada tanah-tanah lain, Kementerian juga dalam keadaan serba salah, apakah kita mesti kontrol atau democratise sistem pemilikan tanah dari segi kepentingan pelaburan dan pembangunan negara. Kita sentiasa memandang berat dalam masalah delima ini, satu pihak kita hendak lebih ramai lagi pelabur-pelabur ini ke negara ini. Dan satu pihak pula kita hendak memelihara dan melindungi kepentingan ketuanan terutama sekali dari segi bumiputra dan juga orang-orang Melayu. Maka itulah sebabnya kita terpaksa menghormati pemilikan tanah secara Malay Reserve ataupun cara-cara lain.

Apatah lagi mengikut pandangan Yang Berhormat dari Ulu Muda, tanah-tanah industri ini kebanyakannya tanah yang diambil semula di bawah Land Aquisition Act dan tentu sekali tanah itu kadang-kadang mungkin sebelumnya

Tanah Risab Melayu dan sebagainya. Kita mengambil perhatian ini. Tetapi selalunya tanah ini dikeluarkan bukan lagi secara free hold atau secara hakmilik kekal, kebanyakannya lease dan Kerajaan-kerajaan Negeri lebih waspada sekarang untuk mengeluarkan lease yang pendek, yang paling panjang sekali pun hanya 99 tahun. Kita selalu memperimbangkan kepentingan ketuanan dari segi tanah dengan kepentingan pembangunan ekonomi. Saya yakin masalah kontrol atau democratisation dari segi pemilikannya penggunaan tanah ini mengambil kira kedua-dua kepentingan ini. Dan saya yakin pindaan-pindaan ini mencerminkan semangat, iaitu semangat menggalakkan pelaburan di satu pihak dan mementingkan hak ketuanan di negara ini yang berdasarkan kepada tanah. Saya yakin dengan kesedaran ini yang dicerminkan dalam pindaan pada hari ini iaitu pemilikan tanah tidak akan ada bertolak ansur dari segi warganegara asing. Tetapi masalah untuk membangunkan tanah dan menggunakan sumber-sumber wang daripada mana sekali pun walaupun dari segi bank asing ataupun individu-individu, itulah sebabnya maka kita adakan lien itu, tujuannya supaya individu-individu yang mahu syndicatekan loan agaknya boleh ada kepentingannya terpelihara, terjamin dengan adanya peruntukan-peruntukan ini. Dan tentu sekali pelabur-pelabur asing yang datang hendakkan sesuatu jaminan untuk meyakinkan mereka dapat melaburkan wang sebanyak itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan sokongan, pandangan dan teguran terhadap pindaan-pindaan ini dan saya yakin bahawa dengan adanya pindaan ini kita dapat sebanyak sedikit menyumbangkan kepada pembangunan negara.

Tuan Lee Lam Thye: (Bangun).

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat hendak.....

Tuan Lee Lam Thye: Bangun untuk mendapat penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Penjelasan, sila.

Tuan Lee Lam Thye: Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat tadi yang telah memberi keterangan mengenai masalah yang dikemukakan oleh saya apabila saya menyentuh masalah pentadbiran akibat dari penggunaan borang.

Di sini suka saya bertanya Yang Berhormat Menteri sama ada beliau sanggup memberi satu jaminan bahawa segala dokumen-dokumen pertukaran atau instruments yang telah dilaksanakan menerusi borang lama sebelum 25.3.1985 akan didaftarkan. Dan di samping ini saya juga suka mendapat jawapan daripada Yang Berhormat mengenai masalah yang tadi ada sebut mengenai tempoh menyerahkan instrument untuk kemasukan nama dalam buku daftar hakmilik. Dan saya hendak mendapat tahu sama ada Yang Berhormat Menteri sedar tentang perkara ini dan sama ada sesuatu dapat dibuat untuk mengatasi masalah itu supaya kelewatan tidak akan timbul dan ini kemasukan nama dalam daftar hakmilik dapat dibuat dengan segera. Sekian.

Datuk Seri Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam: Tuan Yang di-Pertua, masalah jaminan ini saya telah menyatakan tadi bahawa kita telahpun memberi jaminan dan saya harap kita tidak akan terhakis akan kepercayaan kepada sesuatu kenyataan yang dibuat dalam Dewan yang mulia ini. Apabila saya sebut sesuatu dalam Dewan yang mulia ini tentulah dengan penuh keinsafan dan kesedaran akan implikasi dan juga kesan terhadap kenyataan itu maka 25.3.1985 ialah tarikh kita kuatkuasakan pindaan itu, apa juga suratcara yang telah disempurnakan sebelum 23.3.1985 akan diakui dan selepas itu kita tidak lagi akui kerana kita hendak selaraskan semua suratcara-suratcara itu supaya seragam dan dapat disusun dengan pindaan-pindaan seperti attestation dalam borang itu.

Kedua, masalah pendaftaran dalam hakmilik ini, sebenarnya yang penting banyak yang tidak tahu saya rasa ialah document of title ataupun surat hakmilik yang sah ialah apa yang ada dalam bilik kebal Pejabat Tanah itu ialah the real title. Apa yang dipegang oleh pemilik tanah itu ialah extract atau issue of title dan kadang-kadang terkeliru juga ada pegawai-pegawai ataupun pentadbir-pentadbir ta-

nah yang enggan mendaftarkan urusan niaga dan lain-lain walaupun dengan ketiadaan extract of title oleh pemilik tanah walaupun rekod-rekod dalam bilik kebal cukup untuk digerakkan urusan niaga ini. Dan dalam pindaan-pindaan ini beberapa dealing atau urusan niaga dan masalah-masalah yang lain terperangkap dengan kurangnya pengetahuan dan saya bersetuju dengan Yang Berhormat dari Ulu Muda, masih ada pentadbir-pentadbir tanah yang belum lagi mahir dari segi pengetahuan mengenai pentadbiran tanah sehingga timbul masalah-masalah yang merumitkan. Di sini juga dari segi pendaftaran dalam hakmilik, kita akan ambil perhatian dan kita akan kemaskinikan.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalah ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibaca kali kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 4 -

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Pengerusi, saya hendak bercakap di bawah Fasal 3 Subseksyen (5). Yang Berhormat Menteri tadi menjelaskan kepada Dewan ini bahawa tidak perlunya pindaan kepada seksyen 433B (1) - (a), (b), (c), (d) dan (e) adalah disebabkan oleh tidak ada pindaan-pindaan yang membawa kepada transfer ataupun transmit atau any dealing; itu apa yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri tadi. Tetapi bagi subseksyen (5) pindaan ada menyebutkan bahawa subseksyen (4) shall not apply to land subject to the category 'industry'.

Kemudian, dalam penjelasan yang disebutkan a non-citizen or a foreign company would be entitled to bid at such sale.....'. Ini bermakna bahawa peruntukan di bawah 433B, perkara (c), ini boleh berlaku dengan kelulusan kepada Akta ini yang akan kita luluskan, itu yang saya kemukakan tadi untuk pindaan kepada perkara itu kalau boleh dibuat. Kerana pindaan kepada subseksyen (5) ini membolehkannya terlalu luas, hingga tidak terpakainya subseksyen (4) yang menghadkan Pihak Berkuasa Negeri bagi kelulusan sesuatu tanah yang hendak dimiliki oleh warganegara asing ataupun oleh syarikat-syarikat asing. Kalau mengikut tafsiran saya dalam Perkara 433B (1)(c) may be transferred or transmitted but only after the approval of State Authority. Itu jelas bahawa hanya dengan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri sahaja boleh dipindahmilik tetapi apabila timbulnya pindaan kepada seksyen 5 ianya telahpun membuka luas seperti saya katakan tadi sehingga membolehkan non-citizen or a foreign company untuk masuk iaitu membeli, bila membeli sudah menjadi transfer daripada sesuatu penjualan sama ada secara telong ataupun transfer biasa dilakukan di Pejabat Tanah Daerah. Saya ingin mendapat penjelasan, Tuan Pengerusi.

Dato' Seri Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam: Tuan Pengerusi, dalam masalah ini kita hanya khususnya kepada industri dan selalunya dalam ini ada kaitannya kalau tidak silap saya dengan 24 ini iaitu creation of charges and general provisions relating thereto powers of charging dan sebagainya, the said power shall be exercisable in any particular case, (b) any restriction and interest to which the land in question is for the time being subject to; jadi kalau masalah ada restriction and interest ada yang menjaganya, melindungi iaitu seksyen 24 (1), (3). Dan lagi masalah, provided that no such approval shall be required in respect of any land or any interest in any land which is subject to the category 'industry', oleh kerana mereka boleh memiliki tanah maka dengan itu mereka juga boleh bid for sale of such land kalau misalannya tanah itu tanah industri.

Bagi saya seperti saya katakan tadi kesimpulan dalam ucapan saya ini yang kita hendak melihara sama ada hendak menggalakkan pelaburan dan sebagainya, kita sengaja luaskan

sedikit tanah industri ini supaya dapat menggalakkan pelaburan. Dan di sini since they can own land, then consequently they can bid as a sale of such land subject to category industry, itu maknanya. Jadi, kalau dia sudah boleh memiliki tentu sekali dia boleh bid dari segi ini. Jadi, dalam subseksyen (4) 'where an order.....subject to the category 'agriculture' or to any condition requiring its use for any agricultural purpose, and in a case where it is not subject to the category 'industry', without the prior approval of the State Authority. (5) Subsection (4) shall not apply to land subject to the category 'industry'. Jadi tujuan, memang matlamat ini kita hendak memperluaskan dan memberikan keyakinan kepada pelabur-pelabur dalam tanah industri; tanah pertanian yang kita kawal lebih ketat memang tidak boleh kita larang semua sekali.

Tuan Pengerusi: Nampaknya subseksyen (5) itu tidak dihendaki lagi, itu bacaan saya. Subseksyen (5) tidak payah, sudah cukup subseksyen (4) itu.

Fasal 1 hingga 4 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PENCEN (PINDAAN) 1985

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

6.20 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob): Tuan Yang dipertua, saya mohon mencadangkan supaya Akta Pencen (Pindaan) 1985 dibaca bagi kali yang kedua.

Seksyen 12A Akta ibu iaitu Akta Pencen, 1980 adalah dicadangkan dipinda bagi memperluaskan pemakaiannya, bukan sahaja bagi pertubuhan perniagaan di mana Kerajaan mempunyai kepentingan secara langsung ataupun tidak langsung, tetapi juga bagi membolehkan pegawai tetap bersara atas sebab penswastan.

Seksyen 12A Akta Pencen, 1980 membolehkan seseorang pegawai berpencen dalam perkhidmatan awam yang belum meningkat umur 50 tahun dibersarakan untuk berkhidmat dalam pertubuhan perniagaan di mana Kerajaan Persekutuan atau mana-mana Kerajaan Negeri mempunyai kepentingan atau mana-mana pertubuhan antarabangsa di mana Malaysia menjadi anggotanya, dengan syarat perlantikan itu dibuat oleh/atau dengan kelulusan Kerajaan Persekutuan.

Dalam hal persaraan ini, pencen dan ganjaran adalah dihitung berdasarkan tempoh perkhidmatan dan gaji yang diterima sebelum meninggalkan perkhidmatannya, akan tetapi faedah persaraan ini akan ditangguhkan bayarannya sehingga pegawai berkenaan mencapai umur 50 tahun. Sekiranya berlaku kematian sebelum mencapai umur 50 tahun, pegawai itu akan dianggap seolah-olah telah mati dalam perkhidmatan awam dan tanggungannya layak diberi faedah kematian berkuatkuasa sehari selepas kematian.

Tuan Yang di-Pertua, kepentingan Kerajaan yang dimaksudkan dalam Seksyen 12A telah ditetapkan sebagai kepentingan yang nyata dan secara langsung. Oleh itu, peruntukan yang ada sekarang adalah terlalu sempit dalam pemakaiannya. Ianya tidak boleh dipakai bagi perlantikan untuk berkhidmat dengan mana-mana pertubuhan perniagaan di mana Kerajaan mempunyai kepentingan secara tidak langsung iaitu menerusi badan-badan yang ditubuhkan sendiri.

Dalam membuat pindaan kepada Seksyen 12A, ungkapan yang berbunyi: 'dalam mana Kerajaan atau mana-mana Kerajaan Negeri mempunyai kepentingan' adalah dikeluarkan. Perkataan 'perniagaan' selepas perkataan 'pertubuhan' juga dikeluarkan, supaya persaraan tidak dihadkan hanya kepada pertubuhan perniagaan selain daripada pertubuhan antarabangsa seperti yang terdapat sekarang. Dengan ini persaraan boleh dilakukan apabila seseorang pegawai yang sedang berkhidmat diperlukan oleh pertubuhan iaitu seperti Universiti Islam Antarabangsa.

Dengan memperluaskan pemakaian Seksyen ini, saya suka menegaskan bahawa mana-mana pihak tidak perlu bimbang ke atas kemungkinan menyalahgunakan peruntukan ini bagi membarsarakan seseorang pegawai untuk berkhidmat dalam mana-mana pertubuhan kerana kawalan rapi akan dibuat dan hanya pegawai yang dilantik oleh atau dilantik dengan kelulusan Kerajaan Persekutuan sahaja boleh dibersarakan.

Tuan Yang di-Pertua, berikutan dengan pindaan yang dicadangkan kepada Seksyen 12A, beberapa pindaan lagi adalah dicadangkan bagi membolehkan faedah persaraan dibayar kepada pegawai tetap yang disarakan atas sebab penswastaaan. Pindaan-pindaan yang dicadangkan adalah seperti berikut:-

(a) Kelayakan Faedah Persaraan

Dengan pindaan kepada Seksyen 12A ini, adalah dicadangkan pegawai tetap yang telah disahkan dalam jawatan tetapi belum diberi taraf berpencen yang dibersarakan atas sebab penswastaaan disifatkan sebagai pegawai berpencen. Dalam hal ini mereka layak untuk menerima pencen sekurang-kurangnya 1/5 daripada gaji akhir yang diterima, sepertimana yang diperuntukkan sekarang bagi pegawai tetap yang telah disahkan dalam jawatan yang dikehendaki bersara atas sebab kesihatan, ataupun kepada tanggungan pegawai yang mati dalam perkhidmatan sebelum diberi taraf berpencen.

(b) Syarat-syarat Pembayaran

Seseorang pegawai yang telah dibersarakan di bawah Seksyen 12A hendaklah berkhidmat dalam pertubuhan atau anak syarikatnya bagi tempoh sekurang-kurangnya 5 tahun ataupun sehingga meningkat umur persaraan pilihan sendiri iaitu 45 tahun bagi pegawai wanita dan 50 tahun bagi pegawai lelaki. Syarat ini dicadangkan untuk memastikan bahawa pegawai berkenaan akan menyumbangkan perkhidmatannya dengan pertubuhan berkenaan dan persaraan di bawah Seksyen ini tidak

pula digunakan sebagai satu cara keluar dari perkhidmatan awam tanpa mengugurkan kelayakan kepada faedah persaraan.

Syarat untuk berkhidmat selama 5 tahun telahpun ditetapkan bagi pegawai yang dibersarakan demi kepentingan negara. Walau bagaimanapun, bagi seseorang yang mana perkhidmatannya ditamatkan oleh pertubuhan atas sebab kesihatan, ataupun oleh syarikat swasta atas langkah mengurangkan perbelanjaan, adalah dicadangkan supaya bayaran faedah persaraan diuruskan kepadanya walaupun masih belum meningkat umur persaraan pilihan sendiri. Ini disebabkan penamatan perkhidmatan bukanlah merupakan kehendak diri sendiri tetapi oleh sebab kesihatannya ataupun atas kehendak syarikat dalam keadaan yang tertentu.

(c) **Faedah Persaraan**

Pencen dan ganjaran adalah dikira berdasarkan kepada tempoh perkhidmatan dalam perkhidmatan awam dan gaji akhir yang diterima. Dalam usaha meminda Seksyen 12A persoalan yang timbul ialah mengenai tempoh perkhidmatan dan gaji akhir seseorang pegawai yang akan diambil kira bagi maksud faedah pencen dan ganjaran. Pada hakikatnya, apabila seseorang pegawai disarakan, tarafnya sebagai seorang pegawai perkhidmatan awam adalah terputus. Walau bagaimanapun, bagi mereka yang bersara atas sebab penswastan dan menerima gaji dan terma serta syarat perkhidmatan awam tidak melebihi 2 tahun yang ditawarkan itu, adalah dicadangkan tempoh itu boleh diambil kira.

Dalam pada itu adalah juga dicadangkan supaya gaji akhir bagi mereka yang akan dipakai bagi perkiraan faedah persaraan, hendaklah berdasarkan gaji akhir di syarikat swasta sebelum diberi tanggagaji perkhidmatan swasta yang baru. Oleh itu, tafsiran gaji akhir dan tempoh perkhidmatan yang boleh diambil kira hendaklah diubahsuai.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masa sudah cukup. Saya minta seorang Menteri mencadangkan iaitu mengikut Peraturan Mesyuarat 16 (3) Majlis Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

USUL

PENANGGUHAN MESYUARAT

Menteri Wilayah Persekutuan (Dato' Shahrir bin Abdul Samad): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu mengikut Peraturan Mesyuarat 16(3), Majlis Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

UCAPAN PENANGGUHAN

PENDUDUK SETINGGAN MEMASANG PAIP AIR PERSENDIRIAN

6.30 ptg.

Dr. Tan Seng Giaw (Kepong): Tuan Yang di-Pertua, terdapat kira-kira 250,000 setinggan di Wilayah Persekutuan iaitu 25% daripada jumlah bilangan penduduk Kuala Lumpur. Pihak Kerajaan harus menyediakan tempat kediaman alternatif sekiranya melakukan kerja pembersihan setinggan dan kemudahan-kemudahan asas seperti bekalan elektrik, air dan pembeutung. Bekalan elektrik telah diadakan di kebanyakan tempat, pembedungan tidak pernah kedengaran hanya bilik air awam yang telah disediakan.

Akhir tahun lalu Yang Berhormat Menteri telah membenarkan air paip persendirian dipasang di kawasan setinggan. Apakah status perkara pemasangan air paip persendirian ini pada masa sekarang khususnya di Jinjang dan seluruh kawasan Kepong? Apakah bentuk pertolongan yang akan dan telah diberikan oleh pihak Kerajaan terhadap kejayaan projek ini? Jika projek ini masih belum lagi dimulakan, apakah masalahnya. Kerajaan juga harus bertanggungjawab menyediakan kemudahan air serta pembedungan jika ianya dapat membekalkan elektrik. Sekian, terima kasih.

6.31 ptg.

Menteri Wilayah Persekutuan (Dato' Shahrir bin Abdul Samad): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya memang sedar terhadap masalah bekalan air yang dihadapi oleh penduduk setinggan di Wilayah Persekutuan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Kepong, bekalan air individu ke rumah-rumah setinggan masih dalam peringkat awal perlaksanaannya, Kementerian Wilayah Persekutuan pada masa ini sedang menjalankan usaha-usaha untuk membekalkan air dari rumah ke rumah. Walau bagaimanapun kemampuan Kementerian ini membekalkan air dari rumah ke rumah bergantung kepada peruntukan yang disediakan. Dalam kerja membekalkan air dari rumah ke rumah, Kementerian ini tidak akan membenarkan kemasukan paip air ke rumah-rumah setinggan yang duduk di kawasan-kawasan tanah hakmilik individu dan juga kawasan-kawasan yang dalam perancangan Kerajaan.

Usaha yang dijalankan bagi menyediakan bekalan air dari rumah ke rumah adalah berbeza daripada bekalan elektrik. Ini ialah kerana bekalan air dari rumah ke rumah menghadapi beberapa masalah tertentu. Di antaranya ialah kedudukan rumah-rumah setinggan yang tidak teratur, kedudukan rumah-rumah yang tidak teratur akan menyebabkan kerapnya berlaku kebocoran paip air. Namun demikian Kementerian Wilayah Persekutuan akan berusaha untuk mengatasi masalah bekalan air yang diha-

dapi oleh penduduk setinggan. Dalam hal ini Kementerian akan membiayai kos penyediaan saluran-saluran paip ke kawasan-kawasan setinggan di bawah projek pembasmian kemiskinan yang dijalankan oleh Kementerian saya.

Mengenai pemasangan paip air bersendirian di kawasan-kawasan setinggan-setinggan di Jinjang dan seluruh kawasan Kepong, ia adalah sama seperti kawasan-kawasan lain di Wilayah Persekutuan di mana pemasangan paip dijalankan secara berperingkat-peringkat. Sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, berbalik kepada usul bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 16(3), Majlis Mesyuarat ini hendaklah ditangguhkan sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 16(3), Majlis Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

Tuan Yang di-Pertua: Mesyuarat ditangguhkan sekarang dan akan bersidang pada jam 3.00 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.35 petang.